

Bab 6

Kemudahan Asas

Gangguan ke atas kemudahan asas dilakukan oleh pengganas komunis pada zaman darurat. Ini kerana pengganas sedar bahawa kepincangan kemudahan tersebut dapat mengurangkan sokongan dan keyakinan penduduk terhadap pihak pemerintah. Keadaan itu seterusnya dapat menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk terhadap ketidakupayaan pemerintah memelihara kemudahan hidup mereka. Dengan itu, komunis dapat menggunakan peluang dan alasan ini untuk memenangi sokongan penduduk terhadap perjuangan mereka.

Kempen sabotaj sering dilakukan oleh pengganas komunis, terutamanya ke atas jalan raya dan keretapi. Landasan keretapi dirosakkan dan keretapi digelincir, ditembak atau dibomkan; kenderaan yang melalui jalan raya pula diserbu, dibakar serta harta benda penumpang dirampas (Rujuk Lampiran 12). Selain itu, pengganas komunis melakukan sabotaj ke atas kemudahan telefon dan telegraf. Pemutusan talian telefon telah menyebabkan hubungan dengan luar terputus. Ia dilakukan agar pihak penyelamat tidak dapat dihubungi dengan segera dan tidak dapat sampai ke tempat kejadian dalam masa yang singkat. Kemudahan lain seperti paip air juga kerap dirosakkan oleh pengganas komunis. Tindakan ini menyulitkan kehidupan penduduk di kawasan yang terbabit (rujuk contoh dalam Lampiran 13) dan mengakibatkan penduduk terpaksa bergantung kepada air hujan, air sungai atau air perigi untuk kegunaan harian sebelum paip berkenaan siap dibaiki. Ini mengakibatkan bahaya jangkitan penyakit kerana air yang kurang bersih dan menjelaskan keadaan kesihatan penduduk. Sementara itu, kemudahan elektrik, pengairan dan perparitan serta kesihatan kurang menjadi sasaran komunis. Bagaimanapun,

pembangunan kemudahan elektrik, pengairan dan perparitan serta kesihatan terganggu kerana keadaan darurat yang dihadapi oleh Tanah Melayu.

Namun demikian, atas kesedaran tentang kepentingan kemudahan asas dapat mengelakkan penduduk tertarik dengan pengaruh komunis, berbagai usaha dirancang dan dijalankan oleh kerajaan demi meningkatkan kemudahan asas tersebut. Oleh itu, kerajaan membina jalan raya, walaupun tujuan asalnya ialah memudahkan pergerakan pasukan keselamatan; membina dan melanjutkan jalan keretapi; menyediakan air paip dan letrik; meningkatkan perkhidmatan telefon dan telegraf; membina hospital dan kajian dilakukan ke atas penyakit berbahaya; melakukan kerja pengairan dan perparitan untuk kesenangan hidup penduduk Tanah Melayu. Dengan meningkatnya taraf hidup penduduk dan perluasan kemudahan sosial, penduduk akan menunjukkan sokongan kepada pihak kerajaan dan tidak berpihak kepada pengganas. Bagaimanapun, darurat yang menelan perbelanjaan lebih kurang \$300,000 sehari itu menyebabkan usaha mengembangkan kemudahan asas yang dijalankan di Tanah Melayu terpaksa dibataskan. Perbelanjaan yang sepatutnya disalurkan untuk membangunkan prasarana terpaksa digunakan untuk sektor pertahanan bagi menghadapi ancaman komunis dan menamatkan darurat. Pada masa yang sama, sumber ekonomi di Tanah Melayu tidak dapat digerakkan sepenuhnya kerana pengganas komunis seringkali mengganggu dan menyerang lombong dan estet getah.

Jalan Keretapi

British kembali semula ke Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah dan cuba memulihkan kemudahan asas di Tanah Melayu kerana kerosakan akibat perang. Antaranya adalah rangkaian perhubungan keretapi.¹ Usaha ini tergendala apabila muncul pengganas komunis yang menimbulkan kekacauan dan huru-hara bagi menjatuhkan

pentadbiran British. Pengganas komunis seringkali melancarkan sabotaj ke atas keretapi.²

Tindakan komunis ini bukan sahaja merugikan Keretapi Malaya (*Malayan Railway*) tetapi juga menyulitkan pergerakan penduduk. Serangan komunis tersebut menimbulkan kebimbangan penumpang keretapi terhadap keselamatan mereka. Sekaligus juga menjelaskan jalinan interaksi antara penduduk di sesuatu kawasan dengan kawasan lain. Serangan ini juga memaksa Keretapi Malaya mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kegiatan sabotaj pengganas yang menjelaskan kelancaran perjalanan keretapi.

Dalam masa enam bulan permulaan darurat, kira-kira 69 kali keretapi diserang oleh pengganas komunis.³ Selain itu, berlaku 10 kejadian pengganas mengalihkan rel atau dengan meletup landasan atau menghalang perjalanan keretapi. Dalam tempoh itu juga, sebanyak enam buah keretapi ditembak, tiga keretapi peronda dan sebuah keretapi mel malam digelincirkan oleh pengganas komunis.⁴ Antara perbuatan sabotaj pengganas komunis ke atas perkhidmatan keretapi berlaku pada 22 Julai 1948. Dalam kejadian itu, keretapi mel malam dari Singapura ke Kuala Lumpur diserang di selatan Sedenak, Johor. Pemandu keretapi tercedera.⁵ Dalam pada itu, jalan keretapi, lebih kurang 12.87 kilometer (lapan batu) ke utara perhentian keretapi Bahau, Negeri Sembilan, diletupkan dengan dinamit oleh pengganas komunis pada 25 Ogos 1948.⁶ Pada 10 September 1948, keretapi peronda landasan diserang hendap oleh pengganas komunis di antara Ipoh dengan Taiping, Perak. Kejadian itu mengakibatkan tiga orang cedera.⁷ Pada malam 15 September 1948, pengganas komunis mensabotaj keretapi Singapura-Kuala Lumpur di antara perhentian Layang-Layang dengan Sedenak, Johor tetapi tidak berhasil. Bagaimanapun, tindakan pengganas itu mengakibatkan roda belakang sebuah gerabak keretapi panduan (*pilot train*)⁸ yang mengikut keretapi mel malam itu rosak.⁹ Pada 20 Oktober 1948, keretapi dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang tiba lewat 10 jam kerana landasan keretapi di selatan Perak dirosakkan oleh pengganas komunis.¹⁰ Pada 29

November 1948, keretapi panduan yang mengiringi keretapi dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang digelincirkan di Rawang, Selangor. Dalam kejadian itu, dua kakitangan keretapi cedera.¹¹ Pada 9 Disember 1948, satu lagi kejadian menggelincirkan keretapi berlaku di Mentakab, Pahang, mengakibatkan tiga mata-mata khas, seorang askar British dan pemandu keretapi cedera.¹² 100 das tembakan dilepaskan oleh pengganas komunis ke atas keretapi panduan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur pada tengah malam 26 Disember 1948. Walaupun begitu, tiada kecederaan berlaku. Kejadian itu berlaku ketika keretapi melalui Kampung Cherau, Perak dan dibidas oleh pengganas komunis dari kedua-dua belah jalan keretapi berkenaan.¹³ Serangan pengganas itu menyebabkan langkah berjaga-jaga diambil. Antaranya, keretapi mel malam memperlahangkan kadar kelajuan pada lebih kurang 56.33 kilometer (35 batu) sejam berbanding lebih kurang 72.42 kilometer (45 batu) sejam sebelum perang,¹⁴ dengan keretapi panduan bergerak lima minit terdahulu di hadapan untuk menjaga keselamatan penumpang. Kepala keretapi panduan dan keretapi mel malam dilengkapi dengan perisai. Semua keretapi dipasang alat gelombang radio yang dihubungkan dengan pusat pengawasan.¹⁵ Keretapi Malaya juga mengumumkan pengurangan kekerapan perjalanan keretapi malam dan menukar jadual perjalanan keretapi mulai 26 Julai 1948. Di daerah Pantai Timur, had kelajuan keretapi dikurangkan kepada lebih kurang 24.14 kilometer (15 batu) sejam sahaja. Dengan demikian, dapatlah pemandu keretapi menghentikan perjalanan sekiranya terasa ada pengganas yang hendak melakukan serangan ke atas keretapi. Selain itu, semua keretapi dibekalkan pelekat penerangan dalam empat bahasa. Pelekat itu mengingatkan penumpang supaya berjaga-jaga terhadap angkara perbuatan pangganas komunis. Penumpang diminta supaya meniarap di lantai apabila kedengaran tembakan yang menghala ke arah keretapi.¹⁶ Rondaan landasan yang kerap antara Kuala Krai dan Gua Musang juga adalah antara langkah berjaga-jaga yang dijalankan di Kelantan.¹⁷ Mulai

dari pertengahan September 1948, kawalan kastam ke atas sempadan jalan keretapi Rantau Panjang, Kelantan, dikukuhkan dan kakitangan ditambah. Makanan seperti susu, gula dan biskut tidak dibenarkan diangkut dengan keretapi. Langkah ini diambil untuk menyekat bekalan makanan jatuh ke tangan komunis.¹⁸ Kegiatan pengganas komunis di seluruh Tanah Melayu mengakibatkan kerugian kewangan Keretapi Malaya. Bayaran daripada penumpang hanya kira-kira \$4,000,000 pada tahun 1948, sedangkan pada masa yang sama perbelanjaan untuk pembinaan semula dan pemulihian landasan adalah \$30,666,751.¹⁹

Sehingga Ogos 1949, lebih kurang 104 kejadian sabotaj pengganas komunis ke atas keretapi. Ini termasuklah tujuh kali jambatan keretapi diletupkan, sembilan kali gerabak keretapi digelincirkan, lima kali keretapi ditembak dan 25 kali landasan dirosakkan.²⁰ Selain itu, dua stesen keretapi, tiga tempat penginapan pekerja dan empat gerabak penumpang dimusnahkan. Dalam kejadian itu, dua penumpang terbunuuh dan tujuh cedera. Dua pegawai landasan dan dua pekerja turut terbunuuh serta 23 kakitangan cedera.²¹ Antara kejadian serangan pengganas ke atas keretapi berlaku pada 21 Januari 1949, di mana pengganas komunis menyerang keretapi panduan dari Singapura ke Kuala Lumpur di Batu 3, utara Kulai, Johor.²² Dalam perkembangan lain, pada 25 Januari 1949, kira-kira 30 hingga 50 pengganas bersenjata menggelincirkan sebuah keretapi persendirian milik Syarikat Perlombongan Arang Batu Tanah Melayu yang membawa enjin dan kayu balak dengan kira-kira 50 orang penumpang, di kawasan berhampiran Batu Arang, Selangor.²³ Pada Februari 1949, dua buah keretapi digelincirkan berhampiran dengan Tapah, Perak, kerana pengganas komunis mengalihkan *fishplate* di sebelah kiri landasan.²⁴ Ini termasuklah kejadian yang berlaku pada 1 Februari 1949, melibatkan keretapi mel malam dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang di antara Banir dengan Témoh.²⁵ Kejadian lain berlaku pada 2 Februari 1949 melibatkan penggelinciran

keretapi malam dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang. Kejadian itu berlaku di selatan Tapah, Perak, di mana keretapi malam berlanggar dengan keretapi peronda, menyebabkan seorang pekerja keretapi cedera.²⁶ Begitu juga, pada 23 Mac 1949, keretapi dari Tapah ke Teluk Intan, Perak, digelincirkan berdekatan Changkat Patai, lebih kurang 4.83 kilometer (tiga batu) di utara Tapah. Dalam peristiwa itu, landasan keretapi dipindah dan pakunya dibuka oleh pengganas komunis.²⁷ Perkhidmatan keretapi di Perak tergendala pada 1 Julai 1949, akibat pengganas komunis merosakkan landasan di antara Tanjung Rambutan dengan Ipoh, Perak.²⁸ Di Pahang pula, pada penghujung September 1949, sebuah keretapi diserang hendap berdekatan selatan Jerantut.²⁹ Pada 3 Oktober 1949, pengganas komunis merampas keretapi dari utara ke selatan di kawasan Jerantut, Pahang, selepas membunuh tiga pengawal dan mencederakan 10 penumpang.³⁰ Di Negeri Sembilan, pada 10 Disember 1949, jam 10.15 pagi, sebuah keretapi diletupkan dengan dinamit, digelincirkan dan diserang hendap oleh kira-kira 100 orang pengganas komunis di Batu 38, di antara Ayer Hitam dengan Kemayan, Bahau. Kejadian itu menyebabkan seorang pengawal keretapi berbangsa Melayu dan seorang penumpang Cina terkorban.³¹ Langkah melindungi keretapi malam yang bermula pada tahun 1948 diteruskan pada tahun 1949. Keretapi malam yang melalui Landasan Pantai Timur masih mengurangkan kelajuan dan diiringi dengan pasukan polis. Selain itu, perkhidmatan keretapi barang pada waktu malam disekat di Tanah Melayu.³²

Tahun 1950 memperlihatkan kegiatan sabotaj komunis ke atas keretapi yang lebih hebat, iaitu lebih tiga kali ganda berbanding dengan tahun 1949. Pada tahun 1950, terdapat 368 serangan pengganas komunis ke atas keretapi. Landasan diganggu dalam 101 kejadian dengan 59 kes penggelinciran keretapi. Tembakan ke atas keretapi sebanyak 54 kali, 19 penumpang terbunuh dan 58 cedera. Kepala keretapi dirosakkan dalam 47 serangan dan gerabak dirosakkan dalam 14 serangan komunis.³³ Antaranya, di

Perlis, sebuah keretapi dari Kangar ke Padang Besar ditembak dan digelincirkan oleh pengganas komunis pada 1 Januari 1950. Kejadian itu mengakibatkan landasan yang menghubungkan Arau, Perlis dengan Padang Besar di sempadan Thailand tidak dapat digunakan selama seminggu.³⁴ Pada 4 Januari 1950, keretapi malam dari Singapura ke Kuala Lumpur diserang hendap oleh pengganas komunis di kawasan Labis, Johor, menyebabkan seorang penumpang perempuan dan seorang askar British cedera.³⁵ Pada 24 Januari 1950, seorang penumpang Cina terbunuh dan dua penumpang lain cedera parah apabila pengganas komunis menembak sebuah keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur di antara Sedenak dengan Layang-Layang, Johor.³⁶ Pada 26 Januari 1950, sebuah keretapi barang dari Singapura ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis berdekatan Senai, Johor dan menyebabkan pemandu cedera.³⁷ Pada 5 Februari 1950, sebuah keretapi dari Kemayan ke Bahau digelincirkan oleh pengganas komunis di Sungai Lui, Bahau, Negeri Sembilan, mengakibatkan tiga orang penumpang cedera.³⁸ Pada lewat Februari 1950, di kawasan Bahau, Negeri Sembilan, sebuah keretapi penumpang digelincirkan dan dibakar oleh pengganas komunis. Dalam kejadian itu, empat orang British dan tiga orang awam cedera.³⁹ Pada 1 Mac 1950, sembilan orang cedera apabila pengganas komunis menggelincirkan sebuah keretapi berdekatan Bahau, Negeri Sembilan, akibat rel landasan dialihkan dan kawat keretapi dipotong.⁴⁰ Pada 3 Mac 1950, seorang wanita Cina terbunuh dan lima penumpang lain cedera apabila pengganas komunis menembak keretapi mel malam Singapura-Kuala Lumpur berdekatan Layang-Layang, Johor.⁴¹ Pada 6 Mac 1950, keretapi dari Mentakab, Pahang ke selatan tergelincir selepas suatu letupan di Batu 67, di antara Jerantut dengan Triang, Pahang. Dalam kejadian itu, seorang penumpang terbunuh dan tiga cedera.⁴² Dalam kejadian lain, pengganas komunis membakar stesen keretapi di Kempas, Johor pada 17 Mac 1950. Pada 20 Mac 1950, berdekatan Senai, Johor, pengganas komunis menembak sebuah

keretapi mel dari Singapura ke Kuala Lumpur, mencederakan seorang askar British dan seorang orang awam.⁴³ Pada 29 Mac 1950, di kawasan Layang-Layang, Johor, segerombolan penganas komunis menembak keretapi malam yang menuju ke utara. Kejadian itu menyebabkan dua penumpang cedera.⁴⁴ Dalam pada itu, sebuah keretapi perisai dari Mengkarak ke Mentakab, Pahang, digelincirkan dan ditembak oleh kira-kira 50 penganas komunis pada 2 April 1950. Seorang polis dan seorang tukang api⁴⁵ cedera.⁴⁶ Pada 3 April 1950, dua askar dan dua orang awam dalam sebuah keretapi mel dari Singapura ke Kuala Lumpur mengalami kecederaan akibat penganas komunis melepaskan tembakan berdekatan kebun getah di Kulai, Johor.⁴⁷ Pada hari yang sama, di landasan Kulai-Sedenak, Johor Bahru, Johor, sekumpulan penganas komunis menembak sebuah keretapi malam dan menyebabkan tiga orang awam terbunuh dan seorang pegawai keselamatan cedera.⁴⁸ Pada 6 April 1950, keretapi malam dari Singapura ke Kuala Lumpur ditembak oleh sekumpulan penganas komunis di landasan keretapi Senai-Kulai, Johor Bahru, Johor. Dalam kejadian itu, seorang penumpang Cina terbunuh dan dua orang Cina serta seorang Melayu cedera.⁴⁹ Pada malam 8 April 1950, keretapi panduan bagi keretapi Singapura-Kuala Lumpur tergelincir di Batu 8, Kluang, Johor, kerana landasan dibomkan oleh penganas komunis. Pemandu keretapi cedera dalam kejadian itu.⁵⁰ Pada 15 April 1950, sebuah gerabak keretapi penumpang dari Mentakab ke Kerdau digelincirkan oleh penganas komunis berdekatan Mentakab, Pahang.⁵¹ Pada 30 April 1950, keretapi mel dari Singapura ke Kuala Lumpur diserang oleh penganas komunis di Batu 2, selatan Layang-Layang, Johor, mengakibatkan dua askar British dan dua orang awam cedera.⁵² Pada 17 Mei 1950, keretapi malam dari Kuala Lumpur ke Singapura tergendala di Batu 8, Seremban, Negeri Sembilan kerana sebahagian landasan diletupkan oleh penganas komunis.⁵³ Pada 22 Mei 1950, sebuah gerabak keretapi perisai tergelincir di daerah Triang, Pahang, akibat letupan landasan yang dipercayai perbuatan

pengganas.⁵⁴ Selain itu, pada 24 Mei 1950, sebuah keretapi penumpang dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang ditembak oleh pengganas komunis di antara Mentakab dengan Kuala Krau, Pahang. Kejadian itu mengakibatkan seorang penumpang terbunuh dan dua penumpang cedera.⁵⁵ Pada Jun 1950, terdapat sembilan kes keretapi yang sedang bergerak ditembak oleh pengganas komunis, mengakibatkan lima mati dan sembilan cedera.⁵⁶ Antaranya, pada 6 Jun 1950, pengganas menembak keretapi mel malam dari Kuala Lumpur ke Singapura berdekatan Bekok, Segamat, Johor dan mengakibatkan lima orang cedera.⁵⁷ Keretapi mel malam dari Singapura ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis di Batu 2, selatan Labis, Johor pada 15 Jun 1950. Kejadian itu menyebabkan seorang penumpang cedera.⁵⁸ Keretapi mel malam dari Singapura ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis di Gemuang, Pagoh, Johor, pada 22 Jun 1950.⁵⁹ Kejadian serangan komunis ke atas keretapi berterusan pada Julai 1950. Di Johor, sebuah keretapi mel dari Kuala Lumpur ke Singapura ditembak oleh pengganas komunis di kawasan Kempas pada 19 Julai 1950. Dalam kejadian ini, seorang wanita Cina terbunuh, tiga orang Melayu dan dua orang India cedera.⁶⁰ Di Perak, pada 24 Julai 1950, keretapi mel malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur digelincirkan di antara Tanjung Rambutan dengan Ipoh. Setelah siasatan dibuat, pihak berkuasa mendapati 40 meter panjang landasan diletupkan oleh pengganas. Kejadian itu menyebabkan perkhidmatan keretapi dari Ipoh ke Kuala Lumpur dibatalkan pada 25 Julai 1950.⁶¹ Manakala di kawasan Kluang, Johor, sebuah keretapi malam dari Singapura ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis berhampiran Layang-Layang, Johor, pada 2 Ogos 1950. Gerabak Keretapi terbakar, mengakibatkan 75 bungkusan surat dan 57 bungkusan barang musnah.⁶² Di Seberang Prai, dua gerabak keretapi pengangkut barang dari Prai ke Kuala Lumpur digelincirkan di Sungai Bakap pada 4 Ogos 1950.⁶³ Pada 7 Ogos 1950, di Negeri Sembilan, keretapi panduan dari Kuala Lumpur ke Singapura

digelincirkan di antara selatan Ayer Kuning, Perak dengan Gemas, Negeri Sembilan. Kejadian ini menyebabkan perkhidmatan keretapi tergendala untuk beberapa jam.⁶⁴ Pada 14 Ogos 1950, keretapi panduan dari Kuala Lumpur ke Singapura digelincirkan di kawasan Negeri Sembilan, mengakibatkan keretapi dari Ipoh ke selatan hanya sampai di Kuala Lumpur sahaja.⁶⁵ Pada Ogos 1950, berlaku lapan kes keretapi ditembak oleh pengganas, iaitu lima di Johor dan tiga di Perak. Kejadian itu mengakibatkan tiga orang terbunuh dan tujuh cedera.⁶⁶ Antaranya, berlaku di Johor pada 28 Ogos 1950 di mana keretapi dari Kuala Lumpur ke Singapura ditembak dan dua penumpang cedera.⁶⁷ Dalam kejadian lain, pada malam 3 September 1950, keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis di kawasan Johor. Dalam kejadian itu, seorang pengawal keretapi cedera terkena serpihan cermin keretapi.⁶⁸ Begitu juga, pada malam 9 September 1950, keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis berdekatan kawasan Johor dan dua penumpang cedera.⁶⁹ Pada 16 September 1950, keretapi panduan dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang digelincirkan di kawasan Perak. Kejadian itu menyebabkan perkhidmatan keretapi ke utara dan selatan tergendala.⁷⁰ Pada 2 Oktober 1950, keretapi dari Kuala Lumpur ke Singapura diserang hendap oleh pengganas komunis berhampiran kawasan Johor yang menyebabkan tiga penumpang cedera.⁷¹ Pada 18 Oktober 1950, pengganas komunis menyerang keretapi yang dalam perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur. Kejadian itu menyebabkan keretapi tergelincir berdekatan Senai, Johor, seorang pemandu mati dan dua kakitangan cedera.⁷² Pada 28 Oktober 1950, di Pahang, enam serangan dilakukan oleh pengganas komunis ke atas Landasan Keretapi Pantai Timur. Pada masa yang sama, dua keretapi digelincirkan oleh pengganas di Pahang. Dalam tempoh itu juga, dua gerabak keretapi panduan digelincirkan di Negeri Sembilan.⁷³ Pada awal November 1950, di kawasan Alor Gajah, Melaka, sebuah keretapi panduan telah digelincirkan.⁷⁴ Pada 20 November

1950, keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur digelincirkan oleh penganas komunis di selatan Johor, menyebabkan pemandu keretapi cedera. Kejadian itu juga menyebabkan perkhidmatan keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur pada 21 November 1950 dibatalkan.⁷⁵ Di Johor Bahru, Johor, pada 29 November 1950, sebuah keretapi mel malam dari Singapura ke Kuala Lumpur digelincirkan dan penganas kemudian melepaskan tembakan ke atasnya yang mengakibatkan seorang penumpang terbunuh dan dua orang cedera.⁷⁶ Sementara itu, pada 11 Disember 1950, keretapi panduan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur digelincirkan berdekatan Kampar, Perak. Kejadian itu menyebabkan keretapi siang antara Tapah dengan Ipoh dibatalkan.⁷⁷ Pada 18 Disember 1950, sebuah keretapi tergelincir di kawasan Mentakab, Pahang, kepala keretapi dan satu gerabaknya terpisah dari gerabak lain.⁷⁸ Pada 21 Disember 1950, sebahagian landasan keretapi di Kajang, Selangor, diletupkan oleh penganas komunis, menyebabkan keretapi dari Kuala Lumpur ke Singapura terganggu.⁷⁹ Penganas komunis menyebabkan keretapi panduan dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang digelincirkan di antara Batang Kali dengan Rasa, Selangor, pada 31 Disember 1950.⁸⁰ Dengan itu, langkah perlindungan sebagaimana tahun 1948 dan 1949 untuk keretapi mel malam diteruskan pada tahun 1950.⁸¹ Selain itu, semua jadual keretapi malam diubah untuk mengelakkan keretapi daripada bahaya serangan komunis pada waktu malam, terutamanya di sekitar Johor.⁸²

Pada tahun 1951, Keretapi Malaya memperolehi hasil sebanyak \$4,842,845.40. Namun demikian, perbelanjaan khas untuk membina dan membaik pulih landasan keretapi adalah \$12,430,234.⁸³ Aktiviti komunis juga mengganggu kerja pembinaan dan pembaikan landasan keretapi. Sebagai contohnya, pembinaan di kawasan Jerantut, Pahang yang terganggu pada tahun 1948 disebabkan aktiviti penganas komunis, belum dapat diteruskan lagi pada tahun 1951.⁸⁴ Berlaku 442 serangan penganas komunis ke atas keretapi pada tahun 1951. Antaranya, 116 kejadian gangguan ke atas landasan yang

melibatkan 81 penggelinciran keretapi. Keretapi ditembak dalam 56 serangan, 18 penumpang terbunuh dan 63 cedera. Kepala keretapi dirosakkan dalam 52 serangan dan gerabak dirosakkan dalam 27 serangan.⁸⁵ Antara kejadian sabotaj pengganas komunis ke atas keretapi termasuklah pada 2 Januari 1951, sebuah keretapi malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur ditembak dan mengakibatkan dua penumpang cedera.⁸⁶ Pada 9 Januari 1951, keretapi malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur digelincirkan di kawasan Sungai Siput, Perak, mengakibatkan dua mati dan enam cedera.⁸⁷ Pada 8 Februari 1951, keretapi malam dari Pulau Pinang diserang hendap oleh pengganas komunis di kawasan Salak, Selangor. Seorang penumpang bernama Chong Moy dari Lombong Timah Ipoh, Puchong, Selangor terbunuh.⁸⁸ Pada 26 Februari 1951, keretapi dari utara ke selatan dan dari selatan ke utara tergendala kerana pengganas komunis merosakkan landasan di kawasan Kluang, Johor.⁸⁹ Pada petang 8 Mac 1951, sebuah gerabak keretapi berperisai tergelincir dari landasan di Mentakab, Pahang. Pada pagi itu juga, keretapi pantai timur digelincirkan di kawasan berdekatan Bahau, Negeri Sembilan, di mana empat gerabak terkeluar dari landasan.⁹⁰ Pada 30 Mac 1951, keretapi dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis di Sungai Siput, Perak. Dua askar British dan seorang awam cedera.⁹¹ Pada malam 5 April 1951, keretapi malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur ditembak di Ipoh, Perak, mengakibatkan seorang askar Melayu mati dan dua penumpang cedera.⁹² Pada 12 April 1951, keretapi yang membawa penumpang, surat kiriman dan bungkusan digelincirkan oleh pengganas komunis di antara Simpang Empat dengan Sungai Bakap, Seberang Prai.⁹³ Pada 17 April 1951, keretapi malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis di antara Sungai Siput dengan Chemor, Perak. Dalam kejadian itu, seorang penumpang cedera.⁹⁴ Dalam kejadian lain, di kawasan Ipoh, Perak, seorang penumpang cedera akibat tembakan pengganas komunis ke atas keretapi malam dari Kuala Lumpur

ke Alor Setar, Kedah pada 26 April 1951.⁹⁵ Pada 9 Mei 1951, keretapi malam dari Singapura ke Kuala Lumpur digelincirkan di antara Senai dengan Kulai, Johor Bahru, Johor. Lima gerabak barang terkeluar dari landasan kerana landasan berkenaan diletupkan oleh penganas.⁹⁶ Pada 14 Mei 1951, di Perlis, penganas komunis menyerang sebuah keretapi pengangkut barang. Penganas meletakkan bom di atas landasan dan menyebabkan bahagian kepala keretapi rosak.⁹⁷ Pada 7 Jun 1951, keretapi dari Kemayan ke Gemas, Negeri Sembilan, digelincirkan oleh penganas komunis dan menyebabkan pemandu cedera. Begitu juga, tiga gerabak keretapi berperisai dari Bahau, Negeri Sembilan ke selatan digelincirkan oleh penganas.⁹⁸ Pada 9 Jun 1951, berlaku dua kejadian keretapi digelincirkan oleh penganas komunis. Salah satu kejadian berlaku di kawasan berhampiran Segamat, Johor, kerana skru landasan dialihkan oleh penganas. Kejadian lain berlaku di Ipoh, Perak, tetapi hanya bahagian kepala keretapi yang tergelincir.⁹⁹ Pada subuh 14 Jun 1951, keretapi dari Kuala Lumpur ke Singapura digelincirkan di Kluang, Johor. Akibat daripada tindakan penganas itu, perkhidmatan keretapi siang dari Kluang, Johor ke Gemas, Negeri Sembilan pada 15 Jun 1951 dibatalkan.¹⁰⁰ Pada 19 Jun 1951, kepala keretapi dan empat gerabak digelincirkan oleh penganas komunis di Mentakab, Pahang. Kemudiannya, keretapi itu ditembak oleh penganas dari arah sebelah landasan di antara Kuala Krau, Pahang dengan Gemas, Negeri Sembilan. Namun demikian, tiada kecederaan berlaku.¹⁰¹ Pada 24 Jun 1951, tujuh gerabak keretapi dari Kuala Lumpur ke Singapura digelincirkan oleh penganas komunis di kawasan Ayer Kuning, Gemas, Negeri Sembilan. Kejadian itu menyebabkan keretapi barang yang berlepas dari Kuala Lumpur pada 24 Jun 1951 dibatalkan.¹⁰² Pada 9 Julai 1951, kira-kira 20 penganas komunis menyerang dan membakar sebuah perhentian keretapi di Bidor, Perak.¹⁰³ Pada malam 15 Oktober 1951, seorang pengawal keselamatan mati terbunuh ketika penganas komunis menembak keretapi dalam

perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura di Tampin, Negeri Sembilan.¹⁰⁴ Kejadian menembak keretapi berlaku lagi di kawasan Kuala Kangsar, Perak, pada 26 Oktober 1951, melibatkan sebuah gerabak keretapi dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Pengganas menembak lagi keretapi ini ketika tiba di Rawang, Selangor. Namun demikian, tiada kecederaan dan kematian yang dilaporkan.¹⁰⁵ Sebuah keretapi malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis di kawasan Ipoh, Perak, pada 10 November 1951. Dalam kejadian itu, dua penumpang terbunuh dan lima cedera.¹⁰⁶ Pada 14 November 1951, keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur yang ditumpangi oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan tergelincir di Tampin, Negeri Sembilan, akibat landasan dirosakkan oleh pengganas komunis. Dalam kejadian itu, empat penumpang mati, 10 cedera parah dan lapan orang cedera ringan.¹⁰⁷ Pada Disember 1951, keretapi yang bergerak di antara Pulau Pinang dengan Ipoh, Perak, ditembak dalam dua kejadian. Satu berlaku berdekatan Sungai Siput, Perak, menyebabkan seorang awam terbunuh dan seorang lagi cedera. Manakala satu lagi berlaku berhampiran Ipoh, Perak.¹⁰⁸ Dengan itu, bermula dari Januari 1951, Keretapi Malaya mengambil langkah menghentikan perkhidmatan keretapi malam di antara Kuala Lumpur dengan Singapura.¹⁰⁹ Langkah ini diambil demi menjaga keselamatan penumpang keretapi daripada serangan pengganas komunis. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa serangan komunis menyusahkan pergerakan penduduk Tanah Melayu, khasnya peniaga yang biasa berulang-alik dengan keretapi malam demi menjimatkan masa.

Pada tahun 1952, berlaku 292 serangan pengganas komunis ke atas perkhidmatan keretapi.¹¹⁰ Kejadian itu melibatkan penggelinciran keretapi sebanyak 35 kali. Keretapi ditembak dalam 45 serangan, lima orang penumpang terbunuh dan 29 cedera. Tiga stesen, dan sebuah tempat penginapan pekerja landasan dimusnahkan akibat tindakan

penganas komunis. Kepala keretapi dirosakkan dalam 22 serangan dan gerabak dalam lapan serangan. Pada tahun 1952, purata sebulan kes sabotaj ke atas komunikasi landasan adalah lima. Jadual 16 memberi analisis tentang serangan yang dilakukan ke atas keretapi pada tahun 1952 dan jumlah serangan sejak bermulanya darurat di Tanah Melayu. Pada tahun 1952, berlaku 68 kali landasan disabotaj oleh penganas komunis dan menjadikan jumlahnya 365 sejak tahun 1948. Keretapi digelincirkan sebanyak 35 kali dan menjadikan jumlah 186 sejak tahun 1948. Sebanyak 45 kali keretapi ditembak oleh penganas pada tahun 1952 dan sebanyak 170 kali kejadian sebegini dari tahun 1948 hingga 1952. Stesen keretapi dimusnahkan dalam tiga serangan. Dengan itu, berlaku 18 serangan ke atas stesen keretapi di antara tahun 1948 hingga 1952. Sejumlah lima penumpang terbunuh dan 29 cedera pada tahun 1952 dan menjadikan angka itu 35 dan 158 masing-masing sejak tahun 1948. Bagi kakitangan keretapi pula, lima terbunuh dan 24 cedera, iaitu menjadikan jumlah 18 dan 142 masing-masing dari tahun 1948 hingga 1952. Sejak tahun 1948, sejumlah 434 kali sistem telekomunikasi disabotaj oleh penganas komunis, termasuk 78 serangan yang berlaku pada tahun 1952.

Jadual 16
Serangan Komunis ke atas Keretapi, Tahun 1952

Jenis Kejadian	Januari-Jun 1952	Julai-Disember 1952	Jumlah Kejadian Sejak 1948
Landasan Keretapi Disabotaj	53	15	365
Keretapi Digelincirkan	29	6	186
Keretapi Ditembak	27	18	170
Stesen Keretapi Dimusnahkan	3	-	18
Penumpang Terbunuh	5	-	35
Penumpang Cedera	23	6	158
Kakitangan Keretapi Terbunuh	5	-	18
Kakitangan Keretapi Cedera	15	9	142
Sabotaj Ke Atas Telekomunikasi Dan Lain-Lain Kejadian	53	25	434

Sumber: SP. 3/8/74, Malayan Railway Administration Report For The Year 1952 (by J.O. Sanders, General Manager, Malayan Railway), hlm 4.

Pada Januari 1952, berlaku dua kejadian penggelinciran keretapi di Negeri Sembilan. Satu berlaku di Sungai Mui dan satu lagi di Bahau.¹¹¹ Pada 18 Februari 1952, pengganas komunis menyerang keretapi mel malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur di antara Taiping dengan Bukit Berapit, Perak. Dalam kejadian itu, pemandu keretapi dan dua kakitangan cedera.¹¹² Dalam kejadian lain, pada subuh 20 Februari 1952, pengganas komunis menyerang perhentian keretapi di Kampar, Perak dan melukakan dua mata-mata khas serta seorang pekerja landasan.¹¹³ Pada Mac 1952, pengganas komunis mengalihkan 11 *fishplates* di landasan kawasan Kluang, Johor. Sebuah keretapi pengiring berhenti perlahan-lahan tanpa terkeluar dari landasan.¹¹⁴ Pada 3 Mac 1952, keretapi tergelincir di Bahau, Negeri Sembilan. Dalam pada itu, kira-kira 40 pengganas komunis melepaskan tembakan ke atasnya dan mengakibatkan tiga mati.¹¹⁵ Pada hari yang sama, sebuah keretapi barang dari Gemas, Negeri Sembilan, digelincirkan di Rompin, Negeri Sembilan. Pengganas kemudian melepaskan tembakan dan mengakibatkan tiga terbunuhan dan 13 cedera.¹¹⁶ Pada 16 April 1952, sekumpulan pengganas komunis memusnahkan perhentian keretapi di Layang-Layang, selatan Johor. Semua bangunan di perhentian keretapi dibakar dan tangki air dibinasakan.¹¹⁷ Pada Mei 1952, pengganas komunis merosakkan landasan keretapi di antara Ipoh dengan Kampar, Perak. Dengan itu, Keretapi Malaya mengumumkan penumpang keretapi mel malam dari utara dan selatan tidak dapat sampai ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.¹¹⁸ Pada 29 Jun 1952, sebuah gerabak keretapi pengangkut barang dari Kuala Lumpur ke Ipoh digelincirkan di Perak dan peralatan keretapi dirampas oleh 10 pengganas komunis. Pada hari yang sama, di bahagian selatan Perak, sebuah keretapi tergelincir kerana landasan dirosakkan oleh pengganas komunis.¹¹⁹ Pada malam 21 September 1952, keretapi mel malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur ditembak oleh pengganas komunis di antara Bukit Berapit dengan Taiping, Perak.¹²⁰ Bagaimanapun, terdapat penurunan gangguan pengganas

komunis sejak pertengahan tahun 1952. Penurunan ini berlaku kerana adanya peningkatan dalam pengawalan masa dan keselamatan. Pada 1 September 1952, keretapi mel malam di antara Kuala Lumpur dengan Singapura dipulihkan semula untuk menjimatkan masa peniaga yang menggunakan keretapi malam. Seterusnya, mulai 1 Disember 1952, keretapi ini dipercepatkan kadar kelajuannya.¹²¹ Keretapi mel malam yang pertama bergerak, membawa seramai 67 orang penumpang dan 40 orang pengawal bersenjata. Akhbar tempatan menggelarkan penumpang itu sebagai “handalan 67”.¹²²

Pada tahun 1953, berlaku 91 serangan pengganas komunis ke atas keretapi. Landasan disabotaj dalam 19 serangan, mengakibatkan empat keretapi digelincirkan. Antaranya berlaku di Perak yang menyebabkan Keretapi Malaya terpaksa mengumumkan pembatalan perjalanan keretapi dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Pulau Pinang pada 15 Februari 1953.¹²³ Selain itu, keretapi ditembak dalam dua serangan dan lima orang pasukan keselamatan dicederakan pada tahun 1953. Bagaimanapun, terdapat pengurangan dalam aktiviti pengganas komunis di mana hanya satu kepala keretapi, satu troli berperisai dan tujuh gerabak dibaiki akibat sabotaj pengganas.¹²⁴ Dengan demikian, terdapat peningkatan dalam kebebasan bergerak di seluruh Tanah Melayu, dan orang ramai mula menaruh keyakinan dengan perkhidmatan keretapi. Begitu juga, masa keberangkatan dan ketibaan keretapi telah bertambah baik, iaitu mencapai 64% ketepatan waktu pada Februari 1953 berbanding dengan hanya 4% pada bulan Februari 1952.¹²⁵ Keadaan perkhidmatan keretapi yang bertambah baik mulai tahun 1953 itu dapat memulihkan keyakinan penduduk ke atas perkhidmatan ini. Sekaligus ia memberi tamparan kepada pengganas komunis kerana pasukan keselamatan dapat bergerak dengan lancar dalam operasi memburu pengganas.

Pada tahun 1954, tindakan sabotaj komunis ke atas keretapi semakin berkurangan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, perkhidmatan keretapi dapat

dijalankan seperti yang dijadualkan. Berlaku peningkatan perkhidmatan dalam kedua-dua keretapi penumpang dan keretapi pengangkut barang. Sepanjang tahun 1954, berlaku 61 serangan pengganas komunis ke atas keretapi. Walaupun rel landasan keretapi dialihkan dalam 20 serangan tetapi tidak melibatkan kehilangan nyawa. Ia hanya mengakibatkan kecederaan seorang kakitangan keretapi dan seorang anggota polis.¹²⁶ Antara kejadian sabotaj pengganas komunis ke atas keretapi berlaku pada 1 Februari 1954 di mana keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur digelincirkan di Johor. Kejadian itu mengakibatkan keretapi sampai ke Kuala Lumpur 12 jam lewat daripada yang dijadualkan.¹²⁷ Pada 3 Mei 1954, pengganas komunis melepaskan 12 tembakan ke atas keretapi malam malam dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang.¹²⁸ Pada November 1954, landasan keretapi di antara Gemas, Negeri Sembilan dengan Segamat, Johor, dirosakkan oleh pengganas. Kerosakan itu menyebabkan perkhidmatan keretapi tergendala untuk tempoh seminggu kerana kerja memperbaiki landasan itu dijalankan.¹²⁹ Bagaimanapun, keretapi penumpang di antara Singapura dengan Tumpat di Kelantan mula beroperasi pada April 1954. Landasan sepanjang lebih kurang 526.26 kilometer (327 batu) ini dibaiki sejak Jepun menyerah kalah dan mengambil masa enam tahun dengan kos \$25 juta.¹³⁰

Pengganas komunis masih meneruskan kegiatan sabotaj ke atas keretapi pada tahun 1955. Berlaku 38 serangan pengganas komunis ke atas keretapi. Kegiatan pengganas komunis itu mengakibatkan seorang penumpang terbunuh; tiga penumpang dan dua kakitangan keretapi serta enam anggota polis cedera. Kebanyakan kejadian itu berlaku di Johor.¹³¹ Antaranya, pada 17 Mac 1955, keretapi barang dari Senai ke Kulai, Johor, ditembak oleh pengganas komunis dan seorang tentera cedera.¹³² Dalam kejadian lain di Johor, pada 7 Jun 1955, landasan keretapi di antara Layang-Layang dengan Sedenak, Johor, dibomkan oleh pengganas komunis, mengakibatkan lima polis

pengiring cedera.¹³³ Pada 19 Ogos 1955, berlaku kejadian pengganas komunis menembak keretapi di kawasan Layang-Layang, Johor, mengakibatkan seorang penumpang terbunuh dan tiga cedera.¹³⁴ Pada 6 September 1955, pengganas komunis menembak keretapi dari Singapura ke Pulau Pinang di Rengam, Johor.¹³⁵

Serangan komunis ke atas keretapi semakin berkurangan pada tahun 1956. Hanya 30 serangan ke atas keretapi. Terdapat 17 gangguan ke atas landasan tetapi hanya dua buah keretapi digelincirkan. Sementara itu, dua buah keretapi ditembak dalam serangan pengganas komunis. Perbuatan pengganas itu mengakibatkan empat kakitangan keretapi dan seorang anggota polis cedera.¹³⁶ Antara kejadian tersebut berlaku pada 17 Januari 1956, pengganas komunis menggelincirkan sebuah keretapi panduan di kawasan Tapah, Perak.¹³⁷ Pada 5 Februari 1956, sebuah keretapi barang digelincirkan oleh pengganas komunis di Bukit Mertajam, Seberang Prai.¹³⁸ Pada 12 April 1956, pengganas komunis meletupkan landasan keretapi di Tapah, Perak. Letupan itu menyebabkan kepala keretapi dan lapan gerabak barang tergelincir. Walau bagaimanapun, tiada nyawa yang terkorban, hanya tiga orang mengalami kecederaan. Kerugian kepada Keretapi Malaya dianggarkan lebih dari \$100,000.¹³⁹ Pada 2 November 1956, sebuah keretapi panduan digelincirkan di antara Gemas dengan Rompin, Negeri Sembilan kerana pengganas meletupkan landasan keretapi. Dalam kejadian itu, seorang kakitangan keretapi cedera.¹⁴⁰

Keadaan perkhidmatan keretapi bertambah baik pada tahun 1957. Akhbar *The China Press*, 23 November 1957, melaporkan bahawa pada tahun 1957, serangan pengganas komunis berkurangan sehingga tidak lagi mendatangkan masalah dan bahaya kepada perkhidmatan keretapi.¹⁴¹ Pada tahun 1958, 1959 dan 1960, tiada gangguan komunis ke atas perkhidmatan keretapi yang dilaporkan. Namun demikian, langkah berjaga-jaga masih diteruskan.¹⁴² Keadaan ini kerana Tanah Melayu telah merdeka pada 31 Ogos 1957 dan komunis tidak mempunyai alasan lagi untuk menimbulkan kekacauan

di Tanah Melayu. Lebih-lebih lagi, darurat diisyiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Keadaan aman yang wujud itu dapat mengelakkan penduduk Tanah Melayu daripada bahaya ancaman komunis. Dengan itu, perkhidmatan keretapi dapat beroperasi dengan lancar dan keselamatan penumpang lebih terjamin.

Sejak tercetusnya pengganasan komunis pada tahun 1948 sehingga tamat darurat pada tahun 1960, terdapat banyak serangan yang dilakukan oleh penganas komunis ke atas keretapi. Serangan itu dapat diklasifikasikan seperti dalam Jadual 17. Sepanjang zaman darurat berlaku 387 sabotaj penganas komunis ke atas landasan keretapi. 197 buah keretapi digelincirkan, 172 kali keretapi ditembak dan 19 buah stesen keretapi dirosakkan. Kejadian tersebut mengakibatkan 45 penumpang terbunuh dan 176 cedera. Sementara itu, 18 kakitangan keretapi terbunuh dan 42 cedera dalam serangan tersebut.

Jadual 17
Jumlah Serangan Komunis ke atas Keretapi, 1948-1960

Jenis	Bilangan
Landasan Keretapi Disabotaj	387
Keretapi Digelincirkan	197
Keretapi Ditembak	172
Stesen Dirosakkan	19
Penumpang Terbunuh	45
Penumpang Cedera	176
Kakitangan Terbunuh	18
Kakitangan Cedera	42

Sumber: Diubahsuai daripada S.S. Awbery and F.W. Dalley, *Labour and Trade Union Organisation In The Federation of Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm. 3-4.

Pada keseluruhannya, kegiatan sabotaj keretapi oleh penganas komunis merupakan taktik perjuangan PKM untuk melemahkan sistem ekonomi dan perdagangan negara. Di samping itu, ia juga untuk menimbulkan rasa takut dan bimbang di kalangan penduduk yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Sekaligus, keadaan ini

mendatangkan kesulitan kepada penduduk Tanah Melayu dan kakitangan keretapi. Serangan yang dijalankan oleh pengganas komunis membawa kesan buruk kepada perkhidmatan dan kedudukan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Pertama, stesen, gerabak, landasan dan jambatan keretapi diserang dan dimusnahkan. Kedua, KTM terpaksa mengambil langkah untuk mempertahankan perkhidmatan ini, menyebabkan pertambahan kos pengurusan dan kemerosotan dari segi kecekapan. Sebelum Perang Dunia Kedua, kelajuan keretapi adalah lebih kurang 72.42 kilometer (45 batu) sejam. Selepas perang, lajunya dikurangkan kepada lebih kurang 56.33 kilometer (35 batu) sejam. Ini kerana perhatian lebih terpaksa diberi kepada soal keselamatan.¹⁴³ Selain itu, kerja pemulihan juga terjejas. Misalnya, Landasan Pantai Timur hanya dibuka semula pada tahun 1953, sedangkan kerja pemulihan telah dimulakan selepas Perang Dunia Kedua.¹⁴⁴ Kekacauan yang ditimbulkan oleh pengganas komunis menyebabkan KTM tidak dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada penumpang.

Jalan Raya

Walaupun negara sedang menghadapi keganasan komunis, pembinaan jalan masih dilakukan. Keutamaan diberi kepada pembinaan jalan untuk tujuan kegunaan pasukan keselamatan. Namun demikian, jalan tersebut turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Ia membolehkan pergerakan manusia dan barang dengan lebih lancar.¹⁴⁵ Langkah membina jalan diambil kerana usaha untuk membanteras komunis dan mengawal keselamatan penduduk memerlukan anggota pasukan keselamatan bergerak dengan cepat dan lancar. Untuk itu, misalnya, Jawatankuasa Kewangan Tanah Melayu pada 20 Mei 1949, meluluskan peruntukan \$200,000 untuk pembinaan jalan dari Tanah Merah ke Nibong di Kelantan.¹⁴⁶ Begitu juga, \$3,907,988 diperuntukkan untuk membina jalan raya di negeri Pahang.¹⁴⁷ Sejumlah \$118,000 diperuntukkan untuk membina jalan

antara Rungkup dan Kampung Simpang Tiga di bahagian selatan Perak pada tahun 1953.¹⁴⁸ Antara tahun 1946 hingga 1953, Jabatan Kerja Raya membelanjakan \$29 juta dalam mengembalikan jalan ke taraf seperti sebelum Perang Dunia Kedua dan juga membina jalan baru yang diperlukan pada zaman darurat.¹⁴⁹

Bagi tempat yang sudahpun dihubungi oleh jalan raya, keadaan keselamatan pula dititikberatkan. Ini memandangkan sering berlaku kejadian serang hendap komunis dan juga kejadian merosakkan kenderaan. Langkah terawal yang diambil ialah memindahkan setinggan di pinggir jalan. Misalnya, pemindahan setinggan di sepanjang jalan dari Benta ke Jerantut, Pahang. Seramai 450 orang telah dipindahkan ke kawasan penempatan semula pada Jun 1949. Tindakan ini diambil kerana terdapat bukti bahawa setinggan tersebut membantu pengganas komunis yang seringkali melancarkan serang hendap di sepanjang jalan berkenaan.¹⁵⁰ Selain itu, langkah membersihkan belukar di pinggir jalan berhampiran dengan hutan yang sering menjadi tempat persembunyian pengganas komunis dilakukan.¹⁵¹ Langkah ini diambil untuk mengelakkan bahaya serang hendap komunis terhadap kenderaan dan pengguna jalan berkenaan.¹⁵²

Kenderaan jalan sering disabotaj oleh pengganas komunis dan menimbulkan kesukaran kepada pengguna jalan. Antaranya, pada 10 Ogos 1948, sebuah bas ditahan oleh enam pengganas komunis di Batu 9, Jalan Yong Peng-Labis, Johor. Semua penumpang diarahkan turun dan bas tersebut dibakar.¹⁵³ Pada 18 Ogos 1948, 15 orang pengganas komunis menahan sebuah bas di Kampung Luas, Kroh, Perak. Mereka membunuh seorang penumpang dan menculik seorang wanita Cina.¹⁵⁴ Selain itu, pada 12 Oktober 1948, kira-kira 4.30 petang, sebuah bas dengan lapan orang penumpang dari Sintok ke Changlun, Kedah, diberhentikan di Batu 18 oleh dua pengganas yang menyamar sebagai penumpang dari Changlun.¹⁵⁵ Manakala pada 16 Oktober 1948, kira-kira 15 hingga 20 pengganas komunis menahan sebuah bas yang sedang dalam perjalanan

ke Muar, Johor, di Batu 8, Jalan Bakri. Setelah penumpang diarahkan turun, penganas merampas wang penjual tiket dan bas dibakar.¹⁵⁶ Dalam perkembangan lain, tiga buah bas dibakar berdekatan Kuala Kangsar, Perak pada 13 November 1948. Dua bas berkenaan dalam perjalanan dari Taiping ke Kuala Kangsar. Sebuah lagi dari Kuala Kangsar ke Taiping.¹⁵⁷ Pada malam 10 Disember 1948, sebuah lori dari Ipoh ke Singapura diserang di Jalan Kuala Kubu, Selangor dan pemandu cedera parah.¹⁵⁸

Dalam kejadian lain, sebuah bas yang membawa 12 penumpang dari Pontian ke Johor Bahru, Johor, ditahan oleh penganas komunis di Batu 23½, pada 5 Januari 1949. Kad pengenalan dan wang tunai penumpang dirampas sebelum bas dibakar.¹⁵⁹ Pada 15 Februari 1949, penganas komunis menahan sebuah bas di Batu 38, Jalan Air Hitam, Muar, Johor. Penumpang dirompak dan bas dibakar.¹⁶⁰ Sementara itu, pada 9 Mac 1949, sebuah bas ditahan dan dibakar oleh penganas komunis di Batu 27, Jalan Kepong-Kuala Selangor, Selangor.¹⁶¹ Pada Mei 1949, sebuah bas ditahan berdekatan Kuala Lumpur dan seorang penumpang Cina diheret keluar dari bas dan dibunuh.¹⁶² Pada pertengahan Jun 1949, sebuah bas baru dua tingkat, dalam perjalanan ke tanah perkuburan Jalan Cheras, Kuala Lumpur, dirampas oleh kira-kira 40 penganas bersenjata. Bas itu kemudian diarahkan dipandu ke tanah perkuburan dan dibakar. Namun demikian, pemandu, konduktor bas dan dua penumpang tidak dicederakan.¹⁶³ Dalam perkembangan lain, sebuah bas diserang oleh penganas komunis di Jalan Selayang, Kuala Lumpur pada 24 Julai 1949. Bas kemudian dibakar tetapi pemandu dan penumpang tidak dicederakan.¹⁶⁴ Pada kira-kira 8.30 pagi, 12 Oktober 1949, bas berdaftar No.C1101 dalam perjalanan dari Kuala Lumpur melalui Jalan Pahang ke Bentong, Pahang, dengan 12 orang penumpang, dihentikan oleh segerombolan kira-kira 10 penganas komunis di Batu 16½. Mereka mengarahkan pemandu membawa bas ke satu simpang utama ke hutan. Seterusnya, mereka mengarahkan semua penumpang turun dan merampas kad pengenalan.

Penumpang tidak dicederakan. Pengganas berkenaan kemudian memandu bas tersebut jauh ke dalam hutan dan meimbakarnya. Kerugian dianggarkan bernilai \$7,000.¹⁶⁵ Di Kampar, Perak, empat kenderaan ditahan oleh pengganas komunis pada 20 November 1949. Ini termasuklah sebuah bas dari Ipoh ke Kampar dan pengganas merampas kad pengenalan penumpang.¹⁶⁶ Di kawasan Kluang, Johor, pada 20 Disember 1949, seorang penunggang motosikal dari Yong Peng ke Air Hitam ditembak mati oleh pengganas komunis dan motosikal mangsa tersebut dibakar. Berdekatan dengan kawasan itu, sebuah lori ditahan oleh pengganas komunis dan bahan makanan dirampas. Begitu juga, sebuah lori milik Jabatan Perhutanan diserbu oleh sekumpulan pengganas komunis di sempadan kawasan Kluang yang mengakibatkan dua mata-mata khas dan dua buruh Melayu mati. Kemudian lori itu dibakar. Manakala pada 21 Disember 1949, sebuah bas dalam perjalanan dari Kuantan ke Sungai Lembing, Pahang, ditembak oleh pengganas komunis berdekatan Batu Sawah, Pahang. Pemandu bas terbunuh dan dua penumpang cedera.¹⁶⁷

Dalam perkembangan lain, sekumpulan pengganas komunis menahan dan merompak sebuah lori yang membawa barang makanan di Kuantan, Pahang, pada 15 Januari 1950. Kejadian itu berlaku di Batu 68, Jalan Jerantut-Kuantan dan barang makanan yang dirompak itu dianggarkan bernilai \$1,108. Selain itu, sebuah bas yang bergerak dari Kuantan juga ditahan dan penumpangnya dirompak. Barang yang dirompak dari bas itu bernilai \$672 dan bas itu kemudiannya dibakar.¹⁶⁸ Pada 26 Januari 1950, di Batu 11, Jalan Endau-Mersing, Kota Tinggi, Johor, 10 orang pengganas bersenjata menahan dan memusnahkan sebuah lori balak.¹⁶⁹ Dalam kejadian lain, sebuah bas yang bergerak dari Bentong ke Manchis, Pahang, ditahan dan dibakar oleh pengganas komunis pada 3 Februari 1950, setelah penumpang disuruh turun dari bas berkenaan.¹⁷⁰ Pada 4 Februari 1950, sebuah bas ditahan oleh pengganas komunis di Batu 6, Jalan Bentong ke Kuala Lumpur. Pengganas memerintahkan semua penumpang keluar dari

bas. Kemudiannya, tangki bas itu ditembak dan bas tersebut terbakar. Kerugian dianggarkan bernilai \$5,000.¹⁷¹ Pada 24 Februari 1950, sebuah bas dari Karak ke Mentakab, Pahang, ditahan oleh kira-kira 10 pengganas komunis di Batu 87½, Jalan Karak-Mentakab. Kad pengenalan penumpang dirampas dan bas dibakar.¹⁷² Pada 27 Februari 1950, lebih kurang 20 pengganas komunis menahan sebuah bas di Batu 5, Jalan Gemas-Tampin, Negeri Sembilan. Semua penumpang diarahkan turun dari bas. Bas berkenaan kemudian dibawa ke hutan dan dibakar.¹⁷³ Manakala pada 1 Mac 1950, seorang perempuan Cina dan seorang pemuda dijadikan umpan oleh pengganas komunis yang menahan sebuah bas di Jalan Karak-Manchis, Pahang. Bas itu ditahan dan diarahkan menuju ke sebuah estet. Di sana, wang berjumlah \$70 dan kad pengenalan penumpang bas dirompak sebelum bas dibakar.¹⁷⁴ Pada 6 Mac 1950, sebuah lori estet dari Sungai Dingin menuju Jalan Besar di daerah Kulim, Kedah, ditahan dan ditembak oleh pengganas komunis. Tiga mata-mata khas, seorang kerani estet, seorang pemandu dan seorang buruh terbunuh.¹⁷⁵ Pada 20 Mac 1950, tiga buah lori yang membawa makanan dalam perjalanan ke Bentong, Pahang, ditahan di Batu 20, Jalan Kuala Lumpur oleh empat pengganas komunis. Pengganas merampas bahan makanan dan mengakibatkan kerugian \$4,540, \$5,178 dan \$4,500 masing-masing.¹⁷⁶ Pada 24 Mac 1950, sebuah bas dari Mersing ke Kota Tinggi, Johor, diserang dan dibakar oleh pengganas komunis di Batu 61, Jalan Johor Bahru-Mersing. Pada 25 Mac 1950 pula, sebuah lori yang membawa buruh Cina ditembak oleh pengganas komunis berdekatan Kampung Sungai Tua, Pahang. Dua orang Cina cedera parah dan semua kad pengenalan dirampas.¹⁷⁷ Kejadian lain berlaku pada kira-kira 6.30 petang, 5 April 1950, di mana 10 pengganas bersenjata menahan sebuah bas di Batu 101, Jalan Karak-Manchis, Pahang. Mereka mengarahkan penumpang turun dari bas dan merampas kad pengenalan serta wang tunai mereka.¹⁷⁸ Pada 16 April 1950, lima pengganas komunis menahan sebuah bas

di Batu 10, Jalan Kajang-Punchong, Selangor. Pengganas merampas kad pengenalan sebelum bas dibakar.¹⁷⁹ Pada 19 April 1950, kira-kira 4.50 petang, lebih kurang 10 orang pengganas bersenjata menyekat dan menyamun sebuah bas di Batu 12, Jalan Muar-Parit Sulong, Johor. Mereka merampas 13 kad pengenalan penumpang dan \$30 daripada konduktor bas. Bas itu kemudian dibakar.¹⁸⁰ Pada 29 April 1950, di Batu 3, Jalan Ipoh-Kampar, Perak, tiga pengganas komunis membakar sebuah bas.¹⁸¹ Pada 11 Mei 1950, sebuah bas ditahan oleh pengganas komunis di Jalan Bruas-Simpang Tiga, Perak. Kad pengenalan penumpang dirampas dan bas dimusnahkan. Begitu juga, pada 15 Mei 1950, pengganas memusnahkan sebuah bas di Jalan Lenggong-Grik, Perak, setelah kad pengenalan penumpang dirampas.¹⁸² Pada 29 Mei 1950, sebuah bas ditahan oleh pengganas komunis di Batu 2½, Jalan Muar-Parit Sulong, Johor. Kad pengenalan penumpang dirampas dan bas dibakar.¹⁸³ Pada 20 Jun 1950, sebuah bas dari Lenggong ke Kuala Kangsar, Perak, ditahan oleh pengganas komunis di kawasan Kuala Kangsar. Pengganas kemudian merampas kad pengenalan penumpang dan wang \$40 sebelum bas dibakar.¹⁸⁴ Di kawasan Kampar, Perak, pada 10 Ogos 1950, sebuah bas diberhentikan oleh kira-kira 10 pengganas komunis dan dibakar. Dalam kejadian itu, pengganas berjaya merampas lebih kurang 70 kad pengenalan penumpang bas.¹⁸⁵ Pada tengahari 26 Ogos 1950, pengganas komunis menahan sebuah bas di antara Kuala Lipis, Pahang dengan Gua Musang, Kelantan. Kad pengenalan dan barang makanan dirampas.¹⁸⁶ Pada petang 1 September 1950, di Selangor, dua bas dan tiga lori ditahan oleh pengganas komunis. Kad pengenalan penumpang dirampas dan semua kenderaan kecuali sebuah lori dibakar.¹⁸⁷ Pada 4 September 1950, sebuah bas ditembak oleh pengganas komunis di Pahang. Dalam kejadian itu, dua anggota keselamatan dan dua penumpang terbunuh. Manakala seorang anggota polis dan seorang penumpang cedera.¹⁸⁸ Pada 11 September 1950, sekali lagi di Pahang, pengganas menahan sebuah bas, mengambil kad pengenalan penumpang dan

kemudian membakar bas.¹⁸⁹ Antara 22-28 September 1950, di kawasan Cameron Highlands, Pahang, dua bas dimusnahkan dan tiga lori ditahan serta dirompak oleh pengganas komunis.¹⁹⁰ Pada 15 Oktober 1950, dua buah bas ditahan oleh pengganas komunis di Selangor, penumpang dirompak dan kemudian bas dibakar. Pada hari yang sama, sebuah lori ditahan di Selangor dan barang makanan dirampas.¹⁹¹ Begitu juga, antara 9-16 November 1950, di kawasan Kluang, Johor, sebuah van akhbar dan dua bas dimusnahkan oleh pengganas komunis.¹⁹² Pada pertengahan November 1950, sebuah bas ditahan oleh pengganas komunis dan penumpang dirompak di Kota Tinggi, Johor. Selain itu, di Johor Bahru, Johor, dua bas dimusnahkan.¹⁹³ Pada 24 November 1950, sebuah bas ditahan oleh pengganas komunis di Perak, penumpang dan konduktor dirompak. Manakala di Johor, sebuah kereta ditahan oleh pengganas komunis dan pemandu dibunuh.¹⁹⁴ Pada 19 Disember 1950, sebuah bas dimusnahkan di utara Jerantut, Pahang dan sebuah lagi di kawasan Mentakab, Pahang. Di kawasan Kuantan, Pahang, segerombolan 20 pengganas komunis menyamar sebagai polis, menahan bas dan merompak penumpangnya.¹⁹⁵ Pada 25 Disember 1950, tiga pengganas komunis membakar sebuah bas di Batu 12, Jalan Bentong-Kuala Lumpur setelah merompak penumpang.¹⁹⁶

Pada tahun 1951, pengganas komunis meneruskan kegiatan sabotaj ke atas pengguna jalan raya. Antaranya, pada 30 Januari 1951, di Gua Musang, Kelantan, pengganas komunis menahan sebuah lori. Mereka mengambil rokok, tembakau, buah limau dan kicap dari lori itu.¹⁹⁷ Pada 2 Februari 1951, tiga buah bas dibakar oleh pengganas komunis di daerah Rawang, Selangor setelah penumpang dirompak. Sebuah lori juga diserang dan dibakar oleh pengganas komunis di daerah Raub, Pahang.¹⁹⁸ Pada 3 Februari 1951, enam penumpang wanita cedera apabila bas yang mereka tumpang diserang oleh pengganas komunis di daerah Tapah, Perak. Pengganas merampas barang

penumpang dan kemudian membakar bas itu.¹⁹⁹ Dalam kejadian lain yang berlaku pada 12 Februari 1951, sebuah lori yang membawa pasir ditahan dan dibakar oleh pengganas komunis di kawasan Grik, Perak.²⁰⁰ Pada petang 21 Februari 1951, di Mersing, Johor, pengganas komunis menahan sebuah bas dan mengarahkan bas itu dipandu ke hutan. Kemudiannya, kad pengenalan penumpang dirampas. Pemandu bas ditembak mati. Pada 22 Februari 1951, sebuah lori awam ditembak oleh sekumpulan pengganas komunis di Johor Bahru, Johor, tiga orang awam yang menaiki lori itu cedera.²⁰¹ Dalam kejadian di Cameron Highlands, Pahang, pada 28 Februari 1951, bas ditahan, penumpang dirompak dan konduktor bas dibunu.²⁰² Pada 14 Mac 1951, seorang pemandu bas ditembak mati oleh pengganas komunis yang menahan dan membakar bas itu di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Sebuah lagi bas dibakar oleh pengganas komunis di Segamat, Johor dan penumpang dirompak. Salah seorang penumpangnya, Sun Jin Kse mati ditikam oleh pengganas.²⁰³ Pada 18 April 1951, pengganas komunis di Gua Musang, Kelantan, menahan sebuah bas dan merampas rokok dan sayuran yang dibawa oleh penumpang bas.²⁰⁴ Pada petang 23 April 1951, pengganas komunis menahan dua buah bas di Rawang, Selangor, merompak penumpang dan membakar bas itu.²⁰⁵ Pada 25 April 1951, pengganas komunis membakar sebuah bas dan merompak penumpang di Jalan Bentong berdekatan Kuala Lumpur.²⁰⁶ Pada 2 Mei 1951, di kawasan Kuantan, Pahang, pengganas menahan dua buah lori, merampas sejumlah makanan dan 27 bungkusan mel sebelum dua buah lori itu dibakar.²⁰⁷ Pada 7 Mei 1951, sejumlah 25 orang pengganas komunis menahan sebuah bas di kawasan luar bandar Bentong, Pahang, merampas semua harta penumpang dan kemudian bas dibakar.²⁰⁸ Pada 18 Mei 1951, di daerah Kuantan, Pahang, lapan pengganas bersenjata menahan sebuah lori yang membawa surat kiriman dan barang. Lori itu dilarikan oleh pengganas. Kemudiannya pihak polis menjumpai surat dan bungkusan yang dibuka oleh pengganas.²⁰⁹ Pada 22 Mei 1951, di daerah Grik, Perak,

enam pengganas komunis bersenjata menahan sebuah lori. Tujuh orang yang menumpang lori itu diarahkan meninggalkan lori itu dan kemudian lori dibakar. Di daerah Kampar, Perak pula, sekumpulan pengganas Cina menahan sebuah bas dan merompak penumpangnya.²¹⁰ Dalam perkembangan lain, sebuah bas dibakar oleh pengganas komunis di Bentong, Pahang pada 2 Jun 1951. Pada tarikh yang sama, sebuah bas diletupkan di kawasan Klang, Selangor.²¹¹ Pada 12 Jun 1951, pengganas komunis membakar sebuah bas di Kampar, Perak, setelah merompak konduktor dan penumpang.²¹² Pada 26 Jun 1951, pengganas komunis membakar dua buah lori penarik kayu balak di daerah Tanjung Malim, Perak.²¹³ Pada 10 Julai 1951, empat pengganas komunis menahan sebuah bas di daerah Muar, Johor. Penggaans kemudian membakar bas itu.²¹⁴ Pada 9 Ogos 1951, tujuh pengganas komunis menahan sebuah teksi dan merompak penumpang teksi berkenaan di Mersing, Johor. Sebuah lori Jabatan Kerja Raya yang tiba di tempat kejadian tersebut, ditembak dan dua penumpang cedera. Teksi dan lori itu dibakar. Di daerah Muar, Johor, pengganas komunis menahan sebuah bas dan menembak tangki minyak bas sebelum menolak bas itu ke dalam gaung.²¹⁵ Dalam kejadian di Pahang, pada 15 Oktober 1951, sebuah bas ditahan oleh pengganas komunis, penumpang dirompak dan seorang penumpang ditembak.²¹⁶ Pada 18 Oktober 1951, sebuah bas milik Syarikat Lian Fatt, Kuantan, Pahang, ditahan oleh pengganas komunis. Pengganas mengarahkan pemandu membawa bas ke sebuah kebun getah dan mengarahkan semua penumpang turun. Kemudian seorang penumpang ditembak mati dan dua lagi dicederakan. Kad pengenalan penumpang dirampas sebelum bas dibakar.²¹⁷ Pada 7 November 1951, lima pengganas komunis membakar sebuah bas di kawasan Tapah, Perak.²¹⁸ Pada Disember 1951, tiga lori dibakar berdekatan Johor Bahru dan empat lagi di Kota Tinggi, Johor. Pada Disember 1951 juga, sebuah lori dibakar berhampiran Seremban, Negeri Sembilan dan sebuah lagi di kawasan Tampin, Negeri

Sembilan. Di kawasan Bahau, Negeri Sembilan, pengganas komunis menahan sebuah bas dan merampas barang makanan penumpang.²¹⁹ Pada 2 Disember 1951, pengganas komunis menahan tiga buah bas, tujuh kereta dan empat lori di Jalan Singapura-Kuala Lumpur berhampiran Segamat, Johor. Kejadian itu mengakibatkan seorang anggota pasukan keselamatan cedera dan seorang konduktor bas mati kerana terkena peluru di perutnya. Pihak polis menyatakan motif serangan pengganas itu adalah untuk mendapatkan bahan makanan.²²⁰

Dalam kejadian lain yang berlaku pada awal Januari 1952, tiga pengganas bersenjata menahan sebuah bas di Batu 84½, Jalan Grik, Perak. Setelah merompak \$45 daripada konduktor bas, pengganas membakar bas itu. Di Pahang, sebuah bas ditahan dan dibakar oleh 10 pengganas bersenjata di kawasan Kuala Lipis. Pengganas tersebut merampas kad pengenalan penumpang. Begitu juga, sebuah bas dibakar oleh pengganas komunis di kawasan Bahau, Negeri Sembilan pada Januari 1952.²²¹ Selain itu, sebuah bas dibakar berdekatan Tapah, Perak pada Januari 1952. Dalam kejadian itu, dua penumpang cedera kerana ditembak oleh pengganas komunis. Di Selangor pula, lapan pengganas bersenjata dan berpakaian seragam menahan sebuah bas di Batu 15, Sungai Buluh-Jalan Subang. Dalam kejadian itu, dua orang Cina dicederakan dan bas itu dibakar.²²² Pada masa yang sama, lima buah bas dibakar di kawasan Kuala Lipis dan Raub serta di Jalan Karak-Manchis dan Maran-Kuantan, Pahang. Di kawasan Tapah, Perak, sebuah bas dibakar oleh pengganas komunis dan pemandunya ditembak. Pemandu tersebut mati di hospital. Di Johor, dua kejadian membakar bas berlaku di kawasan Johor Bahru dan dua lagi berlaku di kawasan Segamat.²²³ Pada 22 Februari 1952, sebuah bas kepunyaan Syarikat Bas Mogah dibakar di Tanjung Malim, Perak.²²⁴ Pada Mac 1952, di kawasan Gua Musang, Kelantan, lima pengganas komunis menahan sebuah bas dan merampas kad pengenalan penumpang.²²⁵ Pada April 1952, lapan pengganas komunis

menghentikan sebuah bas di Jalan Kuala Kangsar-Lenggong, Perak. Setelah merampas kad pengenalan penumpang dan \$60 daripada konduktor, pengganas membakar bas tersebut. Manakala di Johor, pengganas komunis menahan dan membakar sejumlah tujuh kenderaan di kawasan Kota Tinggi, Kluang, Muar dan Johor Bahru pada April 1952.²²⁶ Pada Mei 1952, di kawasan Gemas, Negeri Sembilan, pengganas komunis menghentikan sebuah lori balak dan membunuh pemandu berbangsa Cina. Pada Mei 1952, di kawasan Kemasik, Terengganu, empat orang Cina yang bergerak dengan jip dihentikan oleh empat pengganas bersenjata. Kad pengenalan dan bahan makanan diambil. Di Kuala Lipis, Pahang, tujuh pengganas komunis menahan sebuah bas, merampas 26 kad pengenalan penumpang dan kemudian membakar bas itu.²²⁷ Pada 5 Mei 1952, pengganas komunis menghentikan sebuah kereta persendirian di Batu 103, Jalan Grik-Klian Intan, Perak dan mengambil sayuran yang dibawa oleh penumpang tersebut.²²⁸ Pada 9 Mei 1952, di kawasan Batu Gajah, Perak, sekumpulan pengganas komunis menembak sebuah bas. Seorang penumpang wanita dan konduktor bas mengalami cedera ringan. Sejurus selepas bas ditembak, pengganas juga menghentikan dua kereta persendirian dan merampas wang tunai serta kad pengenalan mereka. Selain itu, pada hari yang sama, pengganas komunis membakar dua lori di Johor, sebuah lori di Perak dan dua bas di Pahang.²²⁹ Pada 6 Jun 1952, enam pengganas komunis menahan dan merompak sebuah bas di Jalan Kangsar-Lenggong, lebih kurang 80.46 kilometer (50 batu) dari Ipoh, Perak. Kad pengenalan dan wang tunai penumpang dirampas dan bas dibakar.²³⁰ Pada 21 Jun 1952, sebuah bas ditahan dan dibakar oleh pengganas komunis di Jalan Lenggong-Grik, Perak. Pengganas turut merampas \$20 daripada pemandu. Pada hari yang sama, pengganas komunis menahan dan membakar sebuah bas di daerah Mersing, Johor.²³¹ Pada Ogos 1952, pengganas komunis menahan sebuah lori membawa barang makanan di Jalan Batu Hampar-Taiping, Perak dan merampas sejumlah beras. Sebuah bas yang tiba di tempat

kejadian itu dibakar dan dua kereta persendirian juga ditahan. Kad pengenalan penumpang bas dan kereta dirampas.²³² Pada awal September 1952, di Yong Peng, Johor, empat lori membawa makanan dihentikan oleh pengganas komunis. Lori tersebut dibakar dan makanan dirampas.²³³ Pada 21 September 1952, pengganas komunis menahan sebuah kereta di Jalan Bentong, kira-kira 19.31 kilometer (12 batu) dari Kuala Lumpur. Pengganas merompak wang \$300 dan sepasang gelang emas bernilai \$150 sebelum kereta itu dibakar.²³⁴ Selain itu, pada 8 Januari 1953, di kawasan Pagoh, Muar, Johor, pengganas komunis menahan sebuah bas dan merampas bahan makanan.²³⁵ Pada April 1953, sebuah lori ditahan oleh pengganas komunis di Batu 20, Jalan Kuala Lumpur-Bentong dan sejumlah bahan makanan dirampas.²³⁶ Pada 26 Disember 1953, sebuah bas ditahan di Ipoh, Perak. Konduktor bas dirompak wang \$30.²³⁷ Dalam perkembangan lain, tiga lori ditahan oleh pengganas komunis di kawasan Labis, Johor, pada 19 Januari 1954. Pengganas merampas empat bakul sayur dan empat kotak buah oren.²³⁸ Di Yong Peng, Johor, pada 10 Jun 1954, kira-kira 14 pengganas komunis menahan sebuah bas dalam perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur serta tiga buah kereta dan sebuah lori. Penumpang kenderaan tersebut dirompak dan lori dibakar.²³⁹

Kejadian serang hendap komunis ke atas pengguna jalan raya sering berakhir dengan pemusnahan kenderaan yang terlibat dan mengakibatkan kerugian besar.²⁴⁰ Secara keseluruhannya, kes membakar dan memusnahkan kenderaan jalan pada tahun 1951 berjumlah 208²⁴¹ dan angka ini menurun kepada 97 pada tahun 1952.²⁴² Ini menunjukkan bertambah banyaknya kerugian yang melibatkan kenderaan di jalan raya terpaksa ditanggung akibat kegiatan pengganas komunis. Sejak darurat sehingga Disember 1953, bas dan lori yang mengalami kerosakan akibat tindakan pengganas komunis berjumlah lebih 3,000 buah.²⁴³ Oleh kerana kenderaan jalan sering diserang hendap oleh pengganas komunis, cadangan dikemukakan untuk mengelakkan pengganas

komunis membawa lari bas dan membakarnya. Antaranya, menggali kubu atau parit di bahagian tepi jalan dan ini akan menjadikan pengganas sukar untuk bertindak.²⁴⁴

Serangan komunis bukan sahaja menyusahkan pergerakan penduduk Tanah Melayu bahkan turut mengganggu kelancaran kerja membina dan membaiki jalan raya yang telah dimulakan sejak selepas Perang Dunia Kedua. Misalnya, projek pembinaan jalan di antara Temerloh dengan Maran, Pahang, yang bermula sebelum pendudukan Jepun, disambungkan selepas pendudukan Jepun tetapi ditinggalkan akibat aktiviti komunis di kawasan itu.²⁴⁵ Jalan sepanjang 48.28 kilometer (30 batu) yang menelan belanja \$7 juta itu hanya siap dan dibuka oleh Sultan Pahang pada 12 Jun 1956.²⁴⁶ Pada tahun ini, dua pekerja Jabatan Kerja Raya terbunu dalam serang hendap komunis di Pahang. Di samping itu, seorang mandur dan tujuh pekerja lain dicederakan.²⁴⁷ Walau bagaimanapun, darurat turut mencorakkan kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan di Tanah Melayu. Jalan baru yang dibina pada tahun 1949 adalah berkaitan dengan darurat dan keperluan untuk meningkatkan jalan masuk ke kawasan tumpuan aktiviti komunis bagi memudahkan pergerakan pasukan keselamatan.²⁴⁸ Pada tahun 1949, di Tanah Melayu, pembinaan tiga jalan telah digariskan atas sebab keperluan untuk pergerakan pasukan keselamatan. Jalan itu ialah Jalan Temerloh-Maran, Pahang; Jalan Kroh-Grik, Perak dan Kaki Bukit-Padang Besar, Perlis.²⁴⁹ Di Perak, kerja memperbaiki dan membina jalan untuk tujuan keselamatan termasuk Jalan Redang Panjang-Kubu Gajah dan Jalan Grik-Klian Intan sedang diusahakan. Selain itu, di Perak, kerja juga dijalankan untuk memulihara jalan di kawasan penempatan semula seperti di Pantai Remis yang sepanjang lebih kurang 4.83 kilometer (tiga batu). Pekerja untuk memulihara jalan ini diperolehi daripada orang Cina tempatan. Di Terengganu, kerja memulihara Jalan Jerangau yang terpaksa ditinggalkan buat sementara akibat tercetusnya darurat, disambungkan semula pada tahun 1949 bagi membantu polis memburu pengganas

komunis. Sekumpulan pekerja juga ditugaskan untuk menumpukan perhatian kepada pembersihan dan mengisi lubang yang ada di jalan raya.²⁵⁰ Dalam pada itu, perbincangan dijalankan untuk membina jalan dari Baling ke Nami di Kedah. Pembinaan jalan tersebut dapat mengurangkan tempat persembunyian komunis dan menyukarkan mereka masuk ke Tanah Melayu melalui Thailand atau keluar dari Kedah ke Thailand. Ini kerana dengan pembinaan jalan tersebut, pasukan polis dan tentera dapat menjalankan rondaan dan sekatan di sepanjang jalan berkenaan.²⁵¹

Begitu juga, sejumlah wang, tenaga dan perhatian ditumpukan kepada pembinaan jalan strategik pada tahun 1950. Tujuannya ialah untuk menyediakan jalan masuk, khasnya bagi pasukan keselamatan ke kawasan terpencil.²⁵² Dalam empat bulan pertama tahun 1950, unit pembinaan jalan beroperasi di kawasan Hutan Simpanan Sungai Lalang, Selangor. Namun begitu, aktiviti komunis telah mengganggu kerja pembinaan jalan tersebut dan hanya kira-kira 0.80 kilometer (setengah batu) jalan yang dapat disiapkan. Seluruh unit berkenaan kemudian berpindah ke projek Hutan Simpanan Kemahang, Kelantan dan berjaya membersihkan jalan sepanjang lebih kurang 8.05 kilometer (lima batu). Bagaimanapun, pembinaan jalan adalah perlahan kerana pemindahan unit tertentu untuk kerja-kerja lain berkaitan dengan darurat yang amat diperlukan dalam usaha menangani pergerakan komunis.²⁵³ Skim pembinaan jalan yang sedang dimajukan pada tahun 1950 meliputi Jalan Lenga-Bukit Kepong, Jalan Niyor-Paloh dan Jalan Bukit Tiga di kawasan penempatan semula Mawai, Johor; Jalan Tanah Merah-Nibong, Jalan Nibong-Jeli, Jalan Jeli-Batu Melintang, Jalan Gua Musang-Kuala Betis dan Jalan Gua Musang-Pulai, Kelantan; Jalan Batang Melaka-Ayer Kuning, Negeri Sembilan; Jalan Mengkuang-Triang, Pahang; Jalan Pedang Panjang-Simpang Tiga, Jalan Grik-Klian Intan, Jalan Langkap-Chui Chak-Batu 54½ dan Jalan Bidor-Teluk Intan, Perak serta Jalan Tanjung Karang-Sekinchan dan Jalan Bukit Lanjan-Sungai Penchala, Selangor.²⁵⁴ Sepanjang

tahun 1950, perkhidmatan bas meliputi jarak perjalanan sepanjang lebih kurang 91.73 juta kilometer (57 juta batu) dengan kapasiti 125 juta penumpang. Industri pengangkutan jalan terpaksa menanggung kesulitan dalam kempen keganasan komunis. Kenderaan jalan, khasnya yang bergerak di jalan secara bersendirian, mudah terdedah kepada serangan komunis dan sesetengah syarikat bas menanggung kerugian yang besar kerana kenderaan ditahan serta dibakar. Pada tahun 1950, sebanyak 149 bas dimusnahkan dengan cara tersebut.²⁵⁵

Pada tahun 1951, jalan strategik dibina untuk menyediakan jalan masuk ke kawasan yang menghadapi kesukaran memperolehi kawalan polis. Pembinaan jalan di Tanah Melayu pada tahun 1951 termasuklah dari Kaki Bukit-Padang Besar (13.28 kilometer/8½ batu) dan Jalan Pauh (9.65 kilometer/6 batu), Perlis; Jalan Mengkuang-Triang (9.65 kilometer/6 batu) dan Jalan Mengkuang-Pelangi, Pahang; jalan strategik tambahan sepanjang lebih kurang 35.41 kilometer (22 batu) dilakukan di Perak; jalan ke kawasan Selendar, Melaka; Jalan Tanah Merah-Batu Melintang (53.91 kilometer/33½ batu), Kelantan; Jalan Teluk Kumbar-Getak Sanggol (4.83 kilometer/3 batu), Jalan Kampung Besar (3.22 kilometer/2 batu) dan Jalan Estet Wellesley (5.63 kilometer/3½ batu), Pulau Pinang dan Seberang Prai; Jalan Lenga-Bukit Kepong (9.65 kilometer/6 batu), Jalan Niyor-Paloh (3.22 kilometer/2 batu), Jalan Ban Foo Lama (4.83 kilometer/3 batu), Jalan Kempas-Tebrau (12.07 kilometer/7½ batu), Jalan Hulu Choh-Geylang Patah (12.87 kilometer/8 batu) dan Jalan Pengerang-Teluk Rumania (24.14 kilometer/15 batu), Johor; Jalan Kuang-Rawang dan Batang Berjuntai-Kerling, Selangor.²⁵⁶ Selain itu, Jalan Mentakab-Kuala Krau-Jerantut serta Jalan Chemor ke Kampung Kuala Bera sepanjang lebih kurang 9.65 kilometer (6 batu) di Pahang adalah penting dan perlu untuk tujuan keselamatan.²⁵⁷ Bagaimanapun, di Perak, terdapat permintaan untuk jalan strategik dan jalan masuk serta jalan dalam kampung baru.²⁵⁸ Dalam pada itu, terdapat permintaan

untuk memperbaiki jalan di Melaka bagi memudahkan pergerakan pasukan keselamatan ke kawasan Estet Karuppan yang sering dirosakkan oleh kenderaan berat pihak keselamatan.²⁵⁹ Selain itu, pengguna jalan sering berdepan dengan serangan komunis. Sejak bermulanya darurat, sejumlah 364 bas dan 180 lori telah dimusnahkan di Tanah Melayu.²⁶⁰ Oleh itu, tidak dapat dinafikan timbul kesulitan dan kebimbangan bagi mereka yang menggunakan jalan raya.

Pada tahun 1952, usaha membina jalan sebagai laluan masuk ke kampung terpencil dan membolehkan pasukan keselamatan menjalankan operasi memburu penggaans komunis dipergiatkan. Namun demikian, projek pembinaan Jalan Dabong-Kuala Balah dan Jalan Tanah Merah-Seberang Krai, Hulu Kelantan, Kelantan, tergendala akibat kekurangan tenaga pekerja kerana mereka diperlukan untuk kerja berkaitan darurat.²⁶¹ Jumlah bilangan kenderaan yang berdaftar di Persekutuan pada tahun 1952 adalah 82,591. Pada tahun itu, perkhidmatan bas telah meliputi jarak perjalanan sepanjang 123.92 juta kilometer (77 juta batu) dengan kapasiti 193 juta penumpang.²⁶² Pada tahun 1952, purata sembilan buah bas dibakar dalam sebulan. Namun demikian, keadaan bertambah baik pada tahun 1953 di mana hanya sebuah bas yang ditahan dan dibakar oleh pengganas komunis dalam sebulan. Dengan itu, terdapat peningkatan dalam kebebasan bergerak di seluruh Tanah Melayu pada tahun 1953.²⁶³ Bagaimanapun, permintaan untuk *emergency road*²⁶⁴ yang difikirkan penting dan perlu diteruskan pada tahun 1953 bagi melawan pengganas komunis. Jalan dari Tanah Merah ke Jeli, Kelantan, sepanjang lebih kurang 51.5 kilometer (32 batu) siap dibina. Selain itu, jalan di Seberang Jeli, Kelantan, juga dibersihkan. Namun demikian, terdapat beberapa masalah jalan masuk ke Tanah Merah dan keadaan keselamatan menyebabkan projek itu tidak dapat siap dengan lengkap.²⁶⁵ Sejumlah \$70,000 digunakan bagi membersihkan belukar dan langkah keselamatan antara 1 Januari 1953 hingga 31 Disember 1953 di Negeri Sembilan

sahaja.²⁶⁶ Ini membuktikan langkah keselamatan itu penting dalam mencegah serang hendap penganas komunis dan menjamin keselamatan pengguna jalan. Pada tahun ini juga, Persekutuan Tanah Melayu memperuntukkan sejumlah \$184,000,000 untuk pembinaan jalan dalam tempoh 10 tahun. Ini termasuklah pembinaan Jalan Timur-Barat sejauh lebih kurang 321.87 kilometer (200 batu) dari Port Klang (Port Swettenham) melalui Kuala Lumpur dan Genting Sempah Pass, serta pembinaan semula Jalan Pantai Timur dari Kuantan, Pahang ke Kuala Terengganu, Terengganu.²⁶⁷

Pada tahun 1954, jarang berlaku serangan penganas komunis ke atas bas. Pada tahun itu juga, 133 bas baru mula berkhidmat untuk penduduk Tanah Melayu walaupun syarikat bas terpaksa menanggung kerugian akibat tindakan penganas komunis pada awal zaman darurat.²⁶⁸ Dalam pada itu, sepanjang lebih kurang 10,225.77 kilometer (6,354 batu) jalan dibina pada tahun 1954.²⁶⁹ Antara jalan penting untuk tujuan darurat yang telah siap atau yang sedang dibina termasuklah Jalan Semenanjung Pengerang, Johor; Jalan Batu Kikir-Terentang dan Jalan Kampung Mahsan-Estet Glendale, Negeri Sembilan; Jalan Triang-Mengkuang-Kemayan, Pahang dan Jalan Jeli-Batu Melintang, Kelantan.²⁷⁰ Sejumlah \$357,000 diperuntukkan dan diluluskan dalam perjumpaan Jawatankuasa Tetap Kewangan pada 10 September 1954 untuk pembinaan *emergency road* dan landasan kapal terbang perang. Ini termasuklah \$130,000 bagi meningkatkan Jalan Jeli-Batu Melintang, Kelantan; \$150,000 membina lampu jalan di Padang Kerbau-Lembah Titi Tras, Kedah; \$47,000 untuk pembinaan jalan dari Batu Kikir ke Terantang, Negeri Sembilan dan \$30,000 untuk membina landasan kapal terbang perang di enam *jungle fort* Orang Asli.²⁷¹

Pada tahun 1955, lebih kurang 49.89 kilometer (31 batu) *emergency road* yang baru dibina, menjadikan jumlah perbatuan yang ada ialah lebih kurang 331.52 kilometer (206 batu). Jalan tersebut memainkan dua tujuan utama, iaitu menghubungkan kampung

yang bertaburan di merata tempat dan memudahkan pergerakan pasukan keselamatan.²⁷²

Antara jalan itu termasuklah Jalan Padang Besar, Jalan Bukit Payong-Pendang, Utara Kedah dan jalan dari Padang Lembu ke Pokok Tai, Kedah Tengah.²⁷³ Pada tahun ini juga, pembinaan Jalan Sawah ke Estet Midlands, Johor Bahru ke Pontian, Kota Tinggi-Telok Sengat, Sedenak-Tek Wah Heng, Johor Bahru dan Kluang-Paloh, Johor diluluskan.²⁷⁴

Pada tahun 1956, sejauh lebih kurang 74.03 kilometer (46 batu) *emergency road* telah dibina. Dengan itu, Tanah Melayu memiliki *emergency road* sepanjang 405.55 kilometer (252 batu).²⁷⁵ Antaranya, Jalan Rompin-Gemas, Negeri Sembilan (14.88 kilometer/9½ batu) siap pada Julai 1956. Walaupun pembinaannya untuk tujuan darurat, jalan itu juga boleh dianggap sebagai suatu pembangunan di Tanah Melayu. Menjelang tahun 1956, jumlah jarak jalan di Tanah Melayu telah meliputi hampir 10,460.74 kilometer (6,500 batu). Perkhidmatan bas dikembangkan dan mula sampai ke kampung dan desa terpencil.²⁷⁶ Di Perak, sebanyak 15 *emergency road* dibina pada 1 Januari 1956.²⁷⁷ Sehingga 1957, sebanyak 113,956 buah kenderaan didaftarkan dan kos menyelenggarakan jalan di Tanah Melayu menelan belanja \$11,400,000 setahun.²⁷⁸ Pada tahun 1957, sejumlah 10,637.76 kilometer (6,610 batu) jalan telah dibina di seluruh Tanah Melayu. Pada tahun ini, dicadangkan pembinaan jalan menghubungi Mawai-Kuala Sedili, Johor, sepanjang 22.53 kilometer (14 batu).²⁷⁹ Pada lewat tahun 1958, sejumlah 10,806.74 kilometer (6,715 batu) jalan telah dibina di Tanah Melayu. Pada tahun ini, pembinaan Jalan Temerloh-Maran, Pahang dan Jalan Mawai-Sedili di Johor masih diteruskan. *Emergency road* yang siap dibina ialah Jalan Pendang-Titi Akar, Kedah dan dirasmikan pada 8 Mei 1958. Begitu juga, jalan dari Pokok Sena ke Kampung Panchor dan dari Naka ke Nami, Kedah siap pada tahun 1958.²⁸⁰ Pada tahun 1959, sejumlah 11,009.52 kilometer (6,841 batu) jalan telah dibina di Tanah Melayu. Pada

lewat tahun 1959, 21.73 kilometer (13½ batu) Jalan Mawai-Sedili, Johor telah boleh dilalui oleh kenderaan.²⁸¹ Sehingga tahun 1960, Tanah Melayu telah mempunyai jalan sepanjang 11,138.27 kilometer (6,921 batu). Kerja penyelidikan untuk pembinaan Jalan Endau-Rompin ke Sabak, Pahang, siap pada tahun 1960. 90% daripada pembinaan jalan dari Ringlet ke Jalan Bertam, Cameron Highlands, Pahang, sejauh 2.74 kilometer (1.7 batu) yang bermula pada Januari 1960 telah siap pada penghujung tahun 1960.²⁸²

Dengan itu, jelas bahawa terdapat pembinaan jalan raya pada zaman darurat tetapi keutamaan adalah untuk tujuan darurat, khasnya jalan ke kawasan terpencil dan kampung baru bagi memudahkan pergerakan pasukan keselamatan dalam memerangi pengganas komunis. Namun demikian, tidak dapat dinafikan jalan itu turut memberi faedah kepada penduduk di kawasan berkenaan dan sekitarnya. Tambahan pula, jalan merupakan salah satu unsur yang dipertimbangkan dalam penyediaan dan pemilihan tapak bagi sesebuah kampung baru dan kawasan penempatan semula di Tanah Melayu pada zaman darurat. Dengan itu, dapat dikatakan darurat juga merupakan satu faktor yang mencorakkan pembinaan jalan raya di Tanah Melayu.

Perkhidmatan Telefon dan Telegraf

Tahun 1948 hingga 1960 turut memperlihatkan peningkatan dalam perkhidmatan telefon dan telegraf. Perkhidmatan tersebut penting dalam memenuhi keperluan hidup penduduk ketika negara sedang menghadapi ancaman pengganas komunis. Ia penting bagi membolehkan penduduk berhubung dengan pihak berkuasa dan pasukan keselamatan dengan cepat dalam masa kecemasan, membolehkan pihak pentadbir mengembangkan lagi struktur dan sistem pentadbiran dengan lebih berkesan serta membantu sektor perlombongan, penanaman dan perdagangan untuk mengekalkan hubungan yang berkesan dengan pihak tempatan dan Eropah serta mengetahui keadaan

pasaran dunia. Oleh itu, tidak dapat dinafikan salah satu sebab peningkatan dalam permintaan kemudahan ini adalah kerana darurat.

Sejak Jun 1948, terdapat peningkatan yang besar dalam permintaan terhadap perkhidmatan ini dan sebanyak 467 talian telefon dipasang. Ini menjadikan jumlah alat telefon yang dipasang pada tahun 1948 ialah 17,553. Manakala jumlah telegram yang diterima dan dihantar pada tahun 1948 adalah 1,501,145.²⁸³ Pada tahun 1949, usaha mula dilakukan untuk memenuhi permintaan perkhidmatan telefon di kawasan luar bandar. Sehingga hujung tahun 1949, terdapat peningkatan dalam penggunaan telefon sebanyak 16% daripada tahun 1948 dan menjadikan jumlahnya 20,362. Pada masa yang sama, jumlah telegram yang diuruskan oleh Tanah Melayu adalah 1,346,501.²⁸⁴ Pada tahun 1950, jumlah telegram yang dihantar dan diterima telah berkurangan. Pengurangan ini adalah akibat daripada peningkatan dalam kemudahan perkhidmatan telefon dan *teleprinter*²⁸⁵ swasta, iaitu 44 stesen *teleprinter* berbanding dengan 31 pada tahun 1949. Bilangan telefon meningkat kepada 24,414 pada tahun 1950. Manakala jumlah telegram yang diuruskan pada tahun ini ialah sebanyak 1,299,802.²⁸⁶

Jadual 18 menunjukkan pertumbuhan dalam perkhidmatan telefon dari tahun 1947 hingga 1950 (4 tahun). Bilangan telefon yang digunakan pada tahun 1947 berjumlah 13,657 dengan 5,029 permohonan.²⁸⁷ Angka itu meningkat kepada 17,553 telefon yang digunakan dengan 5,049 permohonan pada tahun 1948. Pada tahun 1949, sejumlah 20,362 telefon sedang digunakan tetapi masih terdapat 4,371 permohonan perkhidmatan telefon. Manakala pada tahun 1950, 24,414 telefon dipasang dan digunakan dengan 4,027 permohonan untuk menggunakan perkhidmatan tersebut.

Jadual 18
Pertumbuhan Perkhidmatan Telefon, 1947-1950

	1947	1948	1949	1950
Bilangan Telefon Yang Digunakan Permohonan Untuk Perkhidmatan Telefon	13,657 5,029	17,553 5,049	20,362 4,371	24,414 4,027

Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1950*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 193. Angka tahun 1947-1949, lihat juga *Telecommunications Department Malaya Annual Report For The Year 1949*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1950, hlm. 16.

Permohonan untuk perkhidmatan telefon meningkat berkaitan dengan darurat dan kemakmuran industri getah serta timah pada tahun 1951. Pada tahun ini, terdapat 28,086 telefon yang digunakan dan 4,386 permohonan bagi perkhidmatan telefon.²⁸⁸ Ini menunjukkan penduduk Tanah Melayu telah sedar kepentingan perkhidmatan telefon, terutamanya pada zaman darurat supaya membolehkan mereka berhubung dengan pihak keselamatan secepat mungkin. Ini telah membawa kepada permohonan memasang telefon sehingga ke kawasan kampung. Contohnya, pada tahun 1951, penduduk Kampung Balok, Kuantan, Pahang, memohon kepada pihak berkuasa supaya memasang sebuah telefon di pondok polis di kampung berkenaan kerana ia penting untuk masa kecemasan.²⁸⁹ Jumlah telegram yang dikendalikan oleh Tanah Melayu pada tahun 1951 adalah 1,022,692.²⁹⁰

Permintaan perkhidmatan telefon di Tanah Melayu terus meningkat pada tahun 1952. Pada tahun ini, sebanyak 32,352 telefon telah dipasang dan 5,747 permohonan.²⁹¹ Sementara itu, sejumlah 1,507,659 telegram diuruskan di Tanah Melayu pada tahun 1952.²⁹² Pada tahun 1953, terdapat perkembangan perkhidmatan telefon, iaitu peningkatan kira-kira 21% berbanding tahun sebelumnya. Jumlah telefon yang digunakan ialah 39,009 dengan 3,602 permohonan.²⁹³ Manakala perkhidmatan telegraf

menurun hampir 12% berbanding dengan tahun 1952. Jumlah telegram yang diuruskan pada tahun 1953 ialah 1,322,619.²⁹⁴ Pada tahun 1953, perkhidmatan telefon kecemasan di kampung diadakan di Kelantan untuk digunakan pada masa kecemasan ketika negara dalam keadaan huru-hara akibat darurat.²⁹⁵ Pada tahun 1953 juga, Bahagian Telekomunikasi Persekutuan Tanah Melayu memperuntukkan \$1,555,000 untuk memperbaiki perkhidmatan telefon di kawasan kampung. Langkah ini diambil kerana kerajaan sedar bahawa sekiranya perkhidmatan telefon di kampung dan kampung baru tidak diperbaiki, sukar bagi penduduk berhubung pada masa kecemasan.²⁹⁶


Permintaan ke atas perkhidmatan telefon terus berkembang pada tahun berikutnya. Pada tahun 1954, perkhidmatan telefon meningkat sebanyak 19%. Walaupun lebih 7,000 alat telefon telah dipasang, tetapi masih terdapat 2,851 permohonan yang dikemukakan dan sedang menunggu untuk diluluskan.²⁹⁷ Sehingga lewat 1954, bilangan telefon yang dipasang untuk keperluan penduduk mencapai 46,356.²⁹⁸ Perkhidmatan telefon di antara kampung di Kelantan meliputi kampung di kawasan Pasir Puteh dan Tanah Merah mula dijalankan.²⁹⁹ Sementara itu, perkhidmatan telegraf terus menurun, iaitu sebanyak 5% pada tahun 1954. Perkhidmatan ini mengendalikan 1,163,705 telegram sepanjang tahun 1954.³⁰⁰ Keadaan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan dalam perkhidmatan telefon di Tanah Melayu pada tahun 1954.

Pada tahun 1955, perkhidmatan telefon meningkat sebanyak 11% dengan jumlah bilangan alat telefon yang dipasang adalah 52,173 berbanding dengan 13,657 pada hujung tahun 1947. Walaupun 6,000 telefon tambahan dipasang pada tahun 1955, senarai menunggu pada 31 Disember 1954 dan 31 Disember 1955 adalah 2,851 dan 2,849 masing-masing sebagaimana yang dapat dilihat pada Rajah 1.³⁰¹ Perkembangan perkhidmatan telefon ini mempengaruhi perkhidmatan telegraf. Pada tahun 1955,

1,140,240 telegram yang diuruskan di Tanah Melayu. Angka ini menunjukkan pengurangan sebanyak 2% daripada telegram yang diuruskan pada tahun 1954.³⁰²

Pada tahun 1956, 5,185 telefon baru dipasang, iaitu 10% tambahan telefon yang digunakan berbanding tahun 1955.³⁰³ Dengan itu, sejumlah 57,358 telefon telah digunakan di Tanah Melayu. Perkhidmatan telegraf pada tahun 1956 juga menunjukkan peningkatan. Sejumlah 1,165,874 telegram telah dihantar dan diterima pada tahun ini, satu peningkatan daripada tahun 1955, iaitu 1,140,240.³⁰⁴ Jumlah telefon yang digunakan pada 31 Disember 1957 ialah 61,736. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 4,378 telefon atau 7.63% berbanding 57,358 telefon pada tahun 1956. Pada tahun ini juga, Tanah Melayu dikatakan sebagai negara yang paling tinggi dalam pertumbuhan perkhidmatan telefon di Asia Tenggara.³⁰⁵ Pada masa yang sama, sejumlah 1,125,053 telegram dikendalikan oleh Tanah Melayu, iaitu kejatuhan sebanyak 8.4% berbanding dengan tahun sebelumnya.³⁰⁶ Pada tahun-tahun berikutnya perkhidmatan telefon dan telegraf terus berkembang dengan berkurangnya kegiatan pengganas komunis dan negara semakin stabil. Jumlah alat telefon yang digunakan di Tanah Melayu pada 31 Disember 1958 adalah 64,978 buah. Manakala pada tahun 1958, Tanah Melayu menguruskan sejumlah 1,043,638 telegram.³⁰⁷ Sehingga 6 Oktober 1959, sejumlah 68,000 telefon telah dipasang. Di samping itu, 1,600 permohonan diluluskan tetapi kerja pemasangan belum dijalankan.³⁰⁸ Pada lewat tahun 1959, sejumlah 70,238 telah dipasang di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, telegram yang diterima dan dihantar oleh Tanah Melayu berjumlah 1,043,704.³⁰⁹ Menjelang tamatnya darurat di Tanah Melayu pada Julai 1960, lebih kurang 75,000 alat telefon telah digunakan di seluruh Tanah Melayu. Pada penghujung tahun tersebut, sejumlah 76,250 telefon telah dipasang di Tanah Melayu. Pada tahun ini juga, rancangan pembangunan sistem telekomunikasi bagi lima tahun (1961-1965) dikemukakan oleh Jabatan Telekomunikasi kepada kerajaan.³¹⁰

Rajah 1
Perkembangan Sistem Telefon di Tanah Melayu, 1947-1955



Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 382.

Namun demikian, perkhidmatan telefon dan telegraf juga sering menjadi sasaran sabotaj pengganas komunis dengan tujuan untuk memutuskan segala hubungan antara penduduk sesuatu kawasan dengan kawasan lain dan menyulitkan hubungan dengan pihak kerajaan. Tindakan itu juga bertujuan menyekat mangsa mereka daripada mendapat bantuan luar. Bukan sahaja kemudahan telefon di kawasan luar bandar yang sering menjadi sasaran komunis, tetapi begitu juga wayar telefon selalu dipotong oleh pengganas komunis di estet dan lombong. Perbuatan komunis itu menyekat hubungan komuniti estet dan lombong dengan dunia luar.³¹¹ Antara kejadian sabotaj pengganas berlaku pada 26 Jun 1948 di mana 42 orang pengganas komunis menyerang sebuah kampung terpencil di Kuala Krau, Mentakab, Pahang. Mereka memutuskan talian telefon agar penduduk tidak dapat berhubung dan mendapatkan bantuan dari luar.³¹² Pada 12 Julai 1948, talian telefon di antara Mersing dengan Endau, Johor, diputuskan oleh pengganas komunis.³¹³ Pada 6 September 1948, wayar telefon di Estet Nanyo-Kluang, Kluang, Johor, dipotong oleh pengganas komunis.³¹⁴ Begitu juga, perkhidmatan telefon di antara Siputeh dengan Tronoh, Perak, tergendala pada malam 6 September 1948, akibat perbuatan pengganas memotong wayar telefon di Batu 14.³¹⁵ Kawat telegraf di kedua-dua belah jalan di antara Bidor dan Sungkai, Perak, diputuskan oleh pengganas komunis pada 15 September 1948.³¹⁶ Dalam kejadian lain, pengganas komunis memotong wayar telefon di Estet Parang Besar, Kajang, Selangor pada 12 Oktober 1948.³¹⁷ Wayar telefon di Estet Harvard, Kedah Tengah, dipotong oleh pengganas komunis pada 20 November 1948.³¹⁸ Selain itu, pada 21 November 1948, wayar telefon di antara Ipoh dengan Tanjung Rambutan, Perak, dikerat oleh pengganas komunis.³¹⁹ Pada malam 26 November 1948, kawat telefon di antara Kampar dengan Air Kuning serta Kampar dengan bandar Malim, Perak, diputuskan oleh pengganas komunis.³²⁰ Begitu juga, wayar telefon yang panjangnya lebih kurang 182.88 meter (200 ela) dari sebuah

kilang estet di Kluang, Johor, dipotong oleh pengganas komunis pada 4 Disember 1948.³²¹

Dalam perkembangan lain, wayar telefon di antara Mentakab dengan Kuala Krau, Pahang, dipotong oleh pengganas komunis pada 17 Februari 1949.³²² Pada 5 April 1949, 16 wayar telefon di lapangan terbang Ipoh, Perak, dipotong oleh pengganas komunis.³²³ Pada 12 November 1949, wayar telefon di sekitar Batu 97, Jalan Mentakab-Karak, Pahang, dipotong oleh pengganas komunis. Pada 13 November 1949 pula, pengganas komunis memotong wayar telefon di antara Mentakab dengan Triang, Pahang.³²⁴ Pada 20 November 1949, lima pasang wayar telefon di lima tempat di kawasan Tapah, Perak, dipotong oleh pengganas komunis. Kejadian itu menyebabkan perkhidmatan telefon di balai polis di Tapah, Bidor, Tanjung Malim dan Tanah Mas terjejas.³²⁵ Manakala pada 1 Disember 1949, segerombolan pengganas komunis memutuskan talian telefon di Batu 31, Jalan Degong-Ayer Kuning, Kampar, Perak.³²⁶ Pada 31 Disember 1949, talian telefon di kawasan Mentakab, Pahang, diputuskan oleh pengganas komunis.³²⁷ Dalam kejadian lain, talian telefon di antara Bentong-Raub dengan Kuala Lipis, Pahang, diputuskan oleh pengganas komunis pada penghujung Disember 1949.³²⁸ Sementara itu, tiga talian telefon dari Muar ke Parit Sulong, Johor, diputuskan oleh pengganas komunis pada 11 Februari 1950. Pada 12 Februari 1950, pengganas komunis mengalihkan wayar telefon sepanjang 300 meter di Negeri Sembilan.³²⁹ Pada 17 Februari 1950, dua tiang telefon dirobohkan oleh pengganas komunis berdekatan Kuala Kangsar, Perak.³³⁰ Pada malam 20 Februari 1950, pengganas komunis memotong wayar telefon di Tapah dan Tanjung Tualang, Perak, menyebabkan perkhidmatan itu tergendala.³³¹ Dalam kejadian lain, pada 4 Mac 1950, empat pasang wayar telefon dipotong oleh pengganas komunis di selatan Layang-Layang, Johor. Pada hari yang sama, juga dilaporkan talian telefon di antara Batu 38 dengan Batu 39, Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam, Johor, diputuskan oleh


pengganas.³³² Di daerah Kajang, Selangor, talian telefon diputuskan oleh pengganas komunis di Batu 25, Jalan Semenyih-Broga pada 5 Mac 1950.³³³ Pada 31 Mac 1950, di kawasan Merapoh, Gua Musang, Kelantan, pengganas komunis bukan sahaja mengalih papan di sebuah jambatan tetapi juga memotong talian telefon kawasan berkenaan.³³⁴ Pada masa yang sama, talian telefon sepanjang 2,000 meter diputuskan oleh pengganas komunis di beberapa kawasan di Pulau Pinang.³³⁵ Pada 30 April 1950, talian telefon di kawasan Lombok Kramat Pulai, Ipoh, Perak, dirosakkan oleh pengganas komunis.³³⁶ Begitu juga, pada 30 April 1950, wayar telefon di Batu 64, Jalan Johor Bahru-Mersing, Johor, dipotong oleh pengganas komunis. Selain itu, pada 1 Mei 1950, talian telefon diputuskan oleh pengganas komunis di Batu 14½, Jalan Kluang-Jemaluang, Johor.³³⁷ Antara 21 Julai dengan 27 Julai 1950, talian telefon diputuskan oleh pengganas komunis di kawasan Raub, Bentong dan Mentakab, Pahang.³³⁸ Pada bulan Ogos 1950 sahaja, berlaku 19 kes sabotaj telefon di Tanah Melayu.³³⁹ Pada 18 Oktober 1950, perkhidmatan talian jauh Tanah Melayu terganggu sehari akibat perbuatan pengganas.³⁴⁰ Pada November 1950, di kawasan Dungun, Terengganu, talian telefon diputuskan oleh pengganas komunis.³⁴¹

Pada tahun 1951, berlaku sebanyak 1,291 kejadian sabotaj pengganas komunis ke atas sistem telefon dan telegraf.³⁴² Di kawasan Teluk Intan, Perak, talian telefon diputuskan dalam empat kejadian pada Disember 1951. Begitu juga, talian telefon diputuskan di Jalan Kuala Pilah-Batu Kikir dan Jalan Jelebu, Negeri Sembilan pada Disember 1951.³⁴³ Angka kejadian sabotaj pengganas komunis ke atas perkhidmatan telefon dan telegraf jatuh kepada 780 pada tahun 1952.³⁴⁴ Begitu juga, terdapat penurunan purata bulanan kejadian sabotaj pada tahun 1952. Rajah 2 menunjukkan purata bulanan kejadian sabotaj pengganas ialah 65 berbanding 108 pada tahun 1951. Pada tahun 1952, kejadian sabotaj ke atas telefon dan telegraf paling banyak berlaku pada

bulan Februari, iaitu sebanyak 113 kes, diikuti dengan bulan Januari dan Mei dengan 97 kes masing-masing, 94 kejadian pada bulan April, 86 pada bulan Jun dan 74 pada bulan Mac. Angka kejadian ini semakin menurun pada separuh akhir tahun 1952. Jumlah kejadian sabotaj pengganas komunis ke atas perkhidmatan telefon dan telegraf yang berlaku pada bulan Julai sebanyak 57, 47 pada bulan Ogos, 42 pada bulan September, 28 pada bulan Oktober, 24 pada bulan November dan 21 kejadian pada bulan Disember 1952 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3.


Pada Januari 1952, pengganas komunis memutuskan talian telefon di kawasan Sungai Siput, Perak. Wayar telefon dipotong sejauh 0.80 kilometer ($\frac{1}{2}$ batu) dan diikat pada sebatang pokok. Di Pahang, wayar telefon juga dipotong di kawasan Kuala Lipis dan Kuantan. Pada masa yang sama, wayar telefon di kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan juga diputuskan oleh pengganas komunis.³⁴⁵ Pada masa yang sama, pengganas komunis memotong wayar telefon di Tapah, Perak sebanyak dua kali, dan 20 tiang telefon telah digergaji di Teluk Intan, Perak.³⁴⁶ Pada hujung Januari 1952, pengganas komunis mencabut empat tiang telegraf di kawasan Teluk Intan, Perak.³⁴⁷ Dalam kejadian lain yang berlaku pada awal Februari 1952, pengganas komunis memotong wayar telefon di kawasan Muar, Johor dan Kuala Lipis, Pahang.³⁴⁸ Pada 26 April 1952, wayar telefon sepanjang 792 meter di tepi stesen landasan keretapi Ampang dipotong dan dicuri oleh pengganas komunis.³⁴⁹ Pada Ogos 1952, pengganas komunis memotong 246 wayar telefon di daerah Rawang, Selangor. Ini menyebabkan anggaran kerosakan sebanyak \$1,300.³⁵⁰

Rajah 2
Insiden Sabotaj Per Bulan, 1951-1952



Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 270.

Rajah 3
Insiden Sabotaj Per Bulan Pada Tahun 1952



Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 270.

Pengganas komunis meneruskan sabotaj ke atas perkhidmatan telefon dan telegraf, tetapi kejadian itu telah semakin berkurangan. Purata kejadian sebulan adalah 20 pada tahun 1953, berbanding dengan 65 sebulan pada tahun 1952 dan 108 sebulan pada tahun 1951. Perkembangan ini menunjukkan keadaan di Tanah Melayu semakin baik.³⁵¹ Antara kejadian sabotaj pengganas komunis berlaku pada Januari 1953, di mana talian telefon di antara Kuala Kangsar dengan Ipoh, Perak, diputuskan dan mengakibatkan kerugian sebanyak \$1,000.³⁵² Pada 6 Julai 1953, pengganas memotong wayar telefon di empat tempat di sepanjang landasan keretapi Kulai-Sedenak, Johor.³⁵³ Pada Disember 1953, pengganas komunis memutuskan talian telefon di daerah Kluang, Johor, mengakibatkan kerosakan kira-kira \$1,000.³⁵⁴ Bagaimanapun, pengganas komunis terus melakukan sabotaj ke atas telefon dan telegraf pada tahun 1954. Purata bilangan kejadian sebulan adalah 21 pada tahun 1954.³⁵⁵ Pada 28 Jun 1954, pengganas komunis telah memotong wayar telefon di kawasan Yong Peng, Johor. Pada 29 Jun 1954, segerombolan pengganas komunis memotong wayar telefon di kawasan Johor Bahru, Johor.³⁵⁶ Manakala pada 11 September 1954, pengganas komunis memotong wayar telefon sepanjang 228.6 meter (250 ela) dan mematahkan beberapa tiang telefon di kawasan Kluang, Johor.³⁵⁷ Pada 12 September 1954, pengganas komunis memotong wayar telefon di Jalan Johor Bahru-Air Hitam, Johor dan beberapa keping risalah komunis ditaburkan di situ.³⁵⁸ Pada 14 September 1954, pengganas komunis memotong dan mencuri wayar telefon di Estet Sungai Siput, Segamat, Johor.³⁵⁹ Kejadian sabotaj telefon dan telegraf berkurangan sebanyak lebih 30% pada tahun 1955 berbanding tahun sebelum. Pada 10 April 1955, pengganas komunis mencabut lima tiang telefon dan memotong wayar telefon di Rengam, Johor.³⁶⁰ Pada 20 Mei 1955, pengganas komunis memotong wayar telefon sepanjang jalan di antara Segamat dengan Kampung Baru Kampong Tengah, Johor. Pengganas turut meninggalkan bendera komunis dan risalah.³⁶¹ Pada malam 23

Ogos 1955, pengganas komunis memutuskan talian telefon di Estet Hulu Remis, Layang-Layang, Johor. Mereka juga memutuskan lebih kurang 20 wayar di beberapa tempat di Layang-Layang. Pengganas juga memutuskan talian telefon di Kulai, Johor, pada malam 23 Ogos 1955. Terdapat dakwaan daripada pihak kerajaan Johor bahawa pengganas komunis cuba menjual wayar telefon bagi mengumpulkan wang.³⁶² Pada 25 Disember 1955, pengganas komunis memutuskan talian telefon di Estet Niyor, Kluang, Johor.³⁶³ Pada tahun 1956, terdapat juga gangguan pengganas komunis ke atas perkhidmatan telefon. Pada tahun ini, berlaku 222 kes kejadian sabotaj pengganas ke atas perkhidmatan ini.³⁶⁴ Antaranya, pada malam 16 Februari 1956, wayar telefon di kawasan Yong Peng, Johor dipotong.³⁶⁵ Pada 1 April 1956, pengganas komunis memotong wayar telefon di Batu 20, Jalan Ipoh-Kampar, Perak.³⁶⁶ Pada 21 Ogos 1956, segerombolan pengganas komunis memotong wayar telefon di Jalan Kota Tinggi-Mersing, Johor.³⁶⁷ Berikutnya kejadian sabotaj komunis ke atas perkhidmatan telefon dan telegraf semakin kurang. Ini adalah berpunca daripada pengunduran pengganas komunis selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada tahun 1958, misalnya, hanya dilaporkan wayar telefon di Batu 33½, Jalan Kota Tinggi-Mersing, Johor, dirosakkan pada 3 April 1958.³⁶⁸

Bekalan Air Paip

Perkhidmatan bekalan air paip di seluruh Persekutuan Tanah Melayu adalah di bawah kawalan kerajaan negeri dan petempatan, walaupun biayaan untuk memperluaskan kemudahan ini dibekalkan melalui perbelanjaan kerajaan pusat. Namun demikian, kerja tokok tambah, operasi dan pemuliharaan bekalan air adalah di bawah bidang tugas negeri. Sehingga tahun 1948, kecuali Terengganu, negeri-negeri lain telah dibekalkan dengan kemudahan air paip, terutamanya di kawasan bandar.³⁶⁹ Bagaimanapun, tidak dapat

dinafikan bahawa kerja memasang paip air tergendala akibat keadaan huru-hara pada zaman darurat. Akhbar *Sin Chew Jit Poh*, 4 April 1949, melaporkan sebahagian kerja memasang paip air di Johor terganggu disebabkan oleh keadaan huru-hara yang dibangkitkan oleh pengganas komunis.³⁷⁰ Selain itu, pada 16 November 1948, tiga pekerja Jabatan Kerja Raya yang bertugas di kawasan tadahan Sungai Dal, Kuala Kangsar, Perak, diserang oleh empat pengganas komunis. Kejadian itu mengakibatkan seorang pekerja terbunu.³⁷¹ Begitu juga, kemudahan ini tidak dapat lari dari kegiatan sabotaj pengganas komunis. Keadaan ini telah membawa kesusahan kepada penduduk di kawasan berkenaan.

Di Kajang, Selangor, paip air sepanjang lebih kurang 3.22 kilometer (dua batu) dirosakkan oleh pengganas komunis pada 23 Ogos 1949. Ini mengakibatkan satu skim kecemasan terpaksa dibuat, iaitu mengepam air dari Sungai Jeloh di luar bandar Kajang untuk kegunaan penduduknya.³⁷² Begitu juga, di Perak, sebuah empangan air berdekatan Chemor dimusnahkan oleh pengganas komunis pada awal Oktober 1949.³⁷³ Di Segamat, Johor, pada 5 Januari 1950, saluran bekalan air paip ke pekan Labis diletupkan oleh pengganas komunis.³⁷⁴ Dalam kejadian lain, pada malam 4 Februari 1950, pengganas komunis cuba melakukan sabotaj ke atas saluran paip air di Batu 16½ di antara Johor Bahru dengan Pontian, berdekatan pekan Sekudai, Johor, tetapi tidak berjaya.³⁷⁵ Pada 11 Februari 1950, saluran paip air di Batu 2, Jalan Kota Tinggi, Johor, dirosakkan oleh pengganas. Kejadian itu mengganggu pembekalan air dari tempat takungan ke kawasan Kota Tinggi.³⁷⁶ Pada Mei 1950, pengganas komunis merosakkan paip air untuk pekan Kajang di Selangor. Perbuatan pengganas komunis ini mengganggu kesihatan dan mata pencarian penduduk. Penduduk Kajang terpaksa menggunakan air hujan atau air sungai yang kurang bersih untuk kegunaan harian. Keadaan ini menyebabkan penduduk kawasan tersebut tidak dapat menjalankan kerja seperti menyiram kebun sayur mereka.³⁷⁷

Dalam perkembangan lain, pada 6 Jun 1951, pengganas komunis meletupkan paip utama di Taiping, Perak.³⁷⁸ Pada Disember 1951, saluran paip air yang berhampiran Kampar, Perak, diputuskan di dua tempat.³⁷⁹ Pada Januari 1952, di kawasan Ipoh, Perak, sebahagian saluran paip utama dialihkan oleh pengganas komunis dan mengakibatkan bekalan air ke kampung penempatan semula terputus.³⁸⁰ Bekalan air di Tanjung Malim, Perak, sering dipotong oleh pengganas komunis. Sebanyak enam kejadian paip air dipotong oleh pengganas komunis berlaku di Tanjung Malim pada awal tahun 1952. Penduduk terpaksa menggunakan air sungai, air perigi dan air hujan yang tertakung dalam tin.³⁸¹ Apabila pembekalan air dipotong buat kali keenam pada Mac 1952, kumpulan teknikal dihantar untuk memeriksa kerosakan paip air, yang diiringi oleh Penolong Pegawai Daerah dengan sekumpulan anggota polis diserang hendap pengganas komunis. Kejadian itu mengorbankan 12 nyawa. Dalam perkembangan lain, pada 2 Jun 1952, lapan anggota polis terbunu dalam serang hendap komunis di Batu 12, Ipoh, Perak, ketika mereka dalam perjalanan ke Lombong Timah Kramat Pulai dan Tekka, Ipoh, untuk menyiasat kerosakan saluran paip air akibat perbuatan pengganas komunis.³⁸² Tindakan pengganas komunis merosakkan keperluan orang ramai itu telah mendatangkan kesusahan dan kemarahan penduduk kerana aktiviti harian mereka terganggu.

Walaupun begitu, usaha menyediakan bekalan air paip masih diteruskan oleh pihak berkuasa. Ini bertujuan untuk memenangi sokongan penduduk serta melahirkan perasaan kesetiaan terhadap pihak kerajaan, terutamanya di kalangan penduduk kampung baru. Kepentingan menyediakan bekalan air paip kepada kampung baru diakui dan dinyatakan dalam surat D.A. Somerville,³⁸³ Pegawai Daerah Kinta, Perak, kepada Setiausaha Eksekutif SWEC Perak, bertarikh 10 Mac 1953. Antara lain, beliau mengatakan bekalan air di kampung baru adalah salah satu faktor penting yang dapat mewujudkan semangat bekerjasama di kalangan penduduk kampung berkenaan.³⁸⁴ Sejak

tahun 1949, sejumlah \$12 hingga \$13½ juta telah diperuntukkan untuk tujuan menyediakan bekalan air paip, memperluaskan perkhidmatan dan pembinaan saluran bekalan baru di Tanah Melayu.³⁸⁵ Pada tahun 1949, satu saluran bekalan air paip dipasang di bawah skim penempatan semula setinggan di Bukit Tambun, Seberang Prai.³⁸⁶ Disebabkan bekalan air paip di Tampin, Negeri Sembilan, tidak mencukupi bagi menampung keperluan penduduknya, skim Sungai Chenderai dijalankan untuk memperluaskan bekalan air ke Tampin. Namun demikian, kerja itu amat lambat disebabkan aktiviti pengganas komunis dan kekurangan kakitangan.³⁸⁷ Pada tahun ini, terdapat tiga bekalan air paip yang dirosakkan oleh pengganas komunis, iaitu setiap satunya di Selangor, Kedah dan Seberang Prai.³⁸⁸

Sehingga tahun 1950, terdapat 87 skim bekalan air paip di Tanah Melayu. Skim terbesar adalah di Kuala Lumpur yang membekalkan air kepada kira-kira 230,000 penduduk. Manakala skim yang kedua besar ialah di Lembah Kinta, Perak, yang menyediakan air untuk 117,000 penduduk, termasuk penghuni di bandar Ipoh.³⁸⁹ Keadaan ini terus berkembang, sehingga tahun 1951, sudah ada 97 skim bekalan air paip di Tanah Melayu. Antara skim terbesar ialah di Kuala Krai, Kelantan, dengan kapasiti pengeluaran lebih kurang 81,109.62 liter (180,000 gelen) sehari.³⁹⁰ Manakala pada tahun 1952, terdapat 103 bekalan air di Tanah Melayu. Antara kerja yang dilakukan pada tahun 1952 termasuklah memperluaskan bekalan ke Segamat, Johor, untuk memberi perkhidmatan kepada kampung baru dan kawasan pedalaman.³⁹¹ Di Perak, dua bekalan kecil ke kampung baru yang mampu menghasilkan lebih kurang 9,546.78 liter (21,000 gelen) air sehari mula digunakan pada tahun 1952. Begitu juga, bekalan air di Titi Gantung, Perak, siap dan bekalan air ini mula beroperasi pada 8 Oktober 1952.³⁹² Pada tahun 1952, peruntukan sebanyak \$30,000 disediakan untuk bekalan air paip bagi

Kampung Baru Manchap Bahru, Melaka.³⁹³ Pada masa yang sama, bekalan air paip untuk Kampung Baru Parit Keliling di Melaka juga dilancarkan.³⁹⁴

Pada tahun 1953, kebanyakan kampung baru di kawasan Sungai Siput, Perak, dibekalkan kemudahan air paip. Di Kampung Baru Simpang Jalang, Sungai Siput, Perak, misalnya telah disediakan 10 paip air. Sementara itu, di mukim Kota Lama Kanan, Kampung Karai, Kampung Enggor Luar, Kampung Enggor Dalam dan Kampung Bendang Chengal, Perak, dibekalkan satu paip masing-masing.³⁹⁵ Selain itu, \$20,000 diterima daripada Setiausaha Pertahanan Tanah Melayu bagi memenuhi kos menyediakan bekalan air paip kepada Kampung Baru Bagan Samak, Kedah.³⁹⁶ Sejumlah \$34,500,000 diperuntukkan oleh kerajaan untuk memperbaiki bekalan air paip di Tanah Melayu pada tahun 1953.³⁹⁷ Jumlah ini termasuk \$4,700,000 bagi memperluaskan kemudahan bekalan air di Johor.³⁹⁸ Dua tempat simpanan air siap pada Disember 1953 untuk projek bekalan air paip di Klang, Selangor dan menelan kos \$5,000,000.³⁹⁹

Pada tahun 1954, aktiviti merancang dan membina saluran air baru dijalankan dengan giat. Sejumlah \$100 juta diperuntukkan untuk meningkatkan bekalan air yang sudah ada dan menyediakan bekalan ke kawasan luar bandar yang masih kekurangan bekalan air yang berkualiti.⁴⁰⁰ Selaras itu, bekalan air paip diperluaskan ke kebanyakan kampung baru di Tanah Melayu. Misalnya, Kampung Baru Sungai Buluh, Kampung Baru Kampung Pandan dan Kampung Baru Simpang Ijuk di Selangor.⁴⁰¹ Pada tahun 1954, lima bekalan baru mula beroperasi dan menjadikan jumlah pembekalan yang ada kepada 121. Di samping itu, 12 bekalan baru dirancang, perluasan 13 bekalan selesai dilaksanakan, sementara perluasan 27 bekalan lain sedang dilakukan pada hujung tahun itu. Dengan perluasan kemudahan bekalan air ini, dianggarkan lebih dua juta penduduk Tanah Melayu dapat menikmati kemudahan air paip.⁴⁰² Pada tahun 1954, penyediaan air paip untuk tiga kampung baru di Seberang Prai telah dilakukan dan pembekalan untuk

empat kampung baru lain masih dijalankan. Di Perak, bekalan air paip ke kampung baru di Tanah Mas dan Sauk disediakan. Pada tahun ini, buat pertama kali penduduk Bidor, Perak, dibekalkan bekalan air paip. Di Johor pula, kerja menyediakan bekalan air kepada tujuh kampung baru sedang dijalankan.⁴⁰³

Sehingga tahun 1955, sudah terdapat 130 skim bekalan air paip yang disediakan di Tanah Melayu.⁴⁰⁴ Di Johor, bekalan air paip untuk Kampung Baru Jemaluang telah siap dalam bentuk sistem *standpipe*.⁴⁰⁵ Pada tahun 1955, bekalan air paip untuk Balik Pulau dan Pantai Barat Pulau Pinang mula beroperasi. Selain itu, dua bekalan baru disediakan untuk penduduk kampung baru di Juru dan Sungai Lembu, Seberang Prai.⁴⁰⁶ Pada tahun 1956, lebih 130 sistem bekalan air paip beroperasi di seluruh Persekutuan Tanah Melayu.⁴⁰⁷ Sehingga tahun 1956, sudah terdapat lapan bekalan air paip di Kelantan. Penduduk Pasir Puteh dan Tumpat telah dibekalkan air paip. Bekalan air paip untuk penduduk Pekan, Pahang dimulakan pada Mei 1956.⁴⁰⁸ Pada tahun 1957 dan 1958, sudah terdapat lebih daripada 130 sistem bekalan air paip di Tanah Melayu.⁴⁰⁹ Pada tahun 1957, kerajaan negeri Kelantan memperuntukkan \$3,900 untuk memasang bekalan air di Kampung Manjor dan Kampung Karangan.⁴¹⁰ Selain itu, \$300,000 diperuntukkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk projek membina loji simpanan air di Bentong, Pahang, yang kerjanya akan mengambil masa tiga tahun. Ini selaras dengan keperluan bekalan air yang meningkat berikutan dengan pertambahan penduduk Bentong selepas perang.⁴¹¹ Kerajaan negeri Perak juga memperuntukkan \$350,000 untuk menyediakan kemudahan bekalan air paip di negerinya.⁴¹² Projek terbesar yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya pada tahun 1957 ialah Bekalan Air Klang, Selangor yang mampu membekalkan 9.09 juta liter (20 juta gelen) air sehari.⁴¹³ Pada tahun 1958, kerja penyambungan bekalan air paip dilakukan di Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Segamat, Kluang dan Mersing, Johor. Begitu juga, kerja menyediakan bekalan air di Kuala Perlis

dan Simpang Ampat, Perlis dijalankan. Di samping itu, penyelidikan ke atas pembinaan tiga skim bekalan air di Perak, iaitu Bekalan Air Kinta, Bekalan Air Hilir Perak dan Bekalan Air Krian sedang dijalankan.⁴¹⁴ Terdapat 140 sistem bekalan air paip beroperasi di Tanah Melayu pada tahun 1959. Jumlah penduduk yang menikmati kemudahan bekalan air paip adalah 2,700,000 orang. Pada tahun 1959, kerja membina Bekalan Air Bentong, Pahang sedang dijalankan.⁴¹⁵ Pada tahun 1960, lebih daripada 140 bekalan air paip sedang beroperasi di Tanah Melayu. Bekalan ini menyediakan kemudahan air paip kepada kira-kira 2,720,000 penduduk. Kerja menyediakan bekalan air paip kepada penduduk di kawasan luar bandar, iaitu Buluh Kasap dan Batu Anam, Johor sedang dijalankan. Manakala kerja menyediakan bekalan air paip kepada penduduk luar bandar di Pagoh, Johor, siap pada lewat tahun 1960. Pada tahun ini juga Bekalan Air Bentong, Pahang siap dan kerja menyambungkan bekalan ini ke kampung baru berdekatan termasuklah Kemansur, Repas, Chamang dan Pertang sedang dijalankan.⁴¹⁶

Walaupun dalam keadaan darurat, skim bekalan air paip terus dibangunkan meliputi kampung baru. Langkah ini diambil untuk memberi kemudahan dan memenuhi keperluan penduduk Tanah Melayu. Bekalan air ini penting untuk mempengaruhi penduduk berpihak kepada kerajaan dan bukan komunis. Statistik pada Jadual 19 menunjukkan skim bekalan air paip yang disediakan di Tanah Melayu dari tahun 1950 hingga 1955. Sejumlah 87 skim diadakan pada tahun 1950, dengan 14 di Johor, 12 di Kedah/Perlis, dua di Kelantan, satu di Melaka, lapan di Negeri Sembilan, 13 di Pahang, empat di Pulau Pinang, dua di Seberang Prai, 20 di Perak dan 11 di Selangor. Jumlah skim ini meningkat kepada 97 pada tahun 1951, iaitu 15 di Johor, lapan di Kedah, empat di Perlis, enam di Kelantan, satu di Melaka, lapan di Negeri Sembilan, 16 di Pahang, lima di Pulau Pinang, dua di Seberang Prai, 20 di Perak dan 12 di Selangor. Pada tahun 1952, skim bekalan air paip di Tanah Melayu meningkat kepada 103. Ini termasuklah 16 skim

di Johor, sembilan di Kedah, empat di Perlis, enam di Kelantan, satu di Melaka, lapan di Negeri Sembilan, 16 di Pahang, lima di Pulau Pinang, dua di Seberang Prai, 23 di Perak dan 13 di Selangor. Jumlah skim tersebut seterusnya bertambah kepada 121 pada tahun 1953 dan 1954 serta 130 pada tahun 1955. Pada tahun 1953, terdapat 17 skim bekalan air paip di Johor, 10 di Kedah, lima di Perlis, tujuh di Kelantan, dua di Melaka, 10 di Negeri Sembilan, 16 di Pahang, enam di Pulau Pinang, tiga di Seberang Prai, 26 di Perak dan 19 di Selangor. Pada tahun 1954 pula, di Johor, terdapat 18 skim bekalan air paip, 11 di Kedah, tiga di Perlis, tujuh di Kelantan, dua di Melaka, 10 di Negeri Sembilan, 16 di Pahang, satu di Pulau Pinang, tujuh di Seberang Prai, 27 di Perak dan 19 di Selangor. Daripada 130 skim air paip yang ada di Tanah Melayu pada tahun 1955, 18 adalah di Johor, 14 di Kedah, tiga di Perlis, tujuh di Kelantan, dua di Melaka, 12 di Negeri Sembilan, 16 di Pahang, 10 di Pulau Pinang dan Seberang Prai, 28 di Perak dan 20 di Selangor. Satu perkara menarik ialah Terengganu tidak memiliki satu pun skim bekalan air paip sehingga tahun 1955.

Jadual 19
Jumlah Skim Bekalan Air Paip di Tanah Melayu, 1950-1955

Negeri	1950	1951	1952	1953	1954*	1955
Johor	14	15	16	17	18	18
Kedah	12	8	9	10	11	14
Perlis		4	4	5	3	3
Kelantan	2	6	6	7	7	7
Melaka	1	1	1	2	2	2
Negeri Sembilan	8	8	8	10	10	12
Pahang	13	16	16	16	16	16
Pulau Pinang	4	5	5	6	1	10
P. Wellesley [Seberang Prai]	2	2	2	3	7	
Perak	20	20	23	26	27	28
Selangor	11	12	13	19	19	20
Terengganu	-	-	-	-	-	-
Jumlah	87	97	103	121	121	130

*Pada tahun 1954, beberapa skim bekalan air paip digabungkan menjadi satu skim di negeri-negeri di Tanah Melayu. Oleh itu, tidak terdapat peningkatan dalam jumlah skim yang ada pada tahun itu.

Sumber: Angka untuk tahun 1950, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1950*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 173. Angka tahun 1951, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 237-238. Untuk tahun 1952, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 242. Untuk tahun 1953, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 259-260. Bagi tahun 1954, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 310. Bagi angka skim tahun 1955, rujuk *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 339.

Bekalan Elektrik

Pada zaman Perang Dunia Kedua, loji janakuasa elektrik sama ada disalahgunakan, kurang diselenggarakan atau dirosakkan. Ada juga kerosakan yang sengaja dilakukan oleh tentera British ketika pengundurannya dari Tanah Melayu pada tahun 1941. Antara yang dimusnahkan atau dirosakkan ialah stesen kuasa Bangsar, Kuala Lumpur⁴¹⁷ dan stesen Hidroelektrik Hulu Langat, Selangor serta kira-kira 260 loji tidak dapat digunakan lagi kerana sudah dibiarkan sejak zaman pendudukan Jepun.⁴¹⁸ Apabila British kembali ke Tanah Melayu selepas perang, mereka sedar bahawa semua loji

janakuasa elektrik yang rosak itu harus dibaiki dan dipulihkan segera supaya bekalan tenaga elektrik dapat diusahakan dengan baik dan cekap. Oleh itu, walaupun menghadapi darurat, penduduk Tanah Melayu masih dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik. Pada zaman darurat, semua bekalan tenaga elektrik di Tanah Melayu kecuali yang diusahakan secara berlesen oleh syarikat persendirian dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, dikawal oleh Jabatan Letrik Kerajaan yang kemudiannya dikenali sebagai Lembaga Letrik Pusat (LLP) atau *Central Electricity Board* (CEB).⁴¹⁹ LLP yang menguruskan bekalan tenaga elektrik terpaksa berdepan dengan halangan daripada pengganas komunis. Kakitangan LLP mengalami banyak tekanan dan ketegangan terutamanya pada peringkat awal darurat. Mereka terpaksa bergerak dari satu tempat ke tempat lain semasa menjalankan tugas dan melalui jalan serta kawasan yang sering menjadi sasaran serangan pengganas komunis. Pada masa yang sama, pengganas komunis juga melarang jurutera dan penolong teknik LLP menjalankan pembinaan talian penghantaran serta skim baru di kawasan terpencil seperti Cameron Highlands, Pahang. Ini adalah kerana pengganas komunis bimbang tentang tempat persembunyian mereka akan diketahui oleh pihak lain.⁴²⁰ Serangan komunis juga mengakibatkan kerosakan ke atas loji janakuasa elektrik dan menyusahkan kehidupan penduduk di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, serangan pengganas komunis itu berkurangan apabila pengganas menyedari kepentingan bekalan tenaga elektrik. Kesedaran ini timbul apabila bekalan elektrik di Seremban, Negeri Sembilan dan beberapa buah bandar serta kampung terputus kerana sabotaj pengganas komunis. Keadaan ini telah menyusahkan pergerakan pengikut mereka dalam memperolehi bekalan makanan dan berhubung dengan penyokong.⁴²¹

Dalam melaksanakan tugas, pada permulaan darurat, LLP diberi tanggungjawab utama dalam menentukan dan membina sistem pengagihan elektrik serta lampu keselamatan di dalam dan di keliling kem angkatan tentera yang ditugaskan bagi

membanteras kegiatan komunis. Antaranya, termasuklah kem di Terendak, Melaka; Kluang, Johor Bahru, Johor; Taiping, Perak dan Butterworth, Pulau Pinang.⁴²² LLP kemudian ditugaskan mengendalikan bekalan elektrik di kawasan luar bandar berikut kerajaan memperkenalkan rancangan penempatan semula untuk mengurangkan atau menghadkan pengaruh komunis. Dengan pelaksanaan rancangan kampung baru, LLP diarahkan oleh kerajaan menyediakan lampu pagar di keliling kampung untuk keselamatan dan menyediakan bekalan ke rumah kediaman di kampung baru yang sebelum ini hanya bergantung kepada lampu gasolin dan lilin. Lampu keliling pagar biasanya dipasang pada 6.30 petang setiap hari dan dipadam pada pukul 6.30 pagi keesokan harinya.⁴²³ Lampu keliling pagar yang mencukupi pada waktu malam dianggap penting dalam usaha mempertahankan kampung baru daripada sering menjadi sasaran pengganas. Lampu keliling pagar juga penting untuk memudahkan pasukan keselamatan mengesan pergerakan pengganas komunis di kampung baru seperti penyeludupan makanan dan pencerobohan kampung.⁴²⁴ Alasan inilah juga mengakibatkan SWEC Kedah berpendapat lampu keliling pagar adalah perlu bagi Kampung Baru Padang Lembu, Kedah. Dalam hal ini, SWEC Kedah menegaskan bahawa pemasangan lampu keliling pagar dapat mengetarkan kawalan dan mengelakkan makanan jatuh ke tangan pengganas komunis pada waktu malam.⁴²⁵ Kepentingan bekalan elektrik juga disedari oleh penduduk Pasir Puteh, Kelantan. Pegawai Daerah Pasir Puteh memohon supaya pemasangan lampu di kawasan itu dijalankan.⁴²⁶ Begitu juga, kepentingan pemasangan lampu keliling pagar turut dinyatakan dalam surat P.L.K. Thompson, Timbalan Setiausaha Negeri, Kedah Tengah, bertarikh 22 Ogos 1954:

It will make any C.T. [Communist Terrorist] or sympathiser think twice before approaching the fence to pass or take out food. It will give the Police Garrison a better chance of checking on any movement through the fence at night. It is anticipated that lighting will have considerable effect on the morale of both C.Ts [Communist Terrorists] and the new villagers⁴²⁷

Bahkan Setiausaha Pertahanan Kuala Lumpur menyatakan pagar keliling kawasan penempatan semula dengan disertai lampu keliling pagar diperlukan demi mengelakkan pengganas komunis berhubung dengan penduduk kawasan penempatan semula.⁴²⁸ Atas sebab mengelakkan makanan diseludup keluar dari Kampung Baru Gambang, Kuantan, Pahang, permohonan dibuat oleh Setiausaha DWEC Kuantan, Pahang, agar lampu keliling pagar dipasang.⁴²⁹ Dalam perkembangan lain, untuk mengesan pergerakan pengganas komunis di sekitar Kampung Baru Sungai Jan dan Tembling, Jerantut, Pahang, dicadangkan supaya lampu keliling pagar dipasang di dua kampung berkenaan.⁴³⁰ Pemasangan lampu keliling pagar perlu untuk melindungi kampung baru daripada ancaman komunis. Hal ini dapat dilihat melalui surat daripada Abdul Rahman Bin Pilus, Setiausaha Negeri Perak, bertarikh 22 Jun 1959 kepada semua Pegawai Daerah Perak. Antaranya, beliau mengatakan lampu keliling pagar merupakan salah satu cara untuk melindungi kampung baru pada zaman darurat.⁴³¹ Selain itu, Penolong Pegawai Daerah Sungai Siput, Perak, dalam suratnya bertarikh 21 Oktober 1959 kepada Pegawai Daerah Batu Gajah, Perak, menyatakan keperluan pemasangan lampu keliling pagar di kawasan yang sering menjadi sasaran pengganas komunis. Beliau turut mencadangkan pemasangan lampu keliling pagar dilakukan di Kampung Baru Lintang dan Lasah, Sungai Siput, Perak.⁴³² Selain itu, lampu keliling pagar juga penting dalam mempertahankan pencerobohan pengganas komunis ke kawasan ladang. Perkara ini diakui oleh seorang peladang Eropah di Johor, H.W.J. Hanscock. Beliau mengatakan cara pertahanan itu berjaya menyekat pengganas komunis mencerobohi ladang di Johor pada waktu malam.⁴³³ Dengan itu, dapat dikatakan bahawa zaman darurat telah meletakkan asas kepada program pembekalan elektrik ke kawasan luar bandar.

Pada tahun 1948, jumlah bilangan unit tenaga elektrik yang dijana oleh Jabatan Letrik adalah 123,957,654, iaitu peningkatan sebanyak 21,404,417 unit daripada tahun

sebelumnya.⁴³⁴ Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti pengganas komunis menjelaskan kelancaran kerja penyelidikan untuk membina stesen hidroelektrik. Contohnya, penyelidikan yang dijalankan di Cameron Highlands, Pahang, sejak tahun 1947 terhalang oleh aktiviti pengganas komunis pada separuh kedua tahun 1948.⁴³⁵ Dalam pada itu, pada 26 November 1948, dua penyambung elektrik di kawasan Bidor, Perak, dibinasakan oleh pengganas komunis dan menyebabkan kuasa elektrik di kawasan itu terputus sama sekali.⁴³⁶ Sehingga lewat tahun 1949, daripada 126 bandar dan kampung yang menerima bekalan elektrik, 60 daripadanya dibekalkan oleh LLP. Jumlah unit tenaga elektrik yang dijana oleh pihak berkuasa pada lapan bulan pertama tahun 1949 adalah 78,356,493 unit, iaitu peningkatan 13,749,241 unit pada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.⁴³⁷ Dalam kejadian lain, wayar pengantar utama dari Kuala Lumpur ke Seremban, Negeri Sembilan dirosakkan oleh pengganas komunis pada 7 Mac 1949 dan mengakibatkan aliran elektrik di Seremban terputus untuk dua hingga tiga hari.⁴³⁸ Pada 22 Mei 1949, pengganas komunis menyerang stesen janakuasa Raub, Pahang.⁴³⁹ Dalam pada itu, pada 17 Julai 1949, stesen kuasa Kuala Kubu, Selangor ditembak oleh pengganas.⁴⁴⁰ Manakala pada tahun 1950, penyelidikan Skim Hidroelektrik Cameron Highlands, Pahang terpaksa dibatalkan akibat terbunuhnya jurutera Lembaga Hidroelektrik, B. de B. Gates pada 2 Mac 1950 dalam serang hendap komunis di jalan menuju ke Lembah Telom, Cameron Highlands.⁴⁴¹ Bagaimanapun, pada tahun 1950, penjana diesel baru dipasang di Bahau dan Port Dickson, Negeri Sembilan; Melaka; Tanjung Malim, Perak; Kemaman dan Kuala Terengganu, Terengganu; Mentakab, Cameron Highlands dan Kuala Lipis, Pahang dan Kota Bharu, Kelantan.⁴⁴²

Pada tahun 1951, akibat daripada kekurangan kakitangan teknikal, LLP tidak dapat memenuhi permintaan menyediakan bekalan elektrik kepada kampung baru dan kawasan penempatan semula. Contohnya, projek pemasangan lampu keselamatan

keliling pagar di kawasan pengumpulan semula dan estet di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, tidak dapat dijalankan kerana masalah kekurangan kakitangan.⁴⁴³ Ini menyebabkan LLP bertindak memberi lesen kepada penduduk tempatan atau syarikat swasta untuk memasang dan menyediakan bekalan di kampung baru melalui penjana kecil yang beroperasi selama 12 jam sehari.⁴⁴⁴ Kampung Baru Sepang, Selangor, contohnya, dibekalkan lampu keselamatan keliling pagar melalui sebuah penjana diesel yang dipasang oleh *Universal Electrical Engineering Company* pada tahun 1951. Penjana itu juga membekalkan tenaga elektrik ke stesen polis dan tempat kediaman Leftenan Polis.⁴⁴⁵ Pada tahun ini, penganas komunis terus mengganggu kemudahan bekalan elektrik. Misalnya, pada 18 Mei 1951, di Kedah, sebuah stesen penjana elektrik dibakar oleh 12 orang penganas komunis.⁴⁴⁶

Sehingga 31 Ogos 1952, LLP atas permintaan Kerajaan Pusat telah mula melaksanakan tugas menyediakan bekalan elektrik dalaman bagi 180 kampung baru di seluruh Tanah Melayu. Antaranya, 130 kampung baru diminta menyediakan stesen penjana diesel mereka. Manakala 50 kampung baru dibekalkan elektrik melalui rangkaian LLP.⁴⁴⁷ Ia juga menjalankan kerja penyelidikan kemungkinan menyediakan bekalan elektrik dalaman kepada kampung Melayu di kawasan luar bandar di Tanah Melayu.⁴⁴⁸ Pada tahun ini juga, di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, misalnya, dicadangkan oleh SWEC Negeri Sembilan agar lampu elektrik dipasang di Johol, Senaling dan Batu Kikir.⁴⁴⁹ Selain itu, wang dari tabung kerajaan pusat juga diluluskan untuk memasang lampu keliling pagar yang diminta oleh penduduk kampung baru di Jelebu, Rembau dan Port Dickson, Negeri Sembilan.⁴⁵⁰ Berdasarkan laporan kerajaan pada April 1952, masalah kos pemasangan lampu keliling pagar di kampung baru menyebabkan hanya 161 daripada jumlah 486 kampung baru yang dipilih untuk menikmati kemudahan itu. Pemasangan lampu ini menelan kos \$4,300,000.⁴⁵¹ Pada

tahun 1952, pihak berkuasa menyediakan satu unit pemuliharaan jalan di Perak bagi pembinaan lampu jalan antara kampung dengan jalan utama serta antara kampung dengan kawasan penanaman penduduk kampung.⁴⁵² Di samping itu, program memasang lampu elektrik di kampung baru di kawasan Ipoh, Perak untuk kemudahan lebih 20,000 penduduk juga dirancang. Program itu menelan kos \$230,000.⁴⁵³ Selain itu, LLP juga melancarkan kerja memasang stesen pembekal elektrik di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak dan Perlis. Kerja berkenaan melibatkan 15 bandar di negeri-negeri tersebut. Pemasangan itu siap pada lewat tahun 1952 dan menelan kos sebanyak \$3,500,000.⁴⁵⁴

Pada tahun 1953, pekan seperti Arau, Perlis; Kepala Batas, Kedah dan Pontian Kecil, Johor telah menerima bekalan elektrik. Loji tambahan dipasang di Taiping, Perak; Kuantan, Mentakab, Raub, Bentong dan Cameron Highlands, Pahang; Kota Bharu, Kelantan; Kuala Terengganu, Terengganu; Kuala Kubu Bahru, Selangor; Kluang, Tangkak, Kota Tinggi, Johor dan Jasin, Melaka. Loji penjana dari stesen lain dipindahkan dan dipasang di Gemas, Negeri Sembilan; Segamat, Johor dan Kuala Krai, Kelantan. Selain itu, pada tahun 1953, kerajaan membentuk satu badan yang ditugaskan untuk menyediakan lampu keliling pagar dan bekalan elektrik dalaman kepada 158 kampung baru. Daripada angka itu, 106 menerima bekalan elektrik pada 31 Ogos 1953 dan meningkat kepada 127 pada akhir tahun 1953.⁴⁵⁵ Pada 24 November 1953, Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Kewangan Majlis Mesyuarat Perundungan Persekutuan meluluskan \$782,790 menyediakan lampu keliling pagar di kampung baru di seluruh Tanah Melayu.⁴⁵⁶ Ini termasuklah peruntukan lebih \$10 ribu bagi memasang lampu keliling pagar di Pahang untuk tiga daerah, iaitu \$2,415 bagi Kuantan, \$2,200 bagi Temerloh dan \$5,900 bagi Cameron Highlands.⁴⁵⁷

Pada tahun 1954, penekanan terus diberi kepada pemasangan lampu keliling pagar di kampung baru di seluruh Tanah Melayu. Sehingga 31 Ogos 1954, LLP telah memasang lampu keliling pagar di 156 kampung baru.⁴⁵⁸ Antaranya, di Selangor, menjelang tahun 1954, bekalan lampu keliling pagar dibekalkan di Kampung Baru Sungai Way dan Pandamaran, Klang; Kampung Baru Simpang Ijok, Bukit Janda, Batu 8, Jalan Raja Musa dan Sekinchan di Kuala Selangor; Kampung Baru Batu 9 Cheras, Batu 11 Cheras, Balakong, Semenyih, Sungai Chua, Dengkil, Broga, Batu 14 Jalan Hulu Langat, Batu 18 Jalan Hulu Langat , Hulu Langat; Kampung Baru Jenjarom dan Tanjung Sepat di Kuala Langat; Kampung Baru Sungai Merbau, Kalompang, Rasa, Batang Kali, Hulu Yam Bahru, Rawang, Serendah dan Kuang di Hulu Selangor.⁴⁵⁹ Pada tahun 1954, 20 kampung baru di Pahang juga telah dibekalkan lampu keliling pagar oleh LLP.⁴⁶⁰ Antaranya, Kampung Baru Kemayan, Kerdau, Kerayong, Lanchang, Mengkarak, Mengkuang, Mentakab dan Triang di kawasan Temerloh.⁴⁶¹

Pada tahun 1955, LLP ditugaskan oleh kerajaan Persekutuan memasang lampu keselamatan keliling pagar di 14 kampung baru tambahan. Dengan itu, bilangan kampung baru dalam lingkungan lampu keselamatan keliling pagar kerajaan bertambah menjadi 170.⁴⁶² Perkhidmatan elektrik di Tanah Melayu berkembang dengan pesat. Pada tahun 1955, sudah terdapat 100,000 keluarga yang menggunakan perkhidmatan ini berbanding dengan 41,500 pada tahun 1946.⁴⁶³ Selain itu, pada 1955/56, seluruh negeri Selangor; Seremban dan Port Dickson di Negeri Sembilan serta kawasan Melaka dibekalkan kemudahan bekalan elektrik.⁴⁶⁴ Oleh itu, zaman darurat juga membawa kepada perancangan dan pembangunan bekalan elektrik di seluruh negara. Pada tahun 1956, pemasangan lampu keselamatan keliling pagar masih terus diberi perhatian. Pada tahun ini, empat kampung baru tambahan menikmati lampu keliling pagar dan menjadikan jumlah kampung baru dalam senarai memiliki kemudahan lampu keliling

pagar kepada 174.⁴⁶⁵ Menjelang 31 Ogos 1957, sejumlah 187 kampung baru telah dibekalkan kemudahan lampu keliling pagar.⁴⁶⁶ Dalam pada itu, kerja membina stesen kuasa di Cameron Highlands, Pahang, yang tergendala kerana aktiviti komunis, dimulakan semula pada Julai 1955. Stesen kuasa itu siap pada 2 November 1959.⁴⁶⁷ Stesen Kuasa Elektrik Melaka mula dibina sekitar Mei 1957 dan mula membekalkan kuasa letrik pada lewat April 1959. Projek ini menelan kos \$17,000,000.⁴⁶⁸ Manakala cawangan stesen letrik di Jalan Tengah, Klang, Selangor mula beroperasi pada 3 Februari 1959.⁴⁶⁹ Pada tahun ini, penduduk di 190 buah kampung baru menikmati kemudahan bekalan elektrik dan lampu keliling pagar.⁴⁷⁰ Menjelang akhir darurat, sejumlah lebih kurang 200 kampung baru di Tanah Melayu dibekalkan kemudahan elektrik dan lampu keliling pagar.⁴⁷¹ Antaranya, lima daripada enam kampung baru di daerah Sungai Siput, Perak, mendapatkan lampu keliling pagar. Kampung baru itu ialah Salak Bahru, Rimba Panjang, Simpang Jalong, Lintang dan Lasah. Manakala kampung baru di Selangor yang tiada lampu keliling pagar ialah Sungai Buluh.⁴⁷²

Pemberontakan komunis di Tanah Melayu pada tahun 1948 mengakibatkan pengisytiharan darurat yang berlanjutan selama 12 tahun. Dalam tempoh ini, LLP melancarkan program lampu keselamatan keliling pagar bagi kampung baru yang berpusat di kawasan luar bandar. Usaha ini menjadi titik permulaan kepada rancangan bekalan elektrik luar bandar yang sistematik dalam tahun-tahun berikutnya. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa darurat menjadi asas kepada perkembangan kemudahan bekalan elektrik di Tanah Melayu, khasnya di kawasan luar bandar. Ia juga menimbulkan kesedaran tentang perlu dan pentingnya kemudahan ini untuk tujuan keselamatan, di samping memenangi hati dan fikiran penduduk.

Sistem Pengairan dan Perparitan

Demi meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, Tanah Melayu harus berdikari. Dengan itu, kerajaan membuka kawasan baru bagi penanaman padi di Tanjung Karang, Selangor dan lain-lain tempat; membina saluran pengairan dan memberi sokongan kewangan untuk kegiatan tanaman sehingga mereka memperolehi hasil tuaian pertama.⁴⁷³ Selepas Perang Dunia Kedua, usaha yang dijalankan berjaya meningkatkan keluasan tanaman padi di Tanah Melayu. Misalnya, di Johor berlaku peningkatan di 24 skim pengairan, dari lebih kurang 2,266.26 hektar (5,600 ekar) pada musim 1946/47 kepada lebih kurang 3,324.66 hektar (8,030 ekar) pada musim 1949/50. Malangnya, kenaikan harga getah dan aktiviti pengganas komunis yang giat pada tahun 1950 meninggalkan kesan serta merta dalam keluasan kawasan tanaman padi di Johor. Pada musim 1950/51, kawasan tanaman padi berkurangan kepada lebih kurang 2,003.22 hektar (4,950 ekar). Pada musim seterusnya (1951/52), hanya lebih kurang 400.64 hektar (990 ekar) di tujuh kawasan pengairan ditanam dengan padi di Johor. Manakala 17 lagi skim pengairan telah ditinggalkan. Ini berikutan kenaikan harga getah, langkah pengumpulan semula kampung Melayu dan kekurangan pekerja dalam penanaman padi.⁴⁷⁴ Dengan itu, jelas bahawa darurat turut mempengaruhi aktiviti penanaman padi di Johor. Dalam pada itu, keadaan keselamatan negara sejak bermulanya darurat telah menyekat program kerja Jabatan Parit dan Talair (*Drainage and Irrigation Department/D.I.D.*).⁴⁷⁵ Jurutera D.I.D. Pahang, misalnya, dinasihati oleh pihak polis pada tahun 1949 supaya tidak keluar melakukan kerja penyelidikan dan pengukuran tanpa diiringi oleh anggota polis. Oleh itu, sejak tahun 1949, aktiviti D.I.D. di Pahang adalah amat terhad. Aktiviti pengganas komunis juga menyebabkan sesetengah projek pengairan ditangguhkan atau dibatalkan. Antara tahun 1950 hingga 1952, dua daripada tujuh skim yang dirancangkan di Johor dan satu daripada tiga skim yang dirancangkan di Kelantan ditangguhkan kerana darurat. Di

Melaka pula, dua skim telah siap pada tahun 1950 dan perkembangan untuk skim ketiga yang dirancangkan terbantut kerana aktiviti komunis. Manakala di Pahang, satu skim baru dimulakan tetapi kemudian ditinggalkan kerana aktiviti pengganas komunis.⁴⁷⁶

Bagaimanapun, sejak bermulanya zaman darurat di Tanah Melayu pada tahun 1948, D.I.D. terus memberi keutamaan kepada projek untuk meningkatkan pengeluaran padi. Rancangan Pengairan Tanjung Karang di Selangor merangkumi kawasan seluas lebih kurang 20,234.5 hektar (50,000 ekar) adalah projek pembangunan terpenting pada tahun 1948. Ia dirancang dalam tujuh peringkat dan dijadualkan siap pada pertengahan tahun 1951.⁴⁷⁷ Selain itu, Rancangan Pengairan Kubang Pasu di utara Kedah sedang dilancarkan bagi mengawal pengairan dan penyaliran bagi kawasan seluas 40,469 hektar (100,000 ekar). Daripada keluasan tersebut, lebih kurang 32,375.2 hektar (80,000 ekar) adalah kawasan tanaman padi.⁴⁷⁸ Skim Talair Daerah Salor, Kelantan mampu mengeluarkan hasil padi 1,451.49 hingga 2,177.24 kilogram (400 hingga 600 gantang) bagi kawasan seluas lebih kurang 0.40 hektar (seekar) dijalankan.⁴⁷⁹ Selain pembinaan sistem pengairan untuk tanaman padi di Senggarang, Johor dan Sri Menanti, Negeri Sembilan, projek pengairan juga dijalankan di Johor untuk kawasan tanaman kelapa dan tanah kampung seluas kira-kira 30,351.75 hektar (75,000 ekar) pada tahun 1948. Pada masa yang sama, penyelidikan juga dilakukan untuk membangunkan kawasan pantai barat Johor dan Rancangan Durian Sebatang di Perak.⁴⁸⁰

Dalam perkembangan lain, sejumlah \$167,540 diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Negeri Perak untuk kawasan pengairan Changkat Jong, Perak, pada tahun 1949. Ia merupakan projek pengairan kawasan padi untuk penduduk Cina yang ditempatkan semula di situ. Dengan adanya kemudahan pengairan itu, kawasan tersebut dapat menampung setinggan dari kawasan lain yang akan ditempatkan di situ.⁴⁸¹ Sehingga tahun 1949, 18,211.05 hektar (45,000 ekar) kawasan yang berhampiran dengan

Tanjung Karang, Selangor telah dimajukan dan diduduki. Kawasan ini mampu menghasilkan padi yang menggalakkan. Pada musim 1948/49, kebanyakan kawasannya menghasilkan lebih 2,836.47 kilogram (670 gantang) padi bagi keluasan 0.40 hektar (per ekar). Selain itu, skim pengairan kawasan Sungai Manik, berdekatan Teluk Intan, Perak; Skim Kubang Pasu, Kedah dan Skim Perlis Selatan, Perlis, bertujuan meningkatkan kemudahan pengairan dan perparitan bagi 36,826.79 hektar (91,000 ekar) sawah padi dijalankan. Skim Besut, Terengganu pula untuk mengairi lebih kurang 8,498.49 hektar (21,000 ekar) kawasan padi. Turut berlaku peningkatan dalam kemudahan perparitan ke atas lebih kurang 202,345 hektar (setengah juta ekar) tanah kampung, termasuklah kebun kecil kelapa dan getah di Tanah Melayu. Kerja menyediakan Skim Pengairan Senggarang di Johor Barat dan Sri Menanti, Negeri Sembilan yang meliputi kira-kira 30,351.75 hektar (75,000 ekar) tanah kampung dan kebun kelapa berkembang dengan memuaskan dan siap pada hujung tahun 1950. Di kawasan Durian Sebatang, Teluk Intan, Perak, kerja membina parit bermula pada tahun 1949 di kawasan seluas lebih kurang 1,375.95 hektar (3,400 ekar).⁴⁸² Kerja penyelidikan juga dijalankan di kawasan Sitiawan, Perak (72,844.2 hektar/180,000 ekar) dan Paya Temai, berdekatan Pekan, Pahang (3,237.52 hektar/8,000 ekar) untuk penanaman padi sawah.⁴⁸³

Pada tahun 1950, kerajaan Tanah Melayu telah membeli mesin pengorek untuk melakukan kerja pengairan dan perparitan secara besar-besaran. Menjelang tahun 1950, pembinaan saluran pengairan dan perparitan dilakukan di lima kawasan besar dan 29 kawasan kecil tanaman padi. Pembinaan itu selaras dengan galakan menanam padi di kalangan penduduk Tanah Melayu.⁴⁸⁴ Pada tahun 1950, selain tumpuan ke atas kawasan pengairan Tanjung Karang, Selangor, tumpuan juga diberikan ke atas kerja memperluaskan kawasan perparitan Sungai Besar, Selangor yang meliputi 1,214.07 hektar (3,000 ekar) kebun kecil kelapa. Kerja juga dimulakan untuk memperbesarkan

kawasan perparitan Semenanjung Bernam, Selangor, yang meliputi kawasan tambahan tanaman kelapa seluas lebih kurang 1,011.72 hektar (2,500 ekar). Manakala skim pengairan di Changkat Jong, Perak, tergendala kerana sebahagiannya disabotaj oleh pengganas komunis. Di Pahang, walaupun keadaan keselamatan di negeri ini telah menghadkan sejumlah kerja yang sedang dijalankan, tetapi penyeliaan tetap dan kerap terhadap 109 skim pengairan dan perparitan yang bertaburan di seluruh negeri masih diteruskan.⁴⁸⁵

Pada tahun 1951, tiada skim pengairan dan perparitan baru yang dimulakan, tetapi skim yang dirancangkan diteruskan dengan penuh perhatian. Dalam draf Rancangan Pembangunan Enam Tahun (1950-1955), digariskan pembinaan 46 skim pengairan dan 12 skim perparitan bagi meningkatkan kemudahan pengairan di lebih kurang 114,527.27 hektar (283,000 ekar) sawah padi yang wujud dan pembangunan kira-kira 33,993 hektar (84,000 ekar) kawasan baru bagi penanaman padi.⁴⁸⁶ 13 daripada skim tersebut siap pada tahun 1951, 25 skim sedang dijalankan dan 12 skim ditangguhkan atau dihadkan kerana aktiviti pengganas komunis.⁴⁸⁷ Skim yang dijalankan pada tahun 1951 termasuklah Skim Kubang Pasu, Kedah, yang membekalkan kemudahan pengairan untuk 46,469 hektar (100,000 ekar) tanah; Skim Pengairan Perlis Selatan untuk meningkatkan pengairan bagi lebih kurang 4,451.59 hektar (11,000 ekar) sawah padi yang wujud dan membangunkan lebih kurang 2,428.14 hektar (6,000 ekar) tanah hutan; Skim Salor di Kelantan pada Ogos 1951 bagi mengairi kawasan padi seluas 1,214.07 hektar (3,000 ekar). Skim paling besar yang dijalankan di Terengganu ialah Skim Pengairan Besut yang menyediakan kemudahan pengairan untuk lebih kurang 8,498.49 hektar (21,000 ekar) kawasan padi. Manakala di kawasan Changkat Jong, Perak, kerja pengairan dan perparitan bagi 809.38 hektar (2,000 ekar) kawasan padi dan 343.98 hektar (850 ekar) tanah kampung turut dilakukan. Bagaimanapun, setinggan Cina yang tinggal di situ tidak banyak

menunjukkan minat terhadap skim ini. Sehingga tahun 1951, hanya lebih kurang 40.47 hektar (100 ekar) kawasan berkenaan diusahakan dan ditanam.⁴⁸⁸ Di Johor, Skim Pengairan Padang Endau yang dirancang untuk membekalkan kemudahan pengairan bagi 930.78 hektar (2,300 ekar) kawasan padi tergendala. Ini kerana kawasan Padang Endau yang terpencil menimbulkan kebimbangan terhadap ancaman pengganas komunis. Oleh itu, aktiviti tanaman terpaksa ditinggalkan.⁴⁸⁹ Dalam pada itu, kerajaan menanggung kerugian harta benda bernilai \$2,000 di kawasan tanaman padi Tanjung Karang, Selangor, kerana tindakan pengganas komunis merosakkan jentera kerajaan pada 29 Mei 1951.⁴⁹⁰

Antara tahun 1949 hingga 1952, kemudahan pengairan dan perparitan diperluaskan meliputi lebih 80,938 hektar (200,000 ekar) kawasan padi. Selain itu, kira-kira 16,187.6 hektar (40,000 ekar) tanah hutan baru dibuka dan dibangunkan. Ketika musim padi 1952/53, jumlah kawasan yang ditanam padi adalah lebih kurang 319,640.35 hektar (789,840 ekar) dan hasil pengeluaran padi lebih kurang 448,076,727 kilogram (441,000 tan), iaitu peningkatan kira-kira 100,588,653 kilogram (99,000 tan) daripada musim 1951/52. Skim pengairan yang sedang dijalankan pada tahun 1953 adalah Skim Pengairan Kubang Pasu, Kedah dan Skim Pengairan Perlis Selatan di Kedah/Perlis. Dua skim ini bertujuan meningkatkan sistem pengairan di lebih kurang 36,826.79 hektar (91,000 ekar) kawasan padi yang sedia ada dan pembangunan 10,521.94 hektar (26,000 ekar) hutan paya bagi tanaman padi.⁴⁹¹ Namun demikian, sehingga 1953, tinjauan dan penyelidikan di sepanjang Kaki Bukit bagi Skim Pengairan Perlis Utara tidak dapat dilengkapkan kerana kegiatan sabotaj pengganas ke atas juru ukur dan pembantu teknikal. Tindakan komunis itu menyekat kerja-kerja mereka.⁴⁹² Pada tahun 1953, di Seberang Prai, Skim Sungai Kulim untuk memperluaskan kemudahan pengairan di lebih kurang 3,609.83 hektar (8,920 ekar) tanah hampir siap.⁴⁹³ Di Melaka, dua daripada tiga skim pengairan yang dirancangkan oleh D.I.D. sedang dijalankan. Antaranya, Skim Sungai

Kesang, Jasin untuk kawasan penanaman padi seluas lebih kurang 182.11 hektar (450 ekar) dan Skim Teluk Rimba, Jasin untuk kawasan seluas lebih kurang 121.41 hektar (300 ekar).⁴⁹⁴ Dalam pada itu, sehingga tahun 1953, perkembangan di Skim Pengairan Changkat Jong, Perak bagi kawasan seluas lebih kurang 2,428.14 hektar (6,000 ekar), yang juga merupakan kawasan simpanan untuk penduduk Cina, adalah mengecewakan kerana aktiviti pengganas komunis. Di samping itu, penduduk lebih gemar terlibat dalam tanaman tembakau daripada padi.⁴⁹⁵ Bagaimanapun, pada tahun 1954, lebih kurang 485.63 hektar (1,200 ekar) padi diusahakan. Dalam pada itu, pada tahun 1954, terdapat permintaan tambahan untuk tanah pertanian di kawasan petempatan Cina Changkat Jong, Perak. Dengan itu, kemudahan perparitan dan pengairan diperluaskan ke kawasan hutan seluas lebih kurang 263.05 hektar (650 ekar) dan kawasan tanaman padi seluas lebih kurang 728.44 hektar (1,800 ekar).⁴⁹⁶ Sementara itu, di Pahang, 110 skim tidak diusahakan sehingga awal tahun 1954 disebabkan sekatan yang dikenakan oleh darurat. Skim yang dijalankan kemudian pada tahun 1954 hanya meliputi kawasan terpencil di negeri ini yang sukar untuk memasukinya.⁴⁹⁷ Bagaimanapun, sehingga Oktober 1954, D.I.D. Persekutuan Tanah Melayu membangunkan kawasan seluas lebih kurang 115,336.65 hektar (285,000 ekar) tanah paya di pantai barat Tanah Melayu.⁴⁹⁸ Pada tahun 1954, 46 skim pengairan yang dianggarkan menelan belanja \$30 juta sedang dijalankan bagi meningkatkan pengairan di lebih kurang 114,527.27 hektar (283,000 ekar) kawasan padi yang sedia ada dan membersihkan lebih kurang 33,993.96 hektar (84,000 ekar) kawasan hutan berpaya untuk penanaman padi. Daripadanya, 25 skim telah siap dan yang lain berada dalam peringkat pembangunan yang berbeza. Selain itu, Skim Pengairan Sungai Terengganu yang menyediakan kemudahan pengairan bagi lebih kurang 1,375.95 hektar (3,400 ekar) siap pada Ogos 1954. Pada hujung tahun 1954, kerja pembinaan di kawasan Bukit Abal, Kelantan, yang bertujuan untuk meningkatkan

kemudahan pengairan dan perparitan telah siap. Manakala, kerja meningkatkan sistem pengairan bagi Skim Pengairan Sungai Danan, Kelantan, untuk kawasan seluas lebih kurang 242.81 hektar (600 ekar) sedang diusahakan.⁴⁹⁹

Secara umumnya, sehingga tahun 1954, D.I.D. telah berkembang dengan pesat dalam tugasnya. Ini dapat dilihat melalui Jadual 20 yang menunjukkan pembangunan tanah di bawah usaha jabatan berkenaan. Sehingga tahun 1954, daripada keluasan 323,752 hektar (800,000 ekar) yang ditanam dengan padi sawah, lebih kurang 169,969.8 hektar (420,000 ekar) disediakan kemudahan pengairan dan perparitan. Dengan itu, pada tahun 1954, Tanah Melayu mampu menghasilkan sebanyak 416,579,270 kilogram (410,000 tan) padi. Di samping itu, kawasan seluas lebih kurang 115,336.65 hektar (285,000 ekar) untuk penanaman kelapa dan getah juga dibekalkan kemudahan perparitan.

Jadual 20
Pembangunan Tanah di bawah Jabatan Parit dan Talair, Tahun 1954

Bil.	Perkara	Keluasan Kawasan/Hasil
1.	Kawasan yang ditanam dengan padi basah	323,752 hektar (800,000 ekar)
2.	Kawasan pengairan untuk pengeluaran padi basah disediakan dengan kawalan pengairan dan perparitan kekal	169,969.8 hektar (420,000 ekar)
3.	Pengeluaran Padi di Tanah Melayu	416,579,270 kilogram (410,000 tan)
4.	Kawasan pengairan untuk getah dan kelapa (kebun kecil) yang dibekalkan dengan kemudahan perparitan	115,336.65 hektar (285,000 ekar)

Sumber: A Short Memorandum on The D.I.D. and Its Work, 9th August 1955, hlm. 4, dalam Fail Pejabat Parit dan Talair, Negeri Sembilan, D.I.D./N.S. 71/48, Miscellaneous Functions and Policy of The Drainage and Irrigation Department.

Tahun 1955 adalah tahun keenam dan terakhir bagi Rancangan Pembangunan Enam Tahun (1950-1955). Dalam tiga tahun pertama, perkembangan agak terhad. Keadaan ini disebabkan oleh berbagai faktor. Antaranya ialah aktiviti pengganas

komunis dan kekurangan kakitangan kerana mereka digerakkan untuk membantu pelaksanaan Rancangan Briggs bagi menempatkan semula setinggan. Dalam tempoh 1950-1955, kerja-kerja pembinaan siap untuk 36 skim pengairan daripada 46 yang dirancangkan. Pada 31 Disember 1955, lebih kurang 88,829.45 hektar (219,500 ekar) sawah padi telah dimajukan dan lebih kurang 22,500.76 hektar (55,600 ekar) tanah baru juga tersedia untuk tanaman padi sawah dengan kos \$21,000,000. Selain itu, dalam tempoh 1950-1955, 10 skim perparitan telah siap dan dua lagi usaha memperluaskan skim perparitan di Senggarang dan Muar, Johor, berkembang dengan baik. Jumlah lebih kurang 39,902.43 hektar (98,600 ekar) tanah di bawah tanaman padi ditingkatkan, dan lebih kurang 7,527.23 hektar (18,600 ekar) tanah baru disediakan bagi mengusahakan tanaman lain selain padi dengan jumlah kos \$3,900,000.⁵⁰⁰

Rancangan Pembangunan 1956-1960 diumumkan pada tahun 1956. Ia merangkumi 29 skim pengairan baru dan 14 skim perparitan. Skim pengairan ini dapat menyediakan kemudahan kepada 214,485.7 hektar (530,000 ekar) kawasan penanaman. Skim perparitan pula adalah untuk merangkumi kawasan seluas 163,899.45 hektar (405,000 ekar).⁵⁰¹ Pada tahun 1956, peringkat pertama Skim Perparitan Muar, Johor, telah siap. Ia memberi kemudahan pengairan kepada 3,727.19 hektar (9,210 ekar) kebun getah, kelapa dan sayuran.⁵⁰² Begitu juga, peringkat pertama Skim Pengairan Sungai Trans-Perak yang merangkumi 364.22 hektar (900 ekar) sawah padi dan 1,295.01 hektar (3,200 ekar) kawasan paya siap pada tahun 1956. Skim Pengairan Perlis Selatan yang menelan kos \$1.8 juta siap pada penghujung tahun 1956 dan dirasmikan oleh Raja Perlis pada Januari 1957.⁵⁰³ Sementara itu, Skim Pengairan Sungai Siput, Perak, untuk sawah padi seluas 161.87 hektar (400 ekar)⁵⁰⁴ dan Skim Pengairan Perlis Tengah, Perlis yang merangkumi 9,166.23 hektar (22,650 ekar) sawah padi yang ada serta 1,133.13 hektar (2,800 ekar) tanah baru siap pada tahun 1957.⁵⁰⁵ Pembinaan Skim Pengairan Tallang

yang merangkumi kawasan penanaman seluas 111.29 hektar (275 ekar) di Kuala Kangsar, Perak, dimulakan pada tahun 1957. Di Terengganu, lima skim pengairan kecil untuk meningkatkan kawasan tanaman padi dibina di antara tahun 1955-1957. Skim itu dibina di Paya Diman (merangkumi 82.15 hektar/203 ekar), Sungai Serai (89.03 hektar/220 ekar), Lubok Pandang (63.94 hektar/158 ekar), Kampung Kua (14.97 hektar/37 ekar) dan Paya Kemat (38.85 hektar/96 ekar).⁵⁰⁶

Keadaan darurat memperlakukan rancangan pembangunan pengairan, khasnya di antara tahun 1952/53 kerana kakitangan D.I.D. dipindahkan bekerja di bawah rancangan Briggs. Berikutan dengan kemerdekaan Tanah Melayu dan pengurangan aktiviti komunis, terdapat peningkatan dalam pembangunan kemudahan pengairan dan perparitan di seluruh negara. Antaranya, Skim Pengairan Ampang Limau, Negeri Sembilan, siap pada tahun 1958 dan memberi kemudahan pengairan kepada sawah padi seluas 131.12 hektar (324 ekar).⁵⁰⁷ Skim Perparitan Minyak Beku untuk kawasan penanaman kelapa dan getah seluas 5,058.62 hektar (12,500 ekar) di Johor dimulakan pada lewat tahun 1959. Sementara itu, Skim pengairan Kesang Tasik, Muar, Johor untuk penanaman padi dimulakan pada tahun 1958 dan siap pada tahun 1959. Skim Pengairan Kubang Pasu, Kedah, siap pada tahun 1959 dan dirasmikan pada 31 Disember 1959 oleh Sultan Kedah. Dengan pengisytiharan kawasan Putih dan kemudian tamatnya darurat, usaha membangunkan kemudahan pengairan dan perparitan ditingkatkan. Pembinaan Skim Perparitan Merlimau untuk kawasan penanaman getah, kelapa dan tanaman kampung seluas 4,856.28 hektar (12,000 ekar) di Melaka dimulakan pada tahun 1960.⁵⁰⁸ Sementara itu, Skim Perparitan Sungai Batu (Pantai Remis), Perak, dimulakan pada September 1960 untuk setinggan Cina yang ditempatkan di situ sejak permulaan zaman darurat. Pada masa yang sama, Skim Pengairan Sungai Kulim di utara Bukit Mertajam, Seberang Prai diperluaskan sehingga meliputi kawasan penanaman seluas 3,642.21 hektar

(9,000 ekar).⁵⁰⁹ Manakala 75% daripada kerja pembinaan Skim Pengairan Sungai Lemai, Kelantan, siap pada penghujung tahun 1960.⁵¹⁰ Pada tahun 1960, lebih daripada setengah kawasan penanaman padi mendapat kemudahan pengairan, iaitu 185,752.71 hektar (459,000 ekar) daripada 351,270.92 hektar (868,000 ekar) atau 52.9% daripada jumlah kawasan tanaman padi.⁵¹¹ Dengan itu, Tanah Melayu mampu mengeluarkan 619,483.86 kilogram (609.7 tan) beras pada tahun 1960.⁵¹²

Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan

Perkembangan kemudahan kesihatan dan perubatan amat penting pada zaman darurat kerana apabila keadaan hidup penduduk semakin baik, keupayaan komunis bergerak di kalangan orang ramai semakin berkurangan dan menyukarkan mereka memaksa sokongan material dan moral daripada penduduk Tanah Melayu.⁵¹³ Oleh itu, perkembangan kemudahan ini penting dalam meningkatkan taraf hidup penduduk dan menjauhkan mereka daripada pengaruh komunis.

Walaupun aktiviti komunis telah mengakibatkan lebih 1,000 orang kehilangan nyawa pada tahun 1948, namun tahun 1948 mencatatkan rekod kesihatan yang memuaskan di Tanah Melayu. Terdapat pengurangan dalam kadar kelahiran, dari 43.2 per seribu bagi semua kaum pada tahun 1947 kepada 40.7 pada tahun 1948. Kadar kematian juga menurun kepada 16.4 per seribu untuk semua kaum berbanding angka 19.5 pada tahun sebelumnya. Begitu juga, kadar kematian bayi jatuh dari 102 pada tahun 1947 kepada 89 per seribu pada tahun 1948. Kedua-dua kadar kematian mencatatkan rekod yang terendah pada tahun 1948 berbanding tahun-tahun sebelumnya.⁵¹⁴ Kadar kejadian malaria telah mencapai kadar yang rendah pada tahun 1948 berbanding dengan tahun 1947. Tiada kes yang dilaporkan di Pahang, Johor, Selangor dan Perak pada tahun 1948. Jumlah kes yang dirawat di hospital kerajaan adalah 19,519 dengan 596 kematian

berbanding dengan 26,174 dengan 1,041 kematian pada tahun 1947.⁵¹⁵ Pemeriksaan biasa ke atas kedai makan dan minum, tempat membuat atau membakar roti, rumah penyembelihan, pasar, gerai dan penjaja makanan dijalankan. Pemberian lesen perniagaan adalah bergantung kepada keadaan kebersihan di tempat perniagaan dijalankan. Pada tahun 1948 juga, hospital dapat dijumpai di semua bandar di Tanah Melayu seperti Pulau Pinang, Melaka, Johor Bahru, Alor Setar, Ipoh, Kuala Lumpur dan Seremban. Dalam usaha menjaga kesihatan penduduk kampung, pekan, luar bandar dan estet, dispensari statik, dispensari sementara dan dispensari bergerak dibentuk untuk memudahkan penduduk yang menghadapi masalah kesihatan mendapatkan rawatan. Di Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan, dispensari bergerak juga ditubuhkan di sungai. Sebanyak 1,975,009 rawatan diberi melalui perkhidmatan dispensari pada tahun 1948 dan antaranya, 632,929 rawatan dilakukan oleh dispensari bergerak.⁵¹⁶ Namun demikian, dispensari juga turut menjadi sasaran serangan pengganas komunis. Misalnya, pada subuh 26 Disember 1948, pengganas komunis membakar hangus dispensari di Estet Seberang Teluk Anson, Perak.⁵¹⁷

Taraf kesihatan umum di Tanah Melayu semakin meningkat pada tahun 1949. Kadar kelahiran meningkat kepada 43.6 per seribu pada tahun 1949. Manakala kadar kematian berkurangan kepada 14.2 per seribu pada tahun 1949. Pada masa yang sama, kadar kematian bayi juga berkurangan dari 89 per seribu pada tahun 1948 kepada 80 per seribu pada tahun 1949.⁵¹⁸ Angka ini menjelaskan peningkatan keadaan kesihatan dan taraf hidup penduduk di Tanah Melayu. Bekalan air yang dikawal oleh Jabatan Kerja Raya sentiasa dikekalkan dalam kualiti tinggi di semua bandar besar dan kebanyakan bandar kecil. Pegawai kesihatan bekerjasama rapat dengan jurutera dalam memeriksa ketulenan bekalan air kepada penduduk.⁵¹⁹ Pada tahun ini, kadar kejadian malaria mencapai paras yang lebih rendah daripada tahun 1948. Jumlah kes yang dirawat di

hospital kerajaan ialah 18,400 dengan 462 kematian pada tahun 1949 berbanding dengan 19,519 dengan 596 kematian pada tahun 1948.⁵²⁰ Hampir seluruh bandar besar di Tanah Melayu bebas daripada jangkitan malaria pada tahun 1949. Selain itu, pada tahun 1949, kerajaan juga mencadangkan beberapa usaha untuk meningkatkan lagi taraf kesihatan dan perubatan di negara ini. Antaranya, pembinaan sebuah sekolah latihan untuk kakitangan hospital. Sementara itu, untuk memperbaiki keadaan kesihatan di kawasan luar bandar, cadangan dibuat untuk membina satu rangkaian pusat kesihatan yang setiap satunya mengadakan perkhidmatan bagi kira-kira 10,000 penduduk. Lebih kurang 200 pusat jenis ini dicadangkan. Juga diperkenalkan skim untuk memperluaskan rawatan tibi dan meningkatkan kemudahan kesihatan di hospital awam serta institusi perubatan yang lain.⁵²¹

Pada tahun 1950, Tanah Melayu telah mempunyai organisasi perubatan yang teratur. Setiap negeri dan petempatan mempunyai pejabat perubatan yang menyelaraskan pentadbiran perkhidmatan kesihatan dan hospital. Di pihak kesihatan, terdapat pegawai kesihatan di setiap negeri dibantu oleh inspektor atau penyelia kesihatan, yang sama ada bertanggungjawab kepada Lembaga Bandar atau bekerja secara langsung di bawah bidang kuasa lembaga di kawasan luar bandar. Setiap pegawai kesihatan bertanggungjawab untuk satu kawasan yang mengandungi penduduk antara 5,000 dan 10,000 orang. Hospital dibina di bandar dan dispensari berkhidmat untuk penduduk luar bandar.⁵²² Pada tahun 1950, 685,015 pesakit mendapat rawatan di dispensari bergerak di seluruh Tanah Melayu.⁵²³ Tahun ini juga dirancangkan untuk menukuhkan sebuah pusat kebajikan bayi di Kuantan, Pahang dan ia dijangka siap pada tahun 1955.⁵²⁴ Dispensari bergerak untuk wanita dan kanak-kanak dimulakan di kawasan pekan dan luar bandar di Perak pada Julai 1950.⁵²⁵ Pada tahun itu juga, perkhidmatan kesihatan dan perubatan diperkembangkan lagi di Tanah Melayu. Penyelidikan ke atas Pencegahan penyakit

malaria dilakukan. Pekerja kebajikan sosial diberi latihan berdasarkan Tabung Kebajikan dan Pembangunan Kolonial. Rancangan Pembangunan Enam Tahun digariskan bagi membina pusat kebajikan, pusat kesihatan luar bandar, pembesaran hospital, pembinaan klinik dan melatih pegawai kesihatan tempatan.⁵²⁶

Statistik penting pada tahun 1951 menunjukkan terdapat peningkatan dalam kesihatan penduduk Tanah Melayu. Jumlah kelahiran yang dicatatkan pada tahun 1951 adalah 232,896, iaitu dengan purata bulanan 19,408 berbanding dengan 18,293 sebulan pada tahun 1950. Sementara itu, bilangan kematian yang dicatatkan pada tahun 1951 adalah 81,630 dengan purata 6,803 sebulan daripada 6,880 pada tahun 1950. Angka ini menunjukkan kadar kematian adalah 15.3 per seribu dan kadar kelahiran 43.6 per seribu pada tahun 1951 berbanding dengan 15.8 kadar kematian dan 42.0 kadar kelahiran pada tahun 1950. Kadar kematian bayi pula adalah 97 per seribu dan kadar pada tahun 1950 ialah 102.⁵²⁷ Pada tahun 1949, 1950 dan 1951, sebahagian besar daerah di Negeri Sembilan memperolehi kemudahan perubatan dan kesihatan melalui perkhidmatan dispensari. Ini termasuklah Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson dan Tampin yang menerima perkhidmatan dispensari bergerak. Manakala Sri Menanti, Padang Lebar, Jelebu dan Rembau memperolehi perkhidmatan kesihatan melalui penolong hospital yang bergerak dengan kereta atau basikal.⁵²⁸

Pada tahun 1952, jumlah kelahiran mencapai 244,624 dengan jumlah kematian 75,020. Kadar kematian bayi pula ialah 90 per seribu kelahiran dan kadar kematian bagi penduduk Tanah Melayu pada tahun ini ialah 13.6 per seribu.⁵²⁹ Perkembangan kesihatan pada tahun 1952 bertumpu kepada penyediaan perkhidmatan kepada penduduk di kawasan penempatan semula. Perkhidmatan perubatan di kawasan penempatan semula ini diselenggarakan oleh dispensari statik, dispensari bergerak dan Pasukan Palang Merah British⁵³⁰ serta Pasukan St. John Ambulans.⁵³¹ Selain itu, seramai 50 jururawat wanita

dihantar oleh Pasukan Palang Merah British berkhidmat di kampung baru di Tanah Melayu.⁵³² Pada tahun 1952, terdapat tujuh dispensari bergerak di Tanah Melayu.⁵³³ Di samping itu, sehingga 31 Disember 1952, sejumlah 21,631 pesakit mendapat rawatan daripada klinik mubaligh.⁵³⁴ Sejumlah \$912,375 diperuntukkan oleh kerajaan pusat kepada kerajaan negeri dan petempatan untuk memenuhi keperluan kesihatan dan perubatan di kampung baru antara tahun 1951 hingga 1952. Pada akhir tahun 1952, \$355,581 telah dibelanjakan.⁵³⁵ Ini menunjukkan kesihatan penduduk luar bandar adalah elemen penting yang diberi penekanan pada tahun 1952. Begitu juga, pasukan kesihatan dan perubatan sukarela dibentuk untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk di kampung baru di Tanah Melayu. Jadual 21 menunjukkan kampung baru di Selangor yang mendapat kemudahan perkhidmatan kesihatan dan perubatan daripada pasukan sukarela pada tahun 1952. Ini termasuklah Pasukan Palang Merah yang dibentuk di Serdang pada 10 Mei 1952, di Ampang pada 4 Julai 1952, di Pandamaran pada 16 Julai 1952, di Tanjung Sepat pada 21 Ogos 1952 dan 12 September 1952 di Tanjung Karang. Pasukan St. John Ambulans ditubuhkan pada 23 September 1952 di Jinjang, 26 September 1952 di Kuala Kubu Bahru, 20 Disember 1952 di Hulu Langat, 30 Disember 1952 di Setapak dan 31 Disember 1952 di Jenjarom. Klinik yang dikendalikan oleh badan mubaligh pula dapat dijumpai di Jinjang Selatan, Salak South dan kawasan penempatan pertanian Sungai Buluh pada tahun 1952.

Jadual 21
Pasukan Kesihatan dan Perubatan yang Berkhidmat di Kampung Baru, Selangor
Pada Tahun 1952

Nama Kampung Baru	Tarikh Penubuhan Pasukan
<u>Pasukan Palang Merah</u>	
1. Serdang	10 Mei 1952
2. Ampang	4 Julai 1952
3. Pandamaran	16 Julai 1952
4. Tanjung [Tanjung] Sepat	21 Ogos 1952
5. Tanjung [Tanjung] Karang	12 September 1952
<u>Pasukan St. John Ambulans</u>	
1. Jinjang	23 September 1952
2. Kuala Kubu Bahru	26 September 1952
3. Ulu [Hulu] Langat	20 Disember 1952
4. Setapak	30 Disember 1952
5. Jenjarom	31 Disember 1952
<u>Klinik-Klinik Mubaligh*</u>	
1. Jinjang Selatan	-
2. Penempatan Pertanian Sungai Buloh [Sungai Buluh]	-
3. Salak South	-

*Klinik ini mula memberi perkhidmatan selewat-lewatnya pada tahun 1952. *The China Press*, 5 May 1953, hlm. 3

Sumber: Annual Report 1952 by State Medical and Health Officer, Selangor, hlm. 9-10, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2953/1952, Annual Report, 1952, 1953, 1954.

Pada tahun 1953, perkembangan perkhidmatan kesihatan luar bandar dapat dilihat melalui penempatan pasukan sementara yang dianggotai oleh Pasukan St. John Ambulans dan jururawat Pasukan Palang Merah di kampung baru dan kampung di seluruh negara. Ini ditambahkan lagi dengan pengaliran masuk perkhidmatan kesihatan oleh para mualigh Kristian di kawasan penempatan semula.⁵³⁶ Antaranya, Persatuan Mualigh Seberang Laut menghantar dua wanita untuk berkhidmat kepada penduduk kampung di Tanah Melayu. Antara tugas mereka adalah memberi bantuan kepada pesakit dan membekalkan mereka dengan ubat-ubatan.⁵³⁷ Pusat kesihatan luar bandar diadakan di

Astana Raja, Negeri Sembilan, pada tahun 1953 dan satu lagi diadakan di Lenggeng, Negeri Sembilan, pada tahun 1954.⁵³⁸

Keadaan kesihatan di Tanah Melayu bertambah baik pada tahun 1954. Pada tahun ini, usaha meningkatkan keadaan kesihatan di luar bandar terus ditekankan. Antaranya, dispensari statik, bilik rawatan, dispensari bergerak, pusat kebajikan bayi dan klinik kebajikan bayi disediakan. Selain itu, perkhidmatan kesihatan diberi oleh Pasukan Palang Merah British, sukarelawan wanita dan Pasukan St. John Ambulans serta stesen yang disediakan oleh badan mubaligh. Kemudahan kesihatan di luar bandar semakin bertambah jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 22. Terdapat 172 dispensari statik yang memberi kemudahan kesihatan di luar bandar pada tahun 1954, berbanding dengan 169 pada tahun 1953 dan 150 pada tahun 1952. Bilangan bilik rawatan yang ada pada tahun 1954 ialah tujuh berbanding dengan lima pada tahun 1953. Tiada bilik rawatan yang disediakan pada tahun 1952. Dispensari bergerak yang menyediakan kemudahan kesihatan di luar bandar pada tahun 1954 pula berjumlah 75, iaitu sama dengan tahun 1953. Pada tahun 1952, 73 dispensari jenis ini berkhidmat di luar bandar. Sejumlah 100 pusat kebajikan bayi telah ditubuhkan pada tahun 1954 berbanding dengan 104 pada tahun 1953 dan 94 pada tahun 1952. Manakala jumlah klinik kecil kebajikan bayi ialah 401 pada tahun 1954, berbanding dengan 372 pada tahun 1953 dan 242 pada tahun 1952. Pada tahun 1952, terdapat 28 Pasukan Palang Merah British bergerak di Tanah Melayu berbanding dengan 31 pada tahun 1953 dan 30 pada tahun 1952. Terdapat tiga sukarelawan wanita yang menjalankan tugas menjaga kesihatan penduduk luar bandar pada tahun 1954, berbanding dengan empat orang pada tahun 1953. Pada tahun 1952, belum ada lagi sukarelawan wanita yang berkhidmat. Bagi Pasukan St. John Ambulans pula, terdapat 22 pasukan pada tahun 1954, 26 pada tahun 1953 dan 12 pada tahun 1952. Pada tahun 1954, badan

mubaligh telah menyediakan 15 stesen perkhidmatan perubatan untuk penduduk luar bandar, berbanding dengan 16 pada tahun 1953 dan enam pada tahun 1952.

Jadual 22
Kemudahan Kesihatan di Luar Bandar, 1952-1954

Kemudahan	1952	1953	1954
Dispensari Statik	150	169	172
Bilik Rawatan	-	5	7
Dispensari Bergerak	73	75	75
Pusat Kebajikan Bayi	94	104	100
Klinik Kecil Kebajikan Bayi	242	372	401
Pasukan Palang Merah British Yang Memberi Perkhidmatan	30	31	28
Sukarelawan Wanita Yang Memberi Perkhidmatan Kesihatan	-	4	3
Pasukan St. John Ambulans Yang Beroperasi	12*	26	22
Stesen Perkhidmatan Perubatan Yang Disediakan oleh Badan Mubaligh	6	16	15

*Pada tahun 1952, selain 12 pasukan yang sedang memberi perkhidmatan kepada penduduk luar bandar, 25 pasukan lagi sedang dirancang oleh Persatuan St. John Ambulans.

Sumber: Maklumat untuk tahun 1952, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 178. Lihat juga *Manchester Guardian*, 26 June 1952, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatters In Malaya, hlm. 68. Untuk tahun 1953, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 199. Bagi tahun 1954, rujuk *Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 236; Statement of Rural Health Services As at 31st December, 1954, dalam Member For Health Quarterly Progress Report To Executive Council For The Quarter October/December 1954, Department of Medical Services Federation of Malaya, dalam C.O. 1030/36/FED17/112/01 Part A, Federation of Malaya, Administrative Reports, hlm. 179

Selain perhatian diberi kepada penduduk luar bandar, keadaan kesihatan Orang Asli yang berada dalam hutan juga diberi penekanan. Pada tahun 1954, dispensari kesihatan didirikan dalam setiap *jungle fort* dan di Pusat Penyelidikan Orang Asli di seluruh Tanah Melayu.⁵³⁹ Dispensari ini menyediakan perantaraan yang berkesan dalam mendidik Orang Asli tentang kepentingan kesihatan. Penubuhan dispensari ini juga adalah faktor penting dalam memelihara keadaan kesihatan Orang Asli dan menyedarkan mereka tentang kepentingan hidup yang sihat serta berhubung dengan dunia luar. Sekaligus

langkah tersebut juga menunjukkan bahawa Orang Asli sentiasa dijaga oleh kerajaan. Dengan itu, komuniti ini akan menyokong kerajaan dan bukan berpihak kepada pengganas komunis.

Pada tahun 1955, jumlah kelahiran penduduk Tanah Melayu mencatatkan 260,766 berbanding 257,844 pada tahun 1954. Jumlah ini menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 2,922 pada tahun 1955. Angka kematian pula ialah 69,477 pada tahun 1955 berbanding 71,861 pada tahun 1954, iaitu penurunan sebanyak 2,414. Kadar kematian keseluruhan di Tanah Melayu pada tahun 1955 ialah 11.5 per seribu penduduk berbanding 12.2 per seribu pada tahun 1954.⁵⁴⁰ Pada tahun 1955, penekanan terhadap perluasan dan perkembangan perkhidmatan kesihatan luar bandar diteruskan. Jabatan Perubatan Negeri dan Petempatan menyediakan kemudahan perubatan melalui dispensari statik, klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak serta dispensari bergerak. Sebagai tambahan, badan sukarela yang terdiri daripada Pasukan Palang Merah, Pasukan St. John Ambulans dan badan mubaligh turut menyumbang dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar,⁵⁴¹ terutamanya kampung baru. Dengan adanya kemudahan ini, kehidupan penduduk di kampung baru lebih terjamin kerana penduduk sentiasa hidup dalam keadaan yang sihat dan timbul keyakinan kepada kerajaan. Selepas pilihanraya tahun 1955, Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Sosial yang terdiri daripada Jabatan Kesihatan, Ilmu Kimia dan Kebajikan Sosial pula bertanggungjawab ke atas hal-hal kesihatan penduduk Tanah Melayu.⁵⁴²

Pada tahun 1956, beberapa Pusat Kesihatan Daerah siap dibina dan dibuka. Antaranya, di Rembau, Negeri Sembilan pada 18 Ogos 1956; di Parit, Perak pada 4 September 1956; di Rengit, Johor pada 18 September 1956 dan Kuala Kubu Bahru, Selangor. Manakala empat pusat lain dijangka siap dibina di Selangor pada tahun 1957. Di Tanah Melayu, pada tahun 1956, sudah dibina 71 buah hospital kerajaan. Terdapat

juga cadangan untuk membina hospital baru di Petaling Jaya, Selangor; Seremban, Negeri Sembilan dan Kuantan, Pahang. Cadangan ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaya Pertama (1956-1960).⁵⁴³ Sejumlah \$10 juta setahun untuk tempoh 1956-1960 bagi pembangunan kesihatan dicadangkan dalam rancangan ini.⁵⁴⁴ Sehingga tahun 1956, kebanyakan kampung baru telah dibekalkan dengan kemudahan perkhidmatan kesihatan dan perubatan. Pada November 1956, Menteri Kesihatan dan Kebajikan Sosial, Leong Yew Koh, mengatakan bahawa kampung baru telah menikmati sekurang-kurangnya satu daripada kemudahan kesihatan dan perubatan berikut:

- (a) Klinik Perkhidmatan Perubatan Kerajaan atau dispensari;
- (b) Klinik yang dikendalikan oleh badan mubaligh;
- (c) Klinik yang dikendalikan oleh Pasukan Palang Merah atau Pasukan St. John Ambulans;
- (d) Klinik bergerak dijalankan dengan kenderaan bermotor atau bot dan diatur oleh Perkhidmatan Perubatan Kerajaan atau badan mubaligh atau Pasukan Palang Merah atau Pasukan St. John Ambulans;
- (e) Lawatan dalam jangka waktu tetap oleh klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak.⁵⁴⁵

Secara umumnya, kemudahan kesihatan luar bandar yang ada di Tanah Melayu pada tahun 1956 termasuklah 151 dispensari statik, 85 dispensari bergerak, 72 klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak⁵⁴⁶ dan 518 cawangan klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak, 18 Pasukan Palang Merah yang berkhidmat untuk menjaga kesihatan penduduk, 16 Pasukan St. John Ambulans yang beroperasi serta 17 stesen perubatan dan kesihatan yang disediakan oleh badan mubaligh.⁵⁴⁷ Keadaan kesihatan penduduk Tanah Melayu bertambah baik berikutan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan kemudian darurat ditamatkan pada Julai 1960. Ini dapat dilihat di mana pada tahun 1959, kadar kematian bayi, misalnya telah menurun kepada 39 per seribu.⁵⁴⁸ Pada Mac 1960, Menteri Kesihatan dan Kebajikan Sosial Tanah Melayu, Dato' Ong Yoke Lin⁵⁴⁹ menyatakan bahawa perkara penting yang harus diberi perhatian segera ialah memperluaskan kemudahan kesihatan dan perubatan yang terdapat di kawasan luar

bandar, melatih kakitangan kesihatan dan perubatan serta memperbaiki hospital yang kekurangan kelengkapan.⁵⁵⁰ Dengan itu, dapat dikatakan bahawa darurat telah mencorakkan usaha menyediakan kemudahan kesihatan dan perubatan, khasnya kepada penduduk luar bandar di Tanah Melayu.

¹ *The China Press*, 23 November 1957, hlm. 1. Usaha untuk memulihkan perkhidmatan keretapi mula dirancang oleh British semasa Jepun masih menduduki Tanah Melayu lagi. Kerajaan British menubuhkan sebuah badan bernama Unit Perancangan British Tanah Melayu di Britain. Unit ini merancangkan membeli stok baru dan memperbaiki perkhidmatan keretapi. Pada amnya, kerajaan British menghaskan \$100 juta untuk memulihkan perkhidmatan keretapi. Ini kerana British sedar ia dapat memainkan peranan penting dalam pemulihan ekonomi Tanah Melayu. Mulai September 1945, perkhidmatan keretapi diletakkan di bawah pentadbiran Direktorat Pengangkutan Angkatan Tentera Darat Bersekutu Asia Tenggara. Mulai 1 Januari 1946, BMA pula mengambil alih pengurusan keretapi di Tanah Melayu. Tiga bulan kemudian, berikutan dengan perkembangan politik, iaitu penubuhan *Malayan Union, Federated Malay States (FMS) Railway* dinamakan semula sebagai Keretapi Malaya (*Malayan Railway*). Keretapi Malaya beroperasi sebagaimana yang ditetapkan di bawah *Railway Ordinance (1948)*. Selepas 31 Ogos 1957, Keretapi Malaya ditukar kepada Keretapi Tanah Melayu (KTM) di bawah *Railway Ordinance 1948*, dengan beberapa pindaan Amarjit Kaur, "Railroad in Malaya, 1941-1957: The Japanese Interregnum, The Return of British and Railroad Reconstruction", *Malaysia in History*, Vol. 25, 1982, hlm. 91-92. Amarjit Kaur, *Seabad Keretapi Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm. 62. M.A. Fawzi Basri, *Sejarah Keretapi Di Malaysia*, Kuala Lumpur: United Selangor Press, 1985, hlm. 74 dan 76. Rujuk juga J.O. Sanders, *Malayan Union Railways Report For The Period 1st April To 31st December 1946*, Kuala Lumpur: Malayan Union Government Press, 1947, hlm. 1-2. Penukaran dari *FMS Railway* kepada Keretapi Malaya juga dinyatakan dalam Amarjit Kaur, "Working on The Railway: Indian Workers in Malaya, 1880-1957", dalam Peter J Rimmer & Lisa M. Allen (eds.), *The Underside of Malaysian History: Pullers, Prostitutes, Plantation Workers . . .*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hlm. 102. Sementara itu, di Sabah, kepentingan keretapi sebagai sistem perhubungan diakui oleh pihak Jepun pada zaman pendudukan Jepun. Sistem keretapi membolehkan pihak Jepun memperluaskan kegiatan ekonomi sehingga ke kawasan pedalaman Sabah untuk menguasai sumber semulajadi. Landasan keretapi itu kemudian dibomkan oleh pasukan tentera bersekutu pada tahun 1944 dan 1945. Lihat Amarjit Kaur, "Hantu and Highway: Transport in Sabah 1881-1963", *Modern Asian Studies*, Vol. 28, No. 1, 1994, hlm. 30.

² *The China Press*, 23 November 1957, hlm. 1; S.S. Awbery and F.W. Dalley, *Labour and Trade Union Organisation in The Federation of Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm. 3. Lihat juga Amarjit Kaur, *Bridge and Barrier, Transport and Communications in Colonial Malaya 1870-1957*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 176; Amarjit Kaur, "Railroad in Malaya, 1941-1957: The Japanese Interregnum, The Return of British and Railroad Reconstruction", hlm. 93. Terdapat empat kaedah yang digunakan oleh penganas komunis dalam serangan ke atas keretapi Tanah Melayu. Kaedah tersebut ialah mensabotaj landasan dengan memasang bahan letupan, menembak keretapi yang sedang bergerak, membakar stesen keretapi dan sistem telekomunikasinya serta menggelincirkan keretapi dengan melonggarkan landasan keretapi. The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 88 For The Week Ending The 10th January 1952, Part III, dalam C.O. 1022/13/SEA10/14/03, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity. Cara sabotaj keretapi oleh penganas, lihat Memorandum-Sabotage of Malayan Railway Track, hlm. 1-2, dalam C.O. 1022/1/SEA10/01, General Emergency Situation In Malaya. Lihat juga Hassan Yusof, "Pasukan Polis di Tanah Melayu Semasa Bermula Kempen Keganasan Komunis Sehingga Pengisytiharan Undang-Undang Darurat: 1947-1948", hlm. 14-15; M.A. Fawzi Basri, *Sejarah Keretapi Di Malaysia*, hlm. xxxi. Rujuk juga SP. 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, Bil. 11, 1958, hlm. 38; *Utusan Malaysia*, 12 Oktober 1991, hlm. 8.

³ SP. 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, Bil. 11, 1958, hlm. 37; *The China Press*, 29 August 1949, hlm. 5; *Kin Kwok Daily News*, 29 August 1949, hlm. 4.

⁴ *The Malaya Tribune (Singapore)*, 10 November 1949, hlm. 1; *The Straits Times*, 13 January 1958, hlm. 1. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1948*, hlm. 141-142.

⁵ *The China Press*, 24 July 1948, hlm. 6. Lihat juga *Majlis*, 24 Julai 1948, hlm. 1; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 24 July 1948, hlm. 4; *Kin Kwok Daily News*, 27 July 1948, hlm. 4; *The Malay Mail*, 23 July 1948, hlm. 3, *The Singapore Free Press*, 23 July 1948, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 24 July 1948, hlm. 1

⁶ *Majlis*, 27 Ogos 1948, hlm. 7; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 28 August 1948, hlm. 1.

⁷ *Kin Kwok Daily News*, 12 September 1948, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 11 September 1948, hlm. 3.

⁸ Keretapi panduan ialah keretapi yang bergerak mendahului keretapi penumpang atau keretapi barang. Ia bertujuan untuk memastikan landasan selamat digunakan.

⁹ *Majlis*, 17 September 1948, hlm. 7; *Nanyang Siang Pau*, 16 September 1948, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 16 September 1948, hlm. 7; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 16 September 1948, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 16 September 1948, hlm. 1; *Kin Kwok Daily News*, 16 September 1948, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 19 September 1948, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 17 September 1948, hlm. 4

¹⁰ *Sing Pin Jih Pao*, 21 October 1948, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 21 October 1948, hlm. 4, *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 21 October 1948, hlm. 1.

¹¹ *Kin Kwok Daily News*, 1 December 1948, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 1 December 1948, hlm. 3; *Nanyang Siang Pau*, 1 December 1948, hlm. 7, *Sin Chew Jit Poh*, 1 December 1948, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 1 December 1948, hlm. 4; *Indian Daily Mail*, 1 December 1948, hlm. 4, *The Malay Mail*, 30 November 1948, hlm. 1.

¹² *Sing Pin Jih Pao*, 11 December 1948, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 December 1948, hlm. 4

¹³ *Majlis*, 28 Disember 1948, hlm. 1, *Nanyang Siang Pau*, 28 December 1949, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 28 December 1948, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 28 December 1948, hlm. 3; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 28 December 1948, hlm. 1

¹⁴ Amarjit Kaur, *Bridge and Barrier, Transport and Communications in Colonial Malaya 1870-1957*, hlm. 176, Amarjit Kaur, "Railroad in Malaya, 1941-1957: The Japanese Interregnum, The Return of British and Railroad Reconstruction", hlm. 94-95. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1948*, hlm. 141-142, *The Straits Times*, 13 January 1958, hlm. 1. Menurut akhbar *The China Press*, 31 October 1950, hlm. 3, akibat kerosakan yang dilakukan oleh pengganas komunis, kadar kelajuan keretapi dikurangkan.

¹⁵ *Federation of Malaya Annual Report 1948*, hlm. 141-142. Rujuk juga SP. 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, Bil. 11, 1958, hlm. 37. Lihat juga Memorandum-Sabotage of Malayan Railway Track, hlm. 2-3, dalam C.O. 1022/1/SEA10/01, General Emergency Situation In Malaya; *Modern Daily News*, 29 August 1949, hlm. 4; *The China Press*, 5 August 1948, hlm. 6; 29 August 1949, hlm. 5; *Nanyang Siang Pau*, 30 July 1948, hlm. 5, *Kin Kwok Daily News*, 22 July 1948, hlm. 4; 31 July 1948, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 19 October 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 22 July 1948, hlm. 4; 31 July 1948, hlm. 3. Pemasangan alat gelombang radio bagi keretapi malam turut dinyatakan dalam *The Malay Mail*, 4 August 1948, hlm. 5. Keretapi Malaya menempah 42 buah keretapi panduan dan antaranya, sembilan buah mula digunakan pada pertengahan tahun 1953. *The China Press*, 23 July 1953, hlm. 5. Rujuk juga *Nanyang Siang Pau*, 2 February 1953, hlm. 8.

¹⁶ SP. 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, Bil. 11, 1958, hlm. 37 dan 38. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 7 August 1948, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 7 August 1948, hlm. 4.

¹⁷ G.R. Poynter, Executive Secretary to The Director of Operations, Bluff Road., Kuala Lumpur, 27 April 1954, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kelantan Sect. Conf. No. 315/54, Railway Security

¹⁸ *Majlis*, 8 September 1948, hlm. 1.

¹⁹ *Federation of Malaya Annual Report 1948*, hlm. 141.

²⁰ *Modern Daily News*, 29 August 1949, hlm. 4.

²¹ *Federation of Malaya Annual Report 1949*, hlm. 165-166. Rujuk juga *Kin Kwok Daily News*, 14 July 1950, hlm. 3; *Straits Echo & Times of Malaya*, 31 October 1950, hlm. 3.

²² *Majlis*, 24 Januari 1949, hlm. 2; *Sing Pin Jih Pao*, 24 January 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 23 January 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 22 January 1949, hlm. 5.

²³ *Nanyang Siang Pau*, 28 January 1949, hlm. 7. Rujuk juga *Sin Chew Jit Poh*, 28 January 1949, hlm. 7

²⁴ SP. 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, Bil. 11, 1958, hlm. 37; *Modern Daily News*, 3 February 1949, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 3 February 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 3 February 1949, hlm. 1.

²⁵ M.A. Fawzi Basri, *Sejarah Keretapi di Malaysia*, hlm. xxxi. Lihat juga *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 3 February 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 2 February 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 2 February 1949, hlm. 1; 3 February 1949, hlm. 1.

²⁶ *The China Press*, 3 February 1949, hlm. 6; *Sin Chew Jit Poh*, 3 February 1949, hlm. 7. Lihat juga *Majlis*, 4 Februari 1949, hlm. 2; *Kim Kwok Daily News*, 3 February 1949, hlm. 4; 4 February 1949, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 3 February 1949, hlm. 3; 4 February 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 3 February 1949, hlm. 3; *Indian Daily Mail*, 3 February 1949, hlm. 4.

²⁷ *Majlis*, 24 Mac 1949, hlm. 2; *Sing Pin Jih Pao*, 23 March 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 23 March 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 22 March 1949, hlm. 5.

²⁸ *Kim Kwok Daily News*, 2 July 1949, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 2 July 1949, hlm. 3.

²⁹ Colonial Office Malaya, 30th September-6th October, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared in Eastern Department (Colonial Office), hlm. 77.

³⁰ Dato' J.J. Raj, Jr, *The War Years & After*, hlm. 118; *The China Press*, 3 October 1949, hlm. 5; 5 October 1949, hlm. 5; *Kim Kwok Daily News*, 4 October 1949, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 4 October 1949, hlm. 3; *The Singapore Free Press*, 3 October 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 3 October 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 4 October 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 3 October 1949, hlm. 1.

³¹ Colonial Office Malaya, 9th-15th December, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office), hlm. 20; Federation of Malaya Police Monthly CID Survey of Crime For December 1949, dalam C.O. 717/175/52849/22/Part II, Law and Order, Monthly CID Survey of Crime, hlm. 46. Lihat juga *The China Press*, 12 December 1949, hlm. 6; *Kim Kwok Daily News*, 12 December 1949, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 12 December 1949, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 20 December 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 12 December 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 12 December 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 12 December 1949, hlm. 1.

³² *Federation of Malaya Annual Report 1949*, hlm. 165-166. Rujuk juga *Straits Echo & Times of Malaya*, 31 October 1950, hlm. 3.

³³ *Federation of Malaya Annual Report 1950*, hlm. 185-186. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 12 November 1951, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 19 September 1952, hlm. 7; *The Malay Mail*, 8 August 1952, hlm. 6.

³⁴ *The China Press*, 5 January 1950, hlm. 6. Lihat juga *Majlis*, 4 Januari 1950, hlm. 2; *Sing Pin Jih Pao*, 4 January 1950, hlm. 5; 5 January 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 3 January 1950, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 3 January 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 3 January 1950, hlm. 8.

³⁵ *The China Press*, 6 January 1950, hlm. 6; *Nanyang Siang Pau*, 6 January 1950, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 6 January 1950, hlm. 7; *Kim Kwok Daily News*, 6 January 1950, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 6 January 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 6 January 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 6 January 1950, hlm. 4; *The Malay Mail*, 5 January 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 5 January 1950, hlm. 1.

³⁶ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 2, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency, Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 2, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga *The China Press*, 26 November 1950, hlm. 5; *Nanyang Siang Pau*, 26 January 1950, hlm. 7; *Majlis*, 27 Januari 1950, hlm. 2; *Sin Chew Jit Pau*, 26 January 1950, hlm. 7; *Kim Kwok Daily News*, 26 January 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 26 January 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 26 January 1950, hlm. 5; *The Malay Mail*, 25 January 1950, hlm. 5; *The Singapore Free Press*, 25 January 1950, hlm. 1.

³⁷ *Majlis*, 29 Januari 1950, hlm. 8; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 January 1950, hlm. 5.

³⁸ Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 83 For Week Ending 9 February 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 405. Lihat juga *Majlis*, 7 Februari 1950, hlm. 2; *Kim Kwok Daily News*, 7 February 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 7 February 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 7 February 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 7 February 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 7

February 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 7 February 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 7 February 1950, hlm. 5.

³⁹ Colonial Office Malaya, 24th February-2nd March 1950, dalam C.O. 717/201/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports, hlm. 209.

⁴⁰ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 5, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 5, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency; *The China Press*, 2 March 1950, hlm. 5; *Nanyang Siang Pau*, 3 March 1950, hlm. 6; *Sin Chew Jit Poh*, 3 March 1950, hlm. 7. Rujuk juga *Majlis*, 3 Mac 1950, hlm. 2; *Kin Kwok Daily News*, 3 March 1950, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 4 March 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 2 March 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 3 March 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 2 March 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 2 March 1950, hlm. 5.

⁴¹ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 6, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 6, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga *Majlis*, 6 Mac 1950, hlm. 2; *Sin Chew Jit Poh*, 5 March 1950, hlm. 7; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 6 March 1950, hlm. 6; *The Singapore Free Press*, 4 March 1950, hlm. 1.

⁴² Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 6, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 6, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Rujuk juga *Majlis*, 8 Mac 1950, hlm. 2; *Kin Kwok Daily News*, 8 March 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 8 March 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 7 March 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 8 March 1950, hlm. 4; *The Malay Mail*, 7 March 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 7 March 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 7 March 1950, hlm. 5.

⁴³ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 7, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 7, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 22 March 1950, hlm. 6; *Kin Kwok Daily News*, 22 March 1950, hlm. 4; *Indian Daily Mail*, 22 March 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 22 March 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 21 March 1950, hlm. 1.

⁴⁴ Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 90 For Week Ending 30 March 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 324. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 2 April 1950, hlm. 11; *Sin Chew Jit Poh*, 2 April 1950, hlm. 7; *Indian Daily Mail*, 31 March 1950, hlm. 4.

⁴⁵ Tukang api adalah pekerja yang memasuki kayu arang ke dalam pendiang keretapi.

⁴⁶ *Majlis*, 4 April 1950, hlm. 8. Lihat juga Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 8, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 8, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency; *The China Press*, 5 April 1950, hlm. 5; *Nanyang Siang Pau*, 5 April 1950, hlm. 6; *Sing Pin Jih Pao*, 4 April 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 3 April 1950, hlm. 5; *The Malay Mail*, 3 April 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 3 April 1950, hlm. 8; 4 April 1950, hlm. 5.

⁴⁷ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 8, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 8, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga *The China Press*, 5 April 1950, hlm. 5; *Nanyang Siang Pau*, 5 April 1950, hlm. 6; *Sin Chew Jit Poh*, 5 April 1950, hlm. 7.

⁴⁸ Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 91 For Week Ending 6 April 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence

Summary, hlm. 311; *The China Press*, 6 April 1950, hlm. 7; *Nanyang Siang Pau*, 6 April 1950, hlm. 6; *Sin Chew Jit Poh*, 6 April 1950, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 6 April 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 6 April 1950, hlm. 6; *The Singapore Free Press*, 4 April 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 4 April 1950, hlm. 1.

⁴⁹ Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 92 For Week Ending 13 April 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 300. Lihat juga *Majlis*, 9 April 1950, hlm. 8; *Sin Chew Jit Poh*, 9 April 1950, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 8 April 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 8 April 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 8 April 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 8 April 1950, hlm. 1; *The Malay Mail*, 8 April 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 8 April 1950, hlm. 12.

⁵⁰ *The Malay Mail*, 10 April 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 10 April 1950, hlm. 3; *Indian Daily Mail*, 10 April 1950, hlm. 4; 11 April 1950, hlm. 4. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 10 April 1950, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 10 April 1950, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 10 April 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 10 April 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 10 April 1950, hlm. 5.

⁵¹ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 9, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 9, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Rujuk juga *Majlis*, 17 April 1950, hlm. 8; *Sin Chew Jit Poh*, 18 April 1950, hlm. 7; *Sing Pin Jih Pao*, 17 April 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 17 April 1950, hlm. 4; *The Malay Mail*, 17 April 1950, hlm. 5.

⁵² *Sin Chew Jit Poh*, 3 May 1950, hlm. 7; *The Malay Mail*, 1 May 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 2 May 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 2 May 1950, hlm. 1.

⁵³ *Sing Pin Jih Pao*, 19 May 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 19 May 1950, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 19 May 1950, hlm. 1.

⁵⁴ *Majlis*, 24 Mei 1950, hlm. 2; *Kin Kwok Daily News*, 23 May 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 24 May 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 24 May 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 24 May 1950, hlm. 1.

⁵⁵ Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For May 1950, dalam C.O. 717/200/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime, hlm. 198; The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 3 For Week Ending 25 May 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 208. Lihat juga *Majlis*, 27 Mei 1950, hlm. 8; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 May 1950, hlm. 4; *Indian Daily Mail*, 26 May 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 26 May 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 26 May 1950, hlm. 12

⁵⁶ Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For June 1950, dalam C.O. 717/200/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime, hlm. 163.

⁵⁷ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 14, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 14, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Activities During Emergency. Lihat juga *The China Press*, 7 June 1950, hlm. 3; *Nanyang Siang Pau*, 7 June 1950, hlm. 3; *Sin Chew Jit Poh*, 7 June 1950, hlm. 7; *Majlis*, 7 Jun 1950, hlm. 8; *Sing Pin Jih Pao*, 7 June 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 7 June 1950, hlm. 5; *The Malay Mail*, 6 June 1950, hlm. 5; *Straits Echo & Times of Malaya*, 7 June 1950, hlm. 1.

⁵⁸ *Indian Daily Mail*, 16 June 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 16 June 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 15 June 1950, hlm. 1.

⁵⁹ *Majlis*, 24 Jun 1950, hlm. 8; *Sing Pin Jih Pao*, 23 June 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 23 June 1950, hlm. 4; *The Malay Mail*, 26 June 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 26 June 1950, hlm. 1; 23 June 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 23 June 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 22 June 1950, hlm. 1.

⁶⁰ The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 12 For Week Ending 27 July 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 64. Lihat juga *The China Press*, 22 July 1950, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 22 July 1950, hlm. 5; *The Malay Mail*, 21 July 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 22 July 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 22 July 1950, hlm. 1.

⁶¹ The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 12 For Week Ending 27 July 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 61.

Lihat juga *The China Press*, 25 July 1950, hlm. 3; *Kin Kwok Daily News*, 25 July 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 25 July 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 25 July 1950, hlm. 6; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 25 July 1950, hlm. 1.

⁶² The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 13 For Week Ending 3 August 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 45. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 4 August 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 4 August 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 4 August 1950, hlm. 5; 5 August 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 4 August 1950, hlm. 4, *The Malay Mail*, 3 August 1950, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 4 August 1950, hlm. 3.

⁶³ The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 14 For Week Ending 10 August 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 21. Rujuk juga *Modern Daily News*, 6 August 1950, hlm. 4; *Kin Kwok Daily News*, 6 August 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 6 August 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 6 August 1950, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 5 August 1950, hlm. 1.

⁶⁴ The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 14 For Week Ending 10 August 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 24. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 9 August 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 7 August 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 9 August 1950, hlm. 1.

⁶⁵ *Sing Pin Jih Pao*, 15 August 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 15 August 1950, hlm. 5, *The Malay Mail*, 15 August 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 15 August 1950, hlm. 1.

⁶⁶ Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For August 1950, dalam C.O. 717/200/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime, hlm. 105.

⁶⁷ *Kin Kwok Daily News*, 30 August 1950, hlm. 4, *The Malaya Tribune (Singapore)*, 29 August 1950, hlm. 1.

⁶⁸ *Modern Daily News*, 5 September 1950, hlm. 4; *The China Press*, 5 September 1950, hlm. 3. Lihat juga *Majlis*, 5 September 1950, hlm. 4; *Kin Kwok Daily News*, 5 September 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 5 September 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 5 September 1950, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 5 September 1950, hlm. 3.

⁶⁹ *Modern Daily News*, 12 September 1950, hlm. 4; *Majlis*, 12 September 1950, hlm. 6; *Sing Pin Jih Pao*, 10 September 1950, hlm. 4.

⁷⁰ *Sing Pin Jih Pao*, 18 September 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 18 September 1950, hlm. 4.

⁷¹ *Nanyang Siang Pau*, 4 October 1950, hlm. 6; *Sin Chew Jit Poh*, 4 October 1950, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 4 October 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 4 October 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 4 October 1950, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 4 October 1950, hlm. 4

⁷² Extract From *Monitoring Digest*, Tuesday, 24 October 1950, dalam C.O. 717/197/52849, Law and Order, hlm. 63. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 20 October 1950, hlm. 5; *Kin Kwok Daily News*, 20 October 1950, hlm. 4; *Indian Daily Mail*, 20 October 1950, hlm. 4; *The Malay Mail*, 19 October 1950, hlm. 1; *The Singapore Free Press*, 19 October 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 20 October 1950, hlm. 3. Rujuk juga Malaya Monthly Political Intelligence Report, September To October 1950, hlm. 1, dalam C.O. 825/82/3/55404/5, South-East Asia Monthly Political Intelligence Reports.

⁷³ Colonial Office Malaya, 27th October-2nd November 1950, dalam C.O. 717/201/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports, hlm. 37-38. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 31 October 1950, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 31 October 1950, hlm. 7; *Majlis*, 30 Oktober 1950, hlm. 6; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 31 October 1950, hlm. 5; *The Malay Mail*, 30 October 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 1 November 1950, hlm. 5; 3 November 1950, hlm. 8.

⁷⁴ The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 27 For Week Ending 9 November 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 145. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 9 November 1950, hlm. 6.

⁷⁵ *The Singapore Free Press*, 21 November 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 21 November 1950, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 22 November 1950, hlm. 3.

⁷⁶ The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 30 For Week Ending 30 November 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 87. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 1 December 1950, hlm. 7; *Sing Pin Jih Pao*, 1 December 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 1 December 1950, hlm. 1; *The Malay Mail*, 30 November 1950, hlm. 7; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 30 November 1950, hlm. 5; *Straits Echo & Times of Malaya*, 30 November 1950, hlm. 7

⁷⁷ The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 32 For Week Ending 15 December 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 52. Lihat juga *Straits Echo & Times of Malaya*, 12 December 1950, hlm. 1; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 13 December 1950, hlm. 6; *Sing Pin Jih Pao*, 13 December 1950, hlm. 6.

⁷⁸ *The China Press*, 20 December 1950, hlm. 3; *Kin Kwok Daily News*, 25 December 1950, hlm. 6; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 20 December 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 20 December 1950, hlm. 1

⁷⁹ *The China Press*, 23 December 1950, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 25 December 1950, hlm. 5

⁸⁰ *Indian Daily Mail*, 2 January 1951, hlm. 1; *The Malay Mail*, 2 January 1951, hlm. 7.

⁸¹ *Federation of Malaya Annual Report 1950*, hlm. 185-186. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 12 November 1951, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 19 September 1952, hlm. 7; *The Malay Mail*, 8 August 1952, hlm. 6

⁸² SP 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, Bil. 11, 1958, hlm. 37.

⁸³ Antaranya, \$4,842,845.40 diperolehi daripada hasil perkhidmatan keretapi, \$1,541,400.38 daripada tabung Keretapi Malaya dan selebihnya \$6,045,988.22 daripada pinjaman dan tabung kerajaan. *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 250.

⁸⁴ *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 250.

⁸⁵ Ibid., hlm. 251. Lihat juga *Utusan Melayu*, 3 Februari 1953, hlm. 1; *The China Press*, 3 February 1953, hlm. 4; *The Malay Mail*, 8 August 1952, hlm. 6; 18 September 1952, hlm. 9. Sehingga 21 November 1951, terdapat 307 serangan pengganas komunis ke atas keretapi. Dalam kejadian tersebut, 53 kali keretapi digelincirkan dan 36 kali keretapi ditembak. Serangan itu menyebabkan 11 penumpang terbunuh dan 58 orang cedera. Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Wednesday, 21st November 1951, at 10 a.m., dalam *Proceedings of The Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February, 1951 To February, 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 349.

⁸⁶ *Majlis*, 4 Januari 1951, hlm. 5; *Straits Echo & Times of Malaya*, 4 January 1951, hlm. 3.

⁸⁷ Inward Telegram, To The Secretary of State For The Colonies From Federation of Malaya, 21 November 1951, dalam C.O. 1022/1/SEA10/01, General Emergency Situation In Malaya, hlm. 98. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 10 February 1951, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 10 February 1951, hlm. 4.

⁸⁸ Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 18-19. Lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 10 February 1951, hlm. 5; *Majlis*, 10 Februari 1951, hlm. 2.

⁸⁹ *Nanyang Siang Pau*, 27 February 1951, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 27 February 1951, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 27 February 1951, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 27 February 1951, hlm. 5

⁹⁰ *Majlis*, 10 Mac 1951, hlm. 3 dan 4; *Kin Kwok Daily News*, 10 March 1951, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 10 March 1951, hlm. 5

⁹¹ *The China Press*, 1 April 1951, hlm. 2; *Kin Kwok Daily News*, 1 April 1951, hlm. 4; *The Singapore Free Press*, 31 March 1951, hlm. 1.

⁹² *The China Press*, 7 April 1951, hlm. 4. Lihat juga *Majlis*, 7 April 1951, hlm. 6; *Sin Chew Jit Poh*, 7 April 1951, hlm. 7

⁹³ *Straits Echo & Times of Malaya*, 13 April 1951, hlm. 7; *Majlis*, 12 April 1951, hlm. 3; 14 April 1951, hlm. 6.

⁹⁴ *Majlis*, 19 April 1951, hlm. 3. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 19 April 1951, hlm. 6; *Sin Chew Jit Poh*, 19 April 1951, hlm. 7; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 19 April 1951, hlm. 5; *Straits Echo & Times of Malaya*, 19 April 1951, hlm. 7.

⁹⁵ *Majlis*, 28 April 1951, hlm. 2; *Sin Chew Jit Poh*, 28 April 1951, hlm. 7; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 April 1951, hlm. 5.

⁹⁶ *Majlis*, 11 Mei 1951, hlm. 3; *The Malay Mail*, 10 May 1951, hlm. 7; *The Singapore Free Press*, 10 May 1951, hlm. 1.

